


Jilid II  
Bil. 36



Hari Rabu  
26hb Oktober, 1988

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**MENGANGKAT SUMPAH:**

Y.B. Dato Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) [Ruangan 6317]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 6317]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN**  
**MESYUARAT 18:**

Kematian Akibat Racun Salicylate—Y.B. Tuan Ngoi Thiam Woh (Kampar)  
[Ruangan 6395]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Ruangan Undang-undang Perbekalan 1989 [Ruangan 6399]

**USUL-USUL:**

Anggaran Pembangunan 1989 [Ruangan 6399]

Tragedi Kanak-kanak Mati Akibat Racun—Y.B. Tuan Ngoi Thiam Woh  
(Kampar) [Ruangan 6450]



MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN At-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K.J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR). S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINII OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.I., P.P.I. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D.P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ~~KL~~ BIN MOHD. GHAZALI, D'P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN AUAS BIN MD. ALL, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S, (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Partimen Kementerian Betia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukjt Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA II MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZAU BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN ㊦ HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (UluRajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,  
A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Manin).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI. D.J.M.K.. K.M.N., A.M.N..  
P.B.(NilamPuri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N.. P.I.S., B.S.I.  
(Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Belut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjangan).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF. A.M.N.P.J.M.  
(Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF. J.P.(Tasek  
Gelugor),
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM. D.C.S.M.  
(Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J.,S.S.U., S.P.M.S.. D.U.N.M.,  
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K.,  
S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.T.J.  
(Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI (Marudu).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TIHGGOM ANAK KAMARAU. P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- .. DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD. D.P.M.P. (Kangar).
- .. DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., 'S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI. S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* T SIING SENG (Sibu).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- .. TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- .. DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- .. PUAN ❏ ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., P.J. (Sik).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut),
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.  
Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.  
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.  
Pcnolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.  
Penyunting Kanan: P. B. Menon.  
Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.  
Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.  
Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.  
Supiah binti Dewak.  
Ismail bin Hassan.  
Shamsiah binti Mohd. Yusof.  
Hajjah Kalsom binti Ghazali.  
Mohamed bin Osman.  
Norishah binti Mohd. Thani.  
Zaharah binti Naim.  
Su Soon Chuan.  
Norwahidah binti Azizi.  
Rozita binti Abdul Samad.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim



**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 26hb Oktober, 1988**

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mempe-*  
*ngerusikan Mesyuarat*)

**MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Y.B. Dato Shahrir bin Abdul Samad.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PENSWASTAAN BEKALAN  
AIR DI LABUAN**

1. **Tuan Abdol Mulok Awang Damit** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bagi projek penswastaan Bekalan Air ke Wilayah Persekutuan Labuan yang dimajukan oleh IPCO-PERCON JOINT VENTURE:

- (a) berapa jumlah pekerja yang terlibat dalam projek ini dan berapa bilangan pekerja yang terdiri dari anak tempatan; dan
- (b) berapa peratus kerja yang dikontrakkan kepada kontraktor tempatan dan asing.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sukacita saya memaklumkan bahawa jumlah pekerja yang

terlibat dalam projek penswastaan bekalan air Wilayah Persekutuan Labuan adalah 507 di mana bilangan pekerja yang terdiri dari anak tempatan adalah 452, iaitu 89% daripada jumlah besar. Daripada bilangan 507 ini pecahan mengikut tempat asal dan jenis pekerjaan adalah seperti berikut:

	<i>Seme-</i> <i>nanjung</i> <i>Malaysia</i>	<i>Sabah</i>	<i>Asing</i>
(i) Pegawai Pengurusan	25	17	15
(ii) Pekerja Mahir	15	80	—
(iu) Pekerja Separa Mahir	—	100	—
(jv) BuruhAm	—	255	—
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	1	452	15
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Perangkaan bilangan pekerja ini adalah berdasarkan kepada pengambilan tenaga pekerja purata pada waktu pembinaan yang paling sibuk (peak construction period).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua daripada 15 pekerja-pekerja asing yang terlibat dalam projek ini adalah ahli-ahli jurutera yang pakar dalam kerja pemasangan paip di bawah laut yang belum pernah dibuat di Malaysia. Pekerja-pekerja tersebut adalah kakitangan Syarikat IPCO-PERCON JOINT VENTURE.

(b) Mengenai berapa peratus kerja yang dikontrakkan kepada kontraktor tempatan dan asing, saya ingin memaklumkan bahawa 50% daripada kerja yang dikontrakkan itu adalah dibuat oleh kontraktor tempatan dan ianya meliputi perkhidmatan juruperunding dan kerja-kerja kejuruteraan awam, bangunan, mekanikal dan elektrik dalam pembinaan loji pembersihan dan tangki-tangki air, pembekalan jentera berat dan peralatan. 24% daripada jumlah kerja adalah dibuat oleh kontraktor asing dan ianya melibatkan pembekalan jentera dan alat yang "specialised" dan juga pembelian paip sadur (coated pipes), pepasang (fixtures) dan aksesori-aksesori paip. Baki kerja iaitu sebanyak 26% adalah dibuat oleh Syarikat IPCO-PERCON JOINT VENTURE sendiri dan ianya melibatkan kerja-kerja pembinaan loji pembersihan dan tangki air dan kerja-kerja pengurusan. Jumlah nilai kerja ini adalah dianggarkan sebanyak \$103 juta.

**Tuan Mutang Tagal:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, jenis-jenis kabel dan paip yang digunakan di bawah laut ini dan juga jenis teknologi khusus yang digunakan, oleh kerana saya difahamkan bahawa inilah pertama kalinya teknologi paip yang digunakan di bawah laut di rantau ini ataupun di seluruh dunia.

Kedua, sama ada kabel ataupun paip yang digunakan di bawah laut itu selamat bagi pengguna-pengguna perairan di sekitar Labuan, Sipitang, Weston dan Kota Kinabalu, iaitu para nelayan dan juga pekerja-pekerja di oil rig yang ada bersempadan dengan kawasan yang digunakan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, jenis paip yang telah dipasang di bawah laut ialah jenis besi tetapi dengan sadur atau quoted pipes iaitu kita telah membungkuskan paip itu dengan konkrit. Adalah dikatakan paip ini boleh tahan lebih daripada 50 tahun dan akuan dari syarikat itu berkata kita boleh juga menggunakan paip itu lebih daripada 50 tahun.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan syarikat jurutera ataupun syarikat perunding asing yang terlibat dengan projek ini. sejauh manakah akan syarikat asing itu dipegang, liable, dengan izin,, sekiranya projek ini nanti akan didapati lemah ataupun gagal seperti yang telah didapati di Kuantan Naval Base yang mana sebuah Syarikat Belanda telah gagal melaksanakan projek itu. Projek itu gagal, tetapi sekurang Kerajaan kita tidak dapat mengambil apa-apa langkah kerana syarikat asing ini telah bankrap. Apakah liability syarikat asing ini? Itu soalan pertama.

Kedua, bilakah projek ini akan siap supaya membekalkan air yang bersih kepada Sabah Gas kilang Methanol oleh kerana JKR dahulu, saya tidak tahu apa sebab, gagal untuk membekalkan air kepada Methanol plant di Labuan sehingga Sabah Gas terpaksa membawa air dari Kota Kinabalu dengan kos sebanyak \$0.6 juta sehari dan adakah pelaksanaan projek ini akan menyelesaikan masalah bekalan air kepada Sabah Gas?

**Dato' S.Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, syarikat asing yang saya kata tadi ialah bukan syarikat dari Eropah atau Amerika Syarikat tetapi syarikat asing •daripada Singapura. Mereka sedang menjalankan beberapa banyak kontrak di dalam tanah air kita dan syarat-syarat untuk mengikat syarikat itu, untuk bertanggungjawab kepada

kerja-kerja yang mereka siap itu, sudahpun termasuk dalam perjanjian kita. Keduanya, syarat dalam perjanjian ini akan mengikat syarikat Labuan Water Supply Company iaitu syarikat yang menjaga kepentingan bekalan air untuk 13 tahun yang akan datang, itu pun ada juga dalam perjanjian itu.

Bagi menjawab soalan kedua, kerja-kerja seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, lebih kurang 80% kerja telah siap sekarang. Kerja-kerja yang sedang dijalankan adalah pembinaan logi, pembersihan air dan tangki dan projek ini pada keseiuruhannya dijangka siap pada bulan Februari, 1989. Setakat ini kemajuan kerja adalah 6 bulan lebih cepat daripada mana yang dijadualkan oleh Jabatan Kerjaraya. Oleh kerana itu, saya percaya kita boleh juga membekalkan air kepada Sabah Gas Company lebih awal daripada masa yang kita tetapkan.

**Tuan Abdul Mulok Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri telah menyatakan seramai 507 orang pekerja telah diambil dalam perusahaan ini. Saya mempertikaikan angka ini kerana ketika lawatan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ke situ di mana operasi pemasangan paip dasar laut ini dijalankan, saya telah difahamkan seramai 305 orang pekerja yang bekerja di atas kapal Pribumi yang telah didaftarkan di Indonesia ini, kesemuanya berasal dari Indonesia dan tidak seorang pun yang terdiri daripada anak-anak tempatan.

Yang kedua ialah kerja-kerja dredging, dengan izin, yang dikontrakkan kepada sebuah syarikat Jepun yang beroperasi di Labuan juga tidak menggunakan pekerja-pekerja tempatan. Begitu ketara kepada kita di sini dalam usaha projek penswastan ini tidak memberi manfaat

kepada kontraktor-kontraktor tempatan. Soalan saya adakah ini selaras dengan kehendak atau dasar Kerajaan dalam usaha Kerajaan untuk menswastakan projek-projek yang besar di negara ini dan sekiranya ianya tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan supaya perkara ini tidak akan berlaku di masa-masa akan datang.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kapal yang digunakan untuk memasang paip di bawah laut itu ialah kapal yang kita sewa atau syarikat itu menyewanya dari Indonesia. Kapal itu mengandungi 305 orang pekerja. Saya telah pun menerangkan ini kepada Ahli Yang Berhormat itu dan saya juga beri peluang kepada beliau untuk bersama-sama dengan saya untuk menyiasat apa kerja-kerja yang telah dijalankan oleh syarikat itu. Tetapi 305 orang itu ialah dari Sabah, bukan dari Indonesia, tetapi daripada 305 orang yang kita ambil dari negeri Sabah, saya tidak tahu mereka orang dari Indonesia atau tidak. Tetapi dari keterangan yang telah diberi kepada saya daripada 305 orang ini, 15 orang adalah orang asing dan yang lain itu adalah dari negeri Sabah.

Kedua, berkenaan dengan projek yang dijalankan oleh kontraktor-kontraktor tempatan, iaitu lebih daripada 25% sahaja, tidak banyak. Sebahagian besar dari kerja-kerja ini ialah kerja specialised yang akan dijalankan oleh kontraktor yang kita tetapkan. Oleh kerana itu, saya percaya kontrak ini dan keputusan-keputusan yang telah diambil oleh Kementerian adalah lebih munasabah.

## **MINYAK KELAPA SAWIT— PEMASARAN**

**2. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan dari jumlah lawatan yang telah dibuat sepanjang

tahun 1986 hingga ke hari ini bagi memperkenalkan minyak kelapa sawit yang telah diimport oleh negara-negara yang telah dilawati.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali):** Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1986 hingga 15hb Oktober, 1988, Kementerian Perusahaan Utama dan dua agensi di bawah Kementerian iaitu Lembaga Pendataran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORLA) dan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) telah menganjurkan berbagai bentuk galakan untuk pasaran minyak kelapa sawit keluar negeri, berjumlah 139 rombongan kesemuanya. 60 lawatan telah dijalankan dalam tahun 1986, 38 dalam tahun 1987 dan 41 lawatan telah dilaksanakan dalam tahun ini. Lawatan-lawatan galakan ini termasuklah misi perdagangan dan misi teknikal minyak kelapa sawit di peringkat Menteri dan pegawai, pameran-pameran perdagangan yang disertai oleh PORLA DAN PORIM, seminar-seminar yang dianjurkan oleh khidmat nasihat teknikal PORIM dan lawatan-lawatan ke negara-negara pengguna. Sejumlah 40 buah negara telah dilawati pada tahun 1986, 32 pada tahun 1987 dan 31 dalam 10 bulan pertama tahun ini.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau mempunyai sebarang cadangan menganjurkan lawatan ataupun beberapa lawatan tokoh-tokoh yang terpengaruh dari negara-negara pengguna minyak kelapa sawit kita ke negara kita. Jika ada, bilakah agaknya lawatan-lawatan ini hendak dianjurkan?

**Dato' AUas bin Md. AU:** Tuan Yang di-Pertua, ada di dalam rancangan pihak Kementerian untuk

mengundang beberapa orang tokoh yang selama ini bergiat di dalam u&a-ha-usaha merendah-rendahkan mutu minyak kelapa sawit dan saya tidak dapat mengumumkan pada ketika ini bila lawatan itu dibuat oleh kerana kita belum dapat apa-apa jawapan lagi setakat ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat itu cuba mengatasi publisiti yang tidak baik terhadap minyak kelapa sawit dan punca-punca yang menyebabkan publisiti yang tidak baik ini? Adakah ini semata-mata daripada Amerika Syarikat ataupun di negara-negara yang lain ataupun pihak setengah-setengah orang di negara ini yang membuat kesalahan ataupun keputusan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri ini adalah salah ke atas kempen untuk menentang publisiti buruk ke atas minyak kelapa sawit?

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya menolak sama sekati dakwaan bahawa cara kita menjalankan kerapen promosi minyak sawit ini silap atau salah. Apa yang sebenarnya berlaku ialah soal pasaran. Minyak kelapa sawit terbukti telah mengambilalih pasaran minyak soya di beberapa buah negara dan malah mengancam pasaran minyak ketapa sawit di negara Amerika Syarikat sendiri. Tidak timbul sama sekali soal salah atau silap sesiapa apa lagi Yang Berhormat Menteri sendiri.

Lagi satu, selain daripada pasaran kita juga menghadapi masalah perundangan iaitu beberapa orang tertentu Ahli Kongres Amerika Syarikat cuba membuat Rang Undang-undang yang bersifat "discriminative" terhadap minyak ketapa sawit kita dan juga masalah cadangan levi yang hendak dikenakan, yang dicadangkan oleh beberapa negara di Eropah yang akhirnya akan

menyekat kemasukan minyak sawit ke Eropah dan meletakkannya pada taraf yang tidak competitive berbanding dengan lain-lain minyak.

**Tuan Chew Kam Hoy:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah jumlah eksport tnyak kelapa sawit ke negara-negara Iran dan Iraq turun atau naik setelah rombongan Mataysia ke dua-dua negara itu telah menerangkan keadaan sebenar kesan minyak kelapa sawit?

Saya juga ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, menurut memorandum persefahaman antara Malaysia dan United Kingdom mengenai perdagangan barter, adakah minyak kelapa sawit merupakan salah satu butir yang akan diperdagangkan secara barter? Terima kasih.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Boleh ulang semula soalan bahagian kedua itu?

**Tuan Chew Kam Hoy:** Soalan saya, adakah jumlah eksport minyak kelapa sawit ke negara-negara Iran dan Iraq turun atau naik?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu yang pertama, yang dimintanya adalah soalan kedua.

**Tuan Chew Kam Hoy:** Yang kedua ialah menurut memorandum persefahaman di antara Malaysia dan United Kingdom mengenai perdagangan barter, adakah minyak kelapa sawit merupakan satu butir yang akan diperdagangkan secara barter trade, dengan izin.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dapat saya tangkap dari soalan Yang Berhormat itu mungkin perjanjian barter trade ataupun counter trade untuk membeli

senjata-senjata daripada Britain. Jawabnya ya, minyak kelapa sawit mungkin menjadi salah satu daripada bahan-bahan yang akan dijadikan counter trade apabila kita membeli senjata daripada Britain.

Mengenai soalan yang pertama tadi iaitu sama ada eksport kita ke Iran dan Iraq telah meningkat, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, eksport kita ke Iran masih belum dapat dilaksanakan walaupun telah terdapat persetujuan untuk mengeksport minyak sawit kita ke Iran dan keputusan untuk membatalkan sekatan masuk telah pun dibuat oleh Kerajaan Iran.

Mengenai Iraq, angka-angka yang ada pada saya menunjukkan bahawa pembelian daripada negara Iraq agak menurun sejak tahun-tahun akhir ini sebanyak 30%. Walau bagaimanapun, kita sedang berusaha untuk menambah eksport minyak sawit kita ke Iraq dan hasil daripada lawatan pemimpin Iraq ke Malaysia, iaitu Menteri Minyak Iraq ke Malaysia baru-baru ini, telah kita capai persetujuan untuk mengeksport lebih banyak minyak kelapa sawit ke Iraq tidak berapa lama lagi.

### PILIHANRAYA KECIL JOHOR BAHRU—KEMENANGAN

**3. Dr Chen Man Hin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau menyedari bahawa kejayaan besar Dato' Shahrir Abdul Samad, dalam pilihanraya kecil Johor Bahru merupakan satu petanda oleh penduduk-penduduk Johor Bahru serta rakyat Malaysia bahawa hendaklah diadakan demokrasi tulen di negara ini, bahawa orang-orang tahanan politik yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri hendaklah dibebaskan dengan serta-merta dan kebebasan Kehakiman dipulihkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pentadhiran Kerajaan masa ini adalah berlandaskan kepada sistem demokrasi berparlimen. Sistem ini telah diamalkan oleh Kerajaan sejak 30 tahun yang lepas dan ianya dapat menjamin keselamatan, kesejahteraan dan perpaduan rakyat.

Berkaitan dengan pilihanraya kecil di Johor Bahru baru-baru ini, jelas ia menunjukkan bahawa amalan demokrasi masih wujud dan akan terus dipelihara.

Merujuk kepada penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, penahanan mereka ini berdasarkan undang-undang negara dan merupakan salah satu usaha Kerajaan bagi menjamin dan mengekalkan perpaduan dan kesejahteraan rakyat di negara ini.

Pada keseluruhannya Kerajaan berpuas hati dengan amalan doktrin pengasingan kuasa di negara ini. Kerajaan sentiasa mengamalkan sikap pengasingan kuasa ini dalam perkara-perkara yang telah ditetapkan dan amalan ini berjalan dengan baik dan tiada perkara yang hendak diperbetulkan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Menteri berkenaan memberitahu bahawa keengganan Ahli dari Johor Bahru mengangkat sumpah pada masa yang ditetapkan itu telah menghindar demokrasi kerana ianya dipilih secara demokrasi dan adakah Menteri berkenaan merasakan bahawa ianya telah mencuaikan kerjanya di Parlimen ini? (*Tepek*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya fikir soalan itu tidak bersangkutan. (*Ketawa*) Yang Berhormat dari Simunjan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini ada menyentuh hasil ataupun keputusan pilihanraya Parit Raja. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional masih lagi popular dan mendapat sokongan . . . . .

**Beberapa Ahli:** Boo!

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Jadi, soalan saya adakah di kacamata Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa beliau lupa menyebut pilihanraya Johor Bahru dan mengulas akan apa ertinya kemenangan bagi Yang Berhormat dari Johor Bahru?

Yang kedua ialah mengenai soal pembahagian kuasa Executive, Legislative dan juga Judiciary. Dalam amalan selama saya menjadi Ahli Parlimen lebih kurang 10 tahun, jarang-jarang apa yang dicadangkan di Parlimen ini ialah digunakan untuk menyelaras undang-undang yang disediakan, kerana apa yang diluluskan ialah sesuatu yang telah disediakan oleh pihak Eksekutif. Jadi, adakah ini juga membuktikan bahawa memang ada 'separation of power' ataupun 'balance of power', dengan izin. Terima kasih.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat menyebut ucapan Menteri Kewangan, tetapi dia tanya saya, walau bagaimanapun tidak apa saya boleh menerangkan bahawa apabila sesuatu disebut oleh seorang Ahli Yang Berhormat di sini bukan bermakna dia lupa kepada peristiwa-peristiwa yang sebelumnya. Dalam konteks soalan ini walaupun yang disebut oleh Menteri Kewangan pilihanraya yang akhir iaitu di Parit Raja, tetapi ini membuktikan bahawa kita tidak sama sekali mengeneipkan amalan demokrasi, ada masa kita

menang, ada masa kita kalah. Tetapi mungkin orang yang tidak mengamalkan demokrasi dia hanya ingin mencari kepuasan dan kalau dia kalah dia marah (*Tepuk*), tetapi dalam hal ini Kerajaan yang ada kita bersyukur kepada Allah s.w.t. sentiasa menerima kenyataan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak lupa kepada yang sebelum daripada Parit Raja dan kita juga tidak lupa pada masa-masa yang akan datang, kita akan terus mengamalkan apa yang kita yakin iaitu 'Sistem Demokrasi Berparlimen'.

Mengenai dengan undang-undang ataupun sesuatu undang-undang yang disediakan oleh pihak pegawai yang menguruskan pentadbiran, barangkali Yang Berhormat yang berkenaan pun sedia maklum apa-apa pun yang dibuat, walaupun disediakan oleh pegawai Esekutif, tetapi ia sebenarnya merupakan hasil pemikiran bersama, jadi tidak ada pengasingan ataupun perbezaan dalam agensi kerajaan kerana semuanya berkhidmat untuk perkara yang sama sahaja.

#### KONTIGEN TENTERA MALAYSIA DI IRAN/IRAQ

4. **Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Pertahanan menyatakan peranan pegawai-pegawai Tentera Malaysia sebagai anggota kontingen tentera Bangsa-bangsa Bersatu di dalam usaha pendamaian antara Iran dan Iraq. Adakah Kerajaan bercadang akan menambah bilangan pegawai-pegawai tersebut jika diminta oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu,

10-11-88

28. **Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan dan pangkat tentera kita yang dihantar ke Timur Tengah baru-bani ini mengikut permintaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bersempena

dengan pendamaian perang Teluk yang dicapai di antara Iran-Iraq. Nyatakan bilangan dan pangkat tentera yang kita akan hantar ke Namibia mengikut permintaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Apakah tugas-tugas tentera kita ke dua-dua negara ini.

**Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini sekali gus bersama dengan soalan dari Yang Berhormat ahli dari Bukit Mas yang dijadualkan pada 10-11-1988 kerana kedua-duanya berkenaan perkara yang sama.

Berpandukan kepada bidang tugas yang dibentangkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), peranan pegawai-pegawai Kontingen Malaysia dalam 'United Nations Iran-Iraq Military Observer group (UNIMOG)' adalah seperti berikut:

- (a) untuk bersama-sama dengan pihak yang terlibat menetapkan garisan gencatan senjata (ceasefire line) sebagaimana yang telah dipersetujui berasaskan kepada kedudukan pertahanan hadapan, dengan izin, (forward defended localities), pasukan kedua-dua belah pihak pada tanggal 20 Ogos, 1988. Jika perlu dan sekiranya dipersetujui, penyesuaian garisan gencatan senjata akan dibuat ke kawasan-kawasan yang mana terdapat pasukan-pasukan kedua-dua pihak berada terlalu rapat di antara satu sama lain;
- (b) untuk mengawasi kepatuhan gencatan senjata;
- (c) untuk menyiasat sebarang tuduhan melanggar gencatan senjata dan memulih keadaan sekiranya pelanggaran gencatan senjata benar berlaku;

- (d) untuk menghindar, melalui perundingan sebarang perubahan lain dalam *status quo* sementara menunggu pengunduran semua pasukan ke sempadan yang diiktirafkan oleh antarabangsa;
- (e) untuk menyelia, memeriksa dan mengesah pengunduran semua pasukan ke sempadan yang diiktirafkan oleh antarabangsa;
- (f) seterusnya mengawasi gencatan senjata di sempadan yang diiktirafkan oleh antarabangsa, menyiasat tuduhan melanggar gencatan senjata dan menghindar, melalui perundingan, sebarang perubahan lain dalam *status quo* sementara menunggu nindingan penyelesaian yang menyeluruh;
- (g) untuk mendapat persetujuan pihak-pihak yang terlibat atas lain-lain rancangan (other arrangements) yang mana sementara menunggu rundingan penyelesaian menyeluruh dapat membantu mengurangkan ketegangan dan mengukuhkan keyakinan di antara mereka seperti mengadakan kawasan pemisahan pasukan di kawasan sempadan antarabangsa kedua-dua belah pihak, menghadkan jumlah serta kaliber senjata-senjata yang ditempatkan berdekatan sempadan antarabangsa dan rondaan oleh anggota-anggota pasukan laut, dengan izin, naval PBB di kawasan-kawasan sensitif yang tertentu atau berdekatan dengan Shatt-al-Arab.

Bilangan pegawai ATM yang menyertai United Nations Iran-Iraq Military ke Iran adalah seramai 15 orang pegawai yang terdiri dari seorang yang berpangkat Leftenan Kolonel, 7 orang berpangkat Mejar dan 7 orang berpangkat Kapten.

Setakat ini belum ada permohonan dari PBB untuk Malaysia menambahkan bilangan pegawai tenteranya. Sekiranya PBB membuat permohonan untuk Malaysia menambahkan bilangan pegawai tenteranya dalam UNIIMOG, Kementerian Pertahanan bersedia menimbang jika dipersetujui oleh Kerajaan.

Mengenai bilangan dan Peranan Kontinjen Tentera Darat sebagai 'United Nations Transition Assistance Group (UNTAG)' ke Namibia. Angkatan Tentera Malaysia, dalam memenuhi permintaan Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu untuk menghantarkan satu kontinjen tentera ke Namibia, telah merancangkan satu kontinjen yang berkuatan 750 anggota terdiri daripada 71 pegawai dan 679 lain-lain pangkat. Antara lain peranan yang mungkin akan dimainkan oleh kontinjen adalah seperti berikut:

- (a) mengawasi penghentian perbuatan serta tindakan permusuhan oleh semua yang terlibat;
- (b) mengawasi sekatan-sekatan ke atas trup South African Defence Force dan South West African People Organization (SWAPO);
- (c) mengawasi kawasan sempadan untuk menghindar penyusunan dari mana-mana pihak;
- (d) mengawasi pembubaran struktur pemerintahan pasukan-pasukan rakyat (citizen force), pasukan-pasukan komando dan pasukan-pasukan "ethnie" termasuk pengunduran semua anggota SADF yang ditumpangkan kepada pasukan-pasukan ini;
- (e) mengawasi penyimpanan semua senjata dan peluru pasukan-pasukan rakyat dan komando di tempat-tempat yang tertentu;

- (f) menentukan semua instalasi tentera sepanjang sempadan utara menghentikan fungsi (deactivated), dengan izin, ataupun diletakkan di bawah penyeliaan PBB dan menyediakan keselamatan bagi instalasi penting di sempadan utara.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang siapa yang menanggung perbelanjaan untuk pegawai-pegawai tentera Malaysia yang menjalankan tugas dalam pasukan pendamai antara Iran-Iraq dan sekiranya perbelanjaan ini ditanggung oleh Kerajaan Malaysia, maka saya ingin mendapat tahu agak berapa banyak yang hendak dibelanjakan.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang diberitahukan kepada kita iaitu bayaran kepada anggota-anggota tentera kita yang dihantar ke Iraq adalah seperti berikut:

United Nations atau Bangsa-bangsa Bersatu telah pun bersetuju memberikan kepada seorang yang ditugaskan di Bagdad ialah US\$156. Tetapi di lain-lain tempat luar daripada Bagdad ialah US\$133 sehari seorang. Ini untuk mereka membayarkan tempat duduk sendiri seperti hotel atau rumah daripada wang yang dibayarkan sepertimana yang disebutkan tadi, tetapi transport pula akan diberikan oleh negara tuan rumah iaitu Iraq, begitu juga kalau kita menghantarkan ke Iran maka transport akan diberikan oleh Iran iaitu negara tuan rumah-

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Mulia Menteri, apakah keistimewaan ataupun galakan-galakan dalam apa-apa bentuk semasa mereka berada di

sana dan sekembalinya, insya Allah selamat ke tanah air berkhidmat semula sama ada dalam bentuk kenaikan pangkat yang lebih istimewa dan sebagainya kepada rombongan Pasukan Pendamai tadi.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka pergi kita tidak berjanji apa-apa keistimewaan dan mereka pun tidaklah begitu berharap kepada keistimewaan, tetapi sepertimana biasa dan lazim, ini menjadikan satu daripada kriteria kepada mereka yang pergi ke Iraq ini satu pengalaman ataupun di dalam satu record of service dicatatkan di dalam pekerjaan mereka seperti tentera. Ini akan ditimbanglah jikalau hendak dinaikkan pangkat, ia dijadikan satu daripada pengalaman untuk kebaikan mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar.

*(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Ahmad bin Omar tidak hadir).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman.

*(Soalan No. 6 Y.B. Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman tidak hadir).*

## PERSIMPANGAN BERTINGKAT DI KUALA LUMPUR/PLAZA TOL

**7. Tuan Tan Kok Wai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kemajuan ke atas cadangan pembinaan lima buah persimpangan bertingkat di Kuala Lumpur;
- (b) bilangan dan lokasi plaza tol bagi setiap persimpangan bertingkat;

- (c) kadar bayaran tol bagi setiap jenis kenderaan yang akan dikutip bagi setiap plaza tol dan tempoh kutipan akan dibuat;
- (d) mengapa Kerajaan tidak bersedia memikul kos pembinaan persimpangan ini; dan
- (e) sama ada, Kerajaan akan mengadakan dialog dengan rakyat dan pengguna-pengguna jalan raya yang akan menerima kesan kutipan tol di setiap persimpangan-persimpangan tersebut bagi memahami masalah dan kehendak mereka.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yartg Berhormat, pada masa ini pihak Syarikat konsesi telah memulakan kerja-kerja awal seperti reka bentuk kejuruteraan yang terperinci, urusan-urusan kewangan, pengambilan balik tanah, pengalihan kemudahan-kemudahan awam dan sebagainya. Kerja-kerja kejuruteraan dan pembinaan dijangka akan dapat dibuat pada bulan Mac 1989.

Sebanyak tiga buah plaza-plaza tol akan didirikan untuk tujuan kutipan tol dalam projek penswastaaan ini. Plaza-plaza tol ini akan diletakkan di Jalan Cheras, Jalan "East-West Link" iaitu jalan baru yang menghubungkan Jalan sungai Besi dan Bandar Tun Razak dan Jalan Pahang.

Kadar-kadar bayaran tol adalah seperti berikut:

- (i) Di Plaza Tol yang mengutip tol sebelah sahaja:
- |                  |   |        |
|------------------|---|--------|
| Kenderaan ringan | — | \$1.00 |
| Kenderaan berat  | — | \$2.00 |

- (ii) Di Plaza Tol yang mengutip tol dua hala:

Kenderaan ringan	—	\$0.50
Kenderaan berat	—	\$1.50

Projek pembinaan persimpangan-persimpangan bertingkat ini telah diswastakan. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan mengenai penswastaaan yang bertujuan utamanya ialah untuk mengelakkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan di samping meningkatkan lagi mutu perkhidmatan tersebut untuk faedah awam.

Berhubung dengan perkara ini, Kerajaan sentiasa bersedia memahami masalah dan kehendak rakyat melalui beberapa cara dan saluran selain daripada mengadakan dialog. Walau bagaimanapun, dialog akan diadakan jika kedudukan dan keadaan perkara ini memerlukan tindakan sedemikian.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Syarikat apakah yang diberikan tender untuk melaksanakan projek ini dan tempoh diberikan untuk menyelesaikan projek yang besar ini dan sekiranya atau kos meningkat adakah kadar tol akan dinaikkan?

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, syarikat yang telah diberi projek ini adalah Syarikat Teratai K.G. di mana diadakan satu tandatangan antara Dato' Bandar Kuala Lumpur dengan Syarikat ini pada 20hb November, 1987 dan saya hendak memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kadar tol ini tidak akan dinaikkan setelah kajian dibuat bahawa adalah feasible untuk syarikat ini mengutip tol selama 240 bulan.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini atas dasar

apakah Syarikat Teratai ini telah diberikan projek penswastaaan pembinaan kelima buah persimpangan jambatan di Kuala Lumpur ini dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini latar belakang syarikat tersebut iaitu Lembaga Pengarah, paid-up capital dan sebagainya?

**Drs Suleiman bin Mobamed:**Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Syarikat ini adalah merupakan salah satu syarikat yang memasuki tender bagi projek interchange ini, dengan izin dan dibandingkan dengan yang lain-lain adalah munasabah di kaca mata perspektif Kerajaan untuk diberi kepada syarikat ini.

Bagi latar belakang atau Lembaga Pengarah syarikat ini, saya minta maaf, saya perlu notis untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam.

**Tuan Tan Kok Wai:**Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimanakah keputusan tercapai iaitu dua buah daripada tol plaza akan terletak di kawasan Sungai Besi dan satu akan terletak di kawasan nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri juga. Bukankah ini tidak adil sebab hanya penduduk-penduduk dari dua kawasan yang akan menanggung kelima-lima buah persimpangan bertingkat ini.

**Drs Suleiman bin Mohamed:**Tuan Yang di-Pertua, rasional di sebalik meletak plaza-plaza tol ini, pertama desakan penduduk-penduduk di Cheras bahawa keadaan dan lalulmtas di kawasan tersebut adalah yang paling tinggi, yang paling dahsyat di seluruh negara dan persatuan-persatuan penduduk telah pun mendesak Kerajaan malah Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi telah mendesak. Jadi, oleh kerana Kerajaan bersikap adil memikirkan terutama Ahli Yang

Berhormat dari Sungai Besi, kita memutuskan supaya peningkatan mutu di kawasan ini perlu dibuat.

Saya suka hendak beritahu bahawa di kawasan Cheras sahaja bagi tahun 1987 pada setiap hari 139,424 sama ada kenderaan ringan ataupun kenderaan berat yang lalu atau mundar-mandir di kawasan Cheras dan dalam projeksi Kerajaan pada tahun 1990 adalah 143,371 kenderaan yang lalu mundar-mandir di tempat tersebut. Ini saya sukai hendak jelaskan bahawa di kawasan inilah yang terdapat keadaan lalulintas yang begitu tinggi di seluruh negara. Oleh kerana itu bersesuaian dengan desakan dengan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi dan desakan persatuan-persatuan penduduk kita fikir adalah baik supaya mutu jalan, mutu lalulintas ini dipertingkatkan di kawasan tersebut dan projek penswastaaan ini juga akan mendapat "return" yang munasabah bagi menjalankan projek tersebut dan oleh kerana itulah plaza-plaza tol diletak di kawasan strategik seperti yang saya sebut tadi.

#### BANJIR—KAWALAN MUSIM TENGGUJUH

8. **Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada sedar atau tidak bahawa kelengahan mengawal banjir di musim tengkujuh menyebabkan tanaman-tanaman dan ternakan mati di waktu banjir dan apakah langkah-langkah raksasa yang diambil bagi menjaga kepentingan rakyat-rakyat kerdil di desa-desa yang jauh dari bandar-bandar.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa kejadian banjir pada musim tengkujuh menyebabkan kerosakan bukan hanya kepada ternakan dan tanaman sahaja tetapi juga menyebabkan kerosakan kepada kemudahan-kemudahan

awam, kehilangan nyawa dan mengganggu perhubungan dan aktiviti-aktiviti sosial dan ekonomi.

Untuk mengawal banjir di desa-desa, Kerajaan sedang menjalankan kajian-kajian limbangan-limbangan sungai dan di kawasan-kawasan yang mana kajian-kajian telah dijalankan, langkah-langkah mengawal banjir dilaksanakan. Di kawasan-kawasan lain, sistem ramalan dan amaran banjir telah ditubuhkan untuk memberi amaran banjir supaya kerosakan banjir dapat dikurangkan.

Setakat ini, Kerajaan telah menyiapkan 10 kajian limbangan sungai untuk mengawal banjir seperti yang berikut:

- (i) Kajian Limbangan Sungai Pahang;
- (ii) Kajian Limbangan Sungai Limbang;
- (iii) Kajian Limbangan Sungai Kelantan;
- (iv) Kajian Limbangan Sungai Kinabatangan;
- (v) Kajian Limbangan Sungai Terengganu;
- (vi) Kajian Limbangan Sungai Samarahan;
- (vii) Kajian Limbangan Sungai Perak Hilir;
- (viii) Kajian Limbangan Sungai Batu Pahat;
- (ix) Kajian Limbangan Sungai Golok;
- (x) Kajian Limbangan Sungai Johor.

Selain daripada itu, Kerajaan juga sedang menjalankan empat kajian seperti yang berikut-

- (i) Kajian Kemungkinan bagi Tebatan Banjir dan Pembangunan Pertanian di Limbangan Sungai Kerian.

(ii) Kajian bagi Tebatan Banjir Besut.

(iii) Kajian Pengawasan Banjir Limbangan Sungai Kelantan.

(iv) Kajian Semula Tebatan Banjir Limbangan Sungai Klang.

Pada masa sekarang, Kerajaan sedang melaksanakan tiga projek untuk mengawal kejadian banjir di desa-desa. Projek-projek ini adalah seperti yang tersebut:

- (i) Projek Johor Barat di Johor.
- (ii) Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Kemasin—Semerak di Kelantan.
- (iii) Rancangan Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Perlis.

Selain dari projek-projek yang tersebut di atas yang ditaksanakan bagi kawasan-kawasan tertentu, Kerajaan juga memberi peruntukan kepada negeri-negeri untuk mengawal kejadian banjir yang berlaku di sekitar kawasan di negeri-negeri.

Dengan pelaksanaan projek-projek seperti ini pada masa sekarang dan hadapan, kepentingan rakyat di desa khasnya perlindungan dari kejadian banjir dapat dijagakan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Kita semua tahu bencana banjir begitu besar dan teruk dan Kelantan satu daripada negeri yang terlibat dengan banjir setiap tahun. Saya ingin tahu dari pihak Kerajaan, manakah lebih baik dan lebih untung Kerajaan mengeluarkan peruntukan yang besar yang dapat dilaksanakan dengan sekaligus daripada Kerajaan melakukan usaha setiap tahun tetapi tidak sempurna sedangkan peruntukan habis? Yang kedua, mengapakah Kerajaan tidak melakukan usaha-usaha lebih awal untuk mengawal keadaan banjir yang berlaku? Apakah Kerajaan masih

tidak ada pengalaman dengan bencana banjir yang berlaku tiap-tiap tahun untuk bertindak? Kalau Kerajaan mempunyai pengalaman kerana banjir itu berlaku tiap-tiap tahun, mengapa Kerajaan tidak bersiap lebih awal dan mengeluarkan peruntukan yang lebih besar supaya kerjanya tidak berulang kali?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua projek yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa adalah dijalankan, projek besar dan projek kecil yang dijalankan, tiap-tiap tahun. Kajian sentiasa ada dibuat oleh Kerajaan untuk mengawal banjir-banjir dan ada rancangan yang panjang yang mengambil masa beberapa tahun sampai boleh disiapkan dan dijalankan rancangan-rancangan ini mestilah tiap-tiap tahun ada kerja yang dibuat dan sebelum rancangan ini disiapkan mungkin ada banjir-banjir yang dijadikan tiap-tiap tahun. Itulah satu kedudukan yang tidak boleh mengawal tetapi kita harap apabila Rancangan Sungai Kelantan ini boleh siap pada tahun 2005 mungkin banjir-banjir di Kelantan boleh dikawal.

**Tuan Mohd Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan awal sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan untuk mengatasi masalah banjir di negeri-negeri, Kerajaan Pusat ada memberi peruntukan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, berapakah jumlah peruntukan yang diberi kepada negeri-negeri mengikut negeri masing-masing dan adakah Kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan yang telah diberikan itu?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada

Kerajaan-Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

<i>Rancangan Mencegah Banjir</i>	<i>Kos Projek</i>	<i>Peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kelima</i>
	\$	\$
(i) Pulau Pinang	4,350,000	2,000,000
(ii) Perak	9,050,000	2,338,000
(iii) Pahang	2,500,000	2,100,000
(iv) Selangor	3,700,000	3,053,000
(v) Negeri Sembilan	660,000	660,000
(vi) Melaka	18,350,000	9,000,000
(vii) Sabah	39,900,000	10,000,000
(viii) Kelantan	14,780,000	9,882,100
(ix) Johor	3,800,000	1,800,000

### CUKAI PENDAPATAN TIDAK DIBAYAR

**9. Tuan Chew Kam Hoy** minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) jumlah kes yang telah dikesan tidak pernah membayar cukai pendapatan sejak tahun 1980 sehingga 1988 mengikut kategori:

- (i) persendirian;
- (ii) Syarikat berhad;
- (iii) Syarikat perkongsian;
- (iv) estet

(b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

**13. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa** minta Menteri Kewangan menyatakan Jabatan Hasil Dalam Negeri telah mendapati bahawa ada orang-orang berpendapatan lebih dari 2.5 juta setahun tidak membayar cukai pendapatan. Dan peniaga-peniaga kecil yang mempunyai rumah besar, kereta mewah dan harta tanah juga tidak membayar cukai pendapatan. Apakah langkah Kerajaan untuk

mengesan dengan positif dan tindakan terhadap mereka-mereka yang telah mengelak pembayaran cukai pendapatan ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan ini adalah agak sama dengan soalan nombor 13, saya mohon izin menjawab kedua-dua soalan ini sekaligus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

	<i>Tahun</i>	<i>Persendirian</i>	<i>Syarikat</i>	<i>Perkongasian</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
1980	..	5.2%	10.5%	9.5%	5.6%	5.6%
1984	..	6.2%	18.2%	3.4%	3.6%	6.7%
1984	..	7.3%	27.3%	11.1%	6.0%	8.7%

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah positif yang dijalankan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri terhadap mereka yang mengelak pembayaran cukai pendapatan ialah dengan mengenalpasti orang-orang yang tidak pernah membayar cukai berkenaan melalui satu unit khas yang telah ditubuhkan iaitu unit bergerak, dan juga dengan penyiasatan ke atas mereka yang disyaki melarikan cukai.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai dari unit bergerak ini membuat lawatan ke tempat-tempat perniagaan dan rumah-rumah kediaman bagi mendapatkan maklumat sama ada mereka yang ditemuduga itu mempunyai fail cukai pendapatan atau tidak dan jika ada, sama ada pendapatan yang dilaporkan seimbang dengan cara hidup mereka. Bagi mereka yang tidak mempunyai fail cukai pendapatan dan didapati kena membayar cukai, fail berkenaan akan didaftarkan. Seorang yang membuat penyata palsu atau melaporkan jumlah pendapatan yang kurang daripada yang sebenarnya atau

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian saya tidak menyimpan maklumat mengenai jumlah kes yang telah dikesan tidak pernah membayar cukai pendapatan mengikut kategori pembayar cukai. Oleh itu jumlah berkenaan tidak dapat diberi. Bagaimanapun, sebagai gambaran kasar. Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah melihat kepada peratus tambahan jumlah borang yang telah dikeluarkan kepada pembayar-pembayar cukai seperti berikut:

<i>Perkongasian</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
9.5%	5.6%	5.6%
3.4%	3.6%	6.7%
11.1%	6.0%	8.7%

memberi maklumat palsu dalam apa-apa hal yang boleh menyebabkan kekeliruan, dalam penaksiran cukainya boleh dibawa ke mahkamah atau dikehendakki membayar denda sebanyak jumlah cukai yang kurang ditaksir akibat daripada penyata atau maklumat palsu.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sedar beberapa tahun kebelakangan ini banyak syarikat-syarikat yang mengalami kerugian akibat daripada tekanan ekonomi, akibat daripada itu mereka menghadapi masalah, manakala di saat-saat masa ini difahamkan bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri bertindak tegas, yang kita kira memang itu tanggungjawab Jabatan Hasil Dalam Negeri, tetapi kesukaran mereka untuk membayar cukai akibat tekanan ekonomi dan jika mereka tidak membayar mengikut jadual mereka di denda. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk mencari jalan ataupun mengemukakan satu cara di mana mereka itu tidak diburu dan

menerima beban seperti yang berlaku sekarang ini. Dan soalan yang kedua, saya membaca di dalam suratkhobar, ada seorang jutawan yang membayar cukai baru-baru ini berjumlah \$2 juta sebulan. Saya hendak tahu, kalau boleh diberi tahu, siapakah orang itu, sebab terkilang sangat hendak tahu kerana beliau nampaknya kaya sangat. (*Ketawa*)

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa apabila ekonomi negara kita merosot, banyak syarikat-syarikat telah mengalami kerugian yang besar sehingga ada beberapa syarikat telah tutup pintu. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, apabila sesuatu syarikat tidak mendapat keuntungan tentulah syarikat itu tidak dikenakan cukai, tetapi apabila syarikat mendapat keuntungan tentulah syarikat itu dikenakan cukai. Dan apa yang saya katakan tadi ialah pada tahun-tahun keadaan ekonomi begitu baik, syarikat-syarikat yang untung itu haruslah membayar cukai apabila syarikat itu mendapat keuntungan.

Walaupun bagaimanapun, jika ada syarikat-syarikat mengalami kerugian yang besar dan ingin membayar cukai pendapatan tetapi tidak mampu membayar pada masa sekarang, bolehlah berhubung dengan Kementerian Kewangan supaya sesuatu kaedah dapat dicari dan kedua-dua pihak puas hati dengan apa-apa hasil perbincangan itu.

Berkenaan dengan soalan tambahan kedua berkenaan dengan siapakah rakyat yang membayar cukai pendapatan yang begitu besar, saya minta maaf tidak boleh memberikan nama orang yang berkenaan. Terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjelaskan bahawa Jabatan

Hasil Dalam Negeri telah menubuhkan satu unit khas untuk membuat penyiataan ke rumah-rumah dan mungkin juga ke pejabat-pejabat dan unit khas ini dengan sifatnya bertugas sedemikian tentulah terdedah kepada berbagai-bagai masalah keselamatan yang mungkin menimbulkan ada orang-orang yang akan menyamar dan sebagainya. Jadi, soalan saya, bagaimanakah Kementerian beliau dapat menjamin perkara-perkara buruk tidak berlaku?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, unit yang telah ditubuhkan unit khas ini bernama unit bergerak dan saya ingin di sini memberitahu Ahli-ahli yang Berhormat bahawa proses penyiataan atas akaun atau orang-orang yang disyaki tidak membayar cukai pendapatan telah dijalankan beberapa tahun dan dari semasa ke semasa tetapi unit bergerak yang baru ditubuhkan ini adalah unit khas untuk mengenal pasti sesiapa yang patut membayar cukai pendapatan tetapi tidak berbuat demikian akan dinasihatkan mendaftarkan diri di Kementerian Kewangan atau Jabatan Hasil Dalam Negeri. Ini bukanlah satu perkara baru, Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertanyaan tambahan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan iaitu macammana Kementerian Kewangan atau Kerajaan akan menjamin tidak ada perkara-perkara yang buruk berlaku apabila pegawai-pegawai yang berkenaan melawat rumah-rumah kediaman orang awam, saya ingin di sini memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan telah membuat satu-satu jaminan, assurance, dengan izin, bahawa pegawai-pegawai yang diberi kuasa untuk melawat rumah kediaman atau kedai-kedai membawa kad kuasa mereka dan hanyalah pegawai-pegawai yang mempunyai kad kuasa itu dibenarkan masuk oleh tuanpunya rumah-rumah yang dilawati itu.

Kerajaan pun sentiasa menasihatkan pegawai-pegawai yang diberikan kuasa itu supaya mereka bersopan santun apabila melawat rumah-rumah awam walaupun Kerajaan tahu bahawa tugas-tugas yang dijalankan oleh pegawai itu adalah baik untuk negara supaya orang-orang yang tidak membayar cukai dikenakan membayar cukai, tetapi Kerajaan tidak mahu bahawa pegawai-pegawai yang menjalankan tugas itu membawa nama buruk kepada Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa pertanyaan sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 6 dan 10 hingga 35 adalah diberi di bawah ini).*

### PERUSAHAAN TIMAH

5. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejauh manakah perkembangan kemajuan perusahaan bijih timah negara berikutan dengan permintaan yang tinggi ke atas bijih timah dari para pembeli luar negeri dan tempatan. Apakah usaha-usaha Kerajaan selanjutnya bagi membantu menggiat dan meningkatkan lagi perusahaan ini supaya perusahaan ini terus berkembang dan terjamin.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Suka saya jelaskan di sini bahawa perusahaan timah masih lagi lemah walaupun sudah kelihatan mulai pulih sedikit seperti yang ternyata pada peningkatan harga dari paras sekitar \$14.00/skg pada tahun 1986 dan mencapai paras \$19.00-\$20.00 akhir-akhir ini. Permintaan timah dunia bagi tahun 1988 dijangka berada di paras 175,000 tonne iaitu berkurangan sedikit daripada 185,000 tonne pada tahun 1982. Walaupun pengeluaran timah dunia bagi tahun 1988 dijangka berada di paras 165,000 tonne, namun lebihan stok timah dunia masih tinggi iaitu di

paras 47,000 tonne pada penghujung 1987, berbanding dengan stok perdagangan yang lazimnya berada di paras 22,000 tonne sahaja. Dalam keadaan begini. Kerajaan berusaha dengan lain-lain negara anggota ATPC, dan negara-negara bukan anggota, seperti Brazil dan Republik Rakyat China sejak 1 Mac 1987 untuk memulihkan keadaan. Malaysia menyertai Skim Merasionalisasikan Bekalan Timah yang bertujuan mengurangkan stok timah yang berlebihan di pasaran dunia.

Di samping usaha di peringkat antarabangsa, Kerajaan juga mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan beban yang ditanggung oleh perusahaan timah di negara ini dengan mewujudkan Skim Pinjaman Mudah, mengurangkan kadar bayaran elektrik, menurunkan harga diesel, kesemuanya bertujuan mengurangkan kos pengeluaran perusahaan timah negara. Di dalam usaha ini, pihak Kerajaan-Kerajaan Negeri juga memberi kerjasama m reka masing-masing di antaranya melanjutkan tempoh pajakan lombong dan membaharui lesen pajakan lombong dan juga membenarkan tanah-tanah bekas lombong digunakan bagi maksud tanaman kontan dan lain-lain aktiviti pertanian.

Dengan langkah-langkah di atas, adalah menjadi harapan Kerajaan supaya perusahaan timah negara ini berkeupayaan untuk menggiat dan meningkatkan lagi prestasi mereka agar apabila perusahaan timah dunia mulai stabil kelak, yang dijangkakan pada tahun hadapan, mereka akan bersedia bersaing di pasaran bebas.

### PERAKAM WAKTU DI PEJABAT-PEJABAT

6. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak membatalkan

arahan penggunaan Perakam Waktu di pejabat-pejabat Kerajaan kerana arahan tersebut pada masa ini telah diabaikan sendiri oleh Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Pegawai-pegawai Kanan, terutama semasa terlampau banyak aktiviti-aktiviti luar seperti SEMARAK dan lain-lain.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):** Kerajaan tidak bercadang untuk membatalkan sistem penggunaan kad perakam waktu di pejabat-pejabat Kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, objektif sistem perakam waktu adalah untuk mewujudkan disiplin melalui amalan datang awal ke pejabat serta tekun bekerja tidak kurang dari jumlah waktu pejabat yang ditetapkan. Arahan ini digunakan bagi semua lapisan perkhidmatan awam. Sistem perakam waktu adalah merupakan satu daripada pembaharuan-pembaharuan dalam usaha Kerajaan mewujudkan sikap dan amalan yang positif. Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Pegawai-pegawai Kanan yang bertugas di luar pejabat dan tidak dapat datang ke pejabat hanya perlu mencatatkan di dalam kad sebab-sebab yang berkenaan apabila mereka kembali ke pejabat. Ini bermakna aktiviti-aktiviti luar seperti Semarak ataupun lawatan-lawatan ke jabatan-jabatan dan pejabat-pejabat di luar Ibu Pejabat tidak sama sekali menjejaskan amalan perakam waktu.

#### PELABURAN ASING

**10. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan hingga bulan September tahun ini berapakah jumlah pelabur asing yang telah diberi kelulusan untuk melabur di Malaysia. Berapakah nilai pelaburan itu dan

negara manakah yang mempunyai pelabur yang terbanyak.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):** Bagi tempoh 1980 hingga bulan September tahun ini, Kerajaan telah meluluskan sebanyak 2,522 projek perkilangan dengan penyertaan asing. Anggaran pelaburan asing dalam projek-projek tersebut adalah sebanyak \$13.2 ribu juta. Negara yang mempunyai pelaburan yang terbanyak bagi tempoh tersebut adalah Jepun dengan nilai anggaran pelaburan asing sebanyak 3.2 ribu juta.

#### SEKOLAH BANTUAN PENUH BUKAN MILIK KERAJAAN

**11. Tuan Law Lal Heng** minta Menteri Pendidikan menyatakan baru-baru ini, satu laporan menyatakan 288 sekolah bantuan penuh bukan milik Kerajaan di Perak didapati dalam keadaan usang dan membahayakan keselamatan pelajar.

- (a) adakah Kerajaan akan membantu memperbaiki sekolah-sekolah ini dengan memperuntukkan kewangan yang secukupnya kepada lembaga pengurusan ladang dan lembaga persatuan Cina yang selama ini menguruskan sekolah-sekolah tersebut; dan
- (b) jumlah sekolah-sekolah bantuan penuh bukan milik Kerajaan yang terdapat di negara ini mengikut negeri,

**Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim):**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam teraphoh RML (1986 sehingga September, 1988), Kementerian telah memberikan peruntukan berjumlah \$1,366,200.00 kepada 75 buah sekolah bantuan penuh bukan milik

Kerajaan iaitu SRJK (C) bagi memperbaiki, mengganti, membina semula serta tambahan kemudahan kepada sekolah-sekolah tersebut di seluruh Negeri Perak. Kemampuan Kementerian ini memberikan bantuan berkenaan adalah bergantung kepada peruntukan yang ada. Peruntukan tersebut juga terpaksa diagih-agih kepada lain-lain sekolah seperti sekolah-sekolah Tamil, sekolah mubaligh dan sekolah agama rakyat.

- (b) Kementerian Pendidikan tidak mempunyai Sekolah-sekolah bantuan penuh bukan milik kerajaan.

#### INDUSTRI KECIL NEGARA

**12. Tuan Haji Mohammad Yusoff bin Haji Abdul Latib** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menjelaskan adakah hasil-hasil yang dikeluarkan oleh Industri Kecil Negara kita Malaysia mendapat pasaran di negara-negara Arab khususnya di Negara Timur Tengah.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Memang terdapat beberapa pengusaha kecil yang telah dan sedang mengeksport pelbagai jenis harangan keluaran mereka ke negara-negara di Timur Tengah. Data-data seperti jenis hasil-hasil tersebut setakat ini belum dapat diselenggarakan oleh Kementerian. Walau pun demikian untuk tujuan promosi barangan industri kecil negara kita, khususnya di negara-negara Arab, Kementerian saya sedang menyertai Malaysia Fair di Dubai, Kuwait dan Jeddah dari 18 Oktober hingga 2 November, 1988. Keluaran-keluaran pengusaha-pengusaha kecil Malaysia akan dipamerkan, sambil sebilangan

pengusaha-pengusaha akan dibawa untuk mengenali pasaran negara-negara Arab.

(Soalan No. 13. Sila lihat jawapan No. 9).

#### MAS—MENURUNKAN TAMBANG KAPAL TERBANG

**14. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah Kementerian beliau akan menurunkan harga tambang kapal terbang di dalam negeri-negeri Sabah dan Sarawak memandangkan kepada sistem jalan raya yang sangat buruk di kedua-dua negeri tersebut.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Satu kajian mengenai kedudukan kadar tambang perkhidmatan dalam negeri MAS, khususnya mengenai tambang penerbangan luar bandar di Sabah dan Sarawak sedang dijalankan. Cadangan supaya kadar-kadar tambang tersebut diubahsuaikan akan dipertimbangkan setelah kajian tersebut disiapkan.

#### LPN—ADUAN PENYALAHGUNAAN KUASA

**15. Dr V. David** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jika beliau sedar di atas keadaan kecuaiian menjalankan pentadbiran, penyalahgunaan kuasa dan rasuah yang sedia ada di Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN);
- (b) jika beliau telah menerima suatu aduan bertulis bersama yang telah dikirimkan kepadanya oleh Haji Yahaya, Haji Wahab, Encik Wan Ahmad Wan Daud dan Encik Rosli Adnan. Tuduhan mereka ialah bahawa Lembaga Padi dan

Beras Negara dibanjiri dengan pengurusan yang tidak betul dan rasuah; dan

apakah tindakan Yang Berhormat Menteri Pertanian mencadangkan mengambil di atas perkara ini.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:**

- (a) Segala aduan-aduan kecuai, penyalahgunaan kuasa dan rasuah di agensi-agensi di bawah Kementerian saya termasuk Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) adalah disiasat dan tindakan tatatertib diambil ke atas kakitangan yang terbukti kesalahannya. Kes-kes yang sedemikian di LPN adalah sedikit benar bilangannya dan tidaklah adil untuk mengecap LPN sebagai sebuah agensi yang cuai, menyalahgunakan kuasa dan rasuah.
- (b) Saya ada menerima surat bertarikh 10hb Jun, 1988 dari penulis-penulis tersebut yang tidak memberikan atamannya. Surat itu telah disiasat. Sekali imbas surat itu mengandungi butir-butir terperinci seperti nama-nama pegawai yang menerima rasuah, pengilang-pengilang swasta yang memberi rasuah dan jumlah wang yang diberi. Walau bagaimanapun, apabila dihalusi tuduhan-tuduhan tersebut ada beberapa perkara yang disangsikan seperti:
- (i) Ada di antara kakitangan yang dituduh itu belum atau tidak lagi bekerja di Pulau Pinang semasa tuduhan itu dilakukan;
  - (ii) Tuduhan-tuduhan yang serious dibuat ke atas kakitangan-kakitangan yang menjalankan tugas penguatkuasaan dengan

tegas (strict) di mana beberapa punca mengaku, bahawa kewibawaan mereka tidak dipersoalkan;

- (iii) Jumlah wang yang didakwa diberi oleh sesuatu kilang kepada kakitangan jika dicampurkan adalah terlalu tinggi dan tidak munasabah yang melebihi daripada nilai padi yang dibeli oleh kilang yang berkenaan seperti angka di antara \$400 hingga \$1,000 sebulan kepada tiap-tiap seorang bagi beberapa tahun, \$200,000 kepada seorang kakitangan dan lain-lain lagi;
- (iv) Ada tarikh-tarikh penyelewengan subsidi dilakukan sebelum Skim Subsidi Padi diperkenalkan iaitu dari 1970 hingga 1980 padahal Skim itu dilaksanakan mulai 10hb Januari, 1980.
- (v) Pemberian pelacur-pelacur kepada pegawai-pegawai yang beberapa punca mengesahkan, walhal sungguh kuat beragama dan sangat tebal imam mereka;
- (vi) Penyelewengan \$40,000 oleh seorang pegawai wanita di mana sebenarnya pegawai itu telah disamun. Pihak Polis telah berjaya menangkap perompak tersebut dan mendapat balik sebahagian daripada wang itu dan LPN telah mendapat bayaran ganti rugi sepenuhnya daripada insuran.

(vii) Nada dan gaya surat itu nampaknya bukan ditulis oleh seorang yang tenteram fikirannya.

Pengilang Beras Guan Seng ditaporkan selalu dikacau oleh Pegawai-pegawai LPN semenjak tahun 1985. Ketua Pegawai LPN Pulau Pinang telah bertemu dengan pemilik Kilang Beras Guan Seng pada 25hb Mac, 1988 dan meminta mereka membuat laporan polis jika sekiranya pegawai-pegawai LPN mengganggu. Walau bagaimanapun sehingga hari ini tiada laporan dibuat. Kilang Beras Guan Seng ini sedang diambil tindakan mahkamah kerana disyaki menyeleweng subsidi harga padi dan mengeluarkan imbois jualan beras tanpa beras, kesnya disebut di Mahkamah Majisteret Butterworth pada hari ini, 26hb Oktober, 1988.

Pihak-pihak yang mempunyai maklumat mengenai penyelewengan oleh kakitangan awam hendaklah membuat laporan kepada pihak-pihak yang berkenaan seperti Polis dan Badan Pencegah Rasuah supaya boleh diambil tindakan sewajarnya.

Sebagai kesimpulan, tuduhan-tuduhan ke atas kakitangan-kakitangan di dalam surat tersebut adalah liar, melulu dan palsu yang barangkali dibuat kerana tindakan penguatkuasaan LPN yang tegas ke atas kilang-kilang yang disyaki menyelewengkan subsidi padi dan lain-lain undang-undang LPN.

### TANAMAN JARAK

**16. Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa JARAK adalah satu tanaman yang mempunyai potensi yang sangat baik untuk kegunaan dalam dan luar negeri. Jika **ya**,

(a) sejauh manakah kajian terhadap tanaman tersebut telah dijalankan; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengusaha tanaman tersebut secara besar-besaran.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Kerajaan sedar bahawa tanaman JARAK (Castor Plant—*Ricinus communis* L.) mempunyai banyak kegunaan.

(a) Sejak tahun 1960'an dan 1970'an, Kerajaan telah menjalankan kajian-kajian di atas tanaman Jarak untuk menentukan kesesuaian perusahaan tanaman ini di dalam negara. Kajian telah menunjukkan bahawa Jarak boleh ditanam di berbagai jenis tanah kecuali tanah yang terlalu liat dan tanah yang bertakung air. Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa hasil yang boleh diperolehi adalah rendah dan peluang pemasaran kita itu kurang, kajian itu telah dihentikan buat sementara waktu sungguhpun Kerajaan sedar tentang potensi tanaman itu. Hasil yang diperolehi adalah di antara 200-300 kg/ha. Ini adalah rendah jika dibandingkan dengan hasil sebanyak 600-2,000 kg/ha. di negeri lain seperti Afrika, Amerika Utara dan Amerika Selatan. Oleh kerana pendapatan negara daripada perusahaan tanaman industri seperti getah, kelapa sawit, koko, lada hitam dan lain-lain adalah lebih lumayan di tanah yang boleh diusahakan dengan Jarak, maka penyelidikan di atas pokok Jarak tidak diberi keutamaan.

(b) Pada ketika ini, Kerajaan tiada rancangan untuk menggalakkan tanaman Jarak secara besar-besaran dan tanaman ini juga tidak diberi keutamaan dalam Dasar Pertanian Negara.

## GURU SISWAZAH TERLATIH

17. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah guru-guru yang dilatih, khususnya yang berkelulusan Diploma Pendidikan, yang tetap tidak diberi posting sesungguhpun sekolah-sekolah masih kekurangan guru-guru;
- (b) menjelang bulan September, 1988 apakah bilangan guru kelulusan Diploma Pendidikan yang masih belum menerima "posting" mereka. Apakah pula angka ini bagi setiap tahun bermula dari tahun 1980 hingga bulan September, 1988. Apakah sebab-sebab bagi penambahan atau pengurangan, yang mana sesuai, bagi perubahan yang berlaku dari setahun ke setahun; dan
- (c) dengan pembukaan lebih banyak jawatan A dan B dalam perkhidmatan awam, adakah ini termasuk juga berkelulusan Diploma Pendidikan.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Guru-guru siswazah terlatih dari aliran sastera tidak kira sama ada mereka pemegang biasiswa perguruan Kementerian Pendidikan, Negeri, Agensi-agensi Kerajaan atau persendirian setakat ini telah diberi penempatan. Guru siswazah sains dan matematik yang terdiri daripada pemegang-pemegang biasiswa perguruan Kementerian Pendidikan telah diberi penempatan. Guru-guru siswazah sains dan matematik yang bukan pemegang biasiswa perguruan Kementerian Pendidikan

setakat ini tidak ditempatkan. Ini adalah kerana keperluan guru-guru siswazah sains dan matematik adalah mencukupi jika dibandingkan dengan penawaran yang ada.

Walau bagaimanapun, guru-guru siswazah sains dan matematik yang berkelulusan diploma pendidikan, bukan pemegang biasiswa perguruan Kementerian Pendidikan telah diberi peluang mengikuti Kursus Intensif Bahasa Malaysia/Bahasa Inggeris (Conversion Course) bagi membolehkan mereka ditempatkan ke sekolah-sekolah menengah sebagai guru-guru siswazah Bahasa Malaysia/Bahasa Inggeris.

- (b) Keadaan lebihan, guru-guru siswazah sains dan matematik ini bermula sejak tahun 1984 hingga kini. Bilangan lebihan guru-guru siswazah sains dan matematik itu yang terkumpul sehingga tahun 1988 adalah berjumlah 752 orang.
- (c) Dengan pembukaan lebih banyak jawatan A dan B dalam perkhidmatan awam, ianya melibatkan guru-guru berkelulusan Diploma Pendidikan.

## GAJI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN—KENAIKAN

18. **Dato' Haji Zainal Abidin Zin** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah benar Kerajaan berura-ura untuk menaikkan gaji pegawai-pegawai Kerajaan. Jika benar, berapakah perbelanjaan yang akan ditanggung oleh Kerajaan dalam kenaikan gaji ini dan tidakkah Kerajaan berhajat untuk memberi pertimbangan yang sama bagi kenaikan gaji pegawai-pegawai rendah dalam Pasukan Polis Di Raja Malaysia.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Seperti yang telah diumumkan oleh Y.B. Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan 1989, Kerajaan telah pun bersetuju untuk menaikkan gaji Pegawai-pegawai Kerajaan dalam Kumpulan A, B dan C. Ini adalah juga termasuk Pegawai-pegawai yang setaraf dalam Pasukan Polis Di Raja Malaysia. Jumlah perbelanjaan yang terlibat ialah \$288.6 juta. Bagi Pegawai-pegawai Rendah termasuk Pegawai-pegawai Pangkat Rendah dalam Pasukan Polis Di Raja Malaysia, tuntutan petarasan gaji mereka telah pun selesai dibuat pada 1 Julai, 1985 dan pada 1 Jun, 1986.

#### HARGA GETAH/KOKO/LADA HITAM

**19. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengapakah harga bahan-bahan seperti koko, lada hitam dan getah tidak pernah disiarkan melalui TV Malaysia, adakah Kementerian bersetuju jika bahan-bahan ini disiarkan melalui TV Malaysia tiga atau empat kali seminggu supaya rakyat mengetahui harga sebenar, dan tidak tertipu oleh pembeli-pembeli orang-orang tengah.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Pada masa ini harga barangan utama seperti getah, koko dan lada hitam disiarkan melalui radio dan akhbar-akhbar tempatan pada tiap-tiap hari dan dengan cara ini harga barangan utama dapat disebarikan secara meluas kepada rakyat negara ini. Mengenai siaran harga barangan utama pihak Kerajaan boleh menimbang syor ini jika ada permintaan daripada mana-mana pihak berkenaan.

#### DASAR PENSWASTAAN

**20. Tuan James Jimbun anak Punga** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengumumkan keputusan dari

Rancangan Penswastaan kepada orang awam. Kalau demikian apakah dengan 900 bukan Kewangan Awam Enterprise (NFPE) adakah Kerajaan akan menimbang untuk di penswastanya.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah lama mengumumkan dasar penswastaan. Dasar ini juga meliputi Kewangan Awam Enterprise (NFPE). Cadangan penswastaan sesebuah NFPE akan dipertimbangkan dari masa ke semasa.

#### PEMBESAR SUARA SRJK(C) KAY SIN BUKIT MERTAJAM

**21. Tuan Chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah pihak berkenaan menyerah dan memasang alat pembesar suara yang berharga \$1,586 di Dewan Sekolah Kebangsaan Kay Sin, Perkampungan Machang Bubuk, Bukit Mertajam sebagai satu projek kecil dalam kawasan Parlimen Bukit Mertajam bagi tahun 1987;
- (b) siapakah yang menyerah alat itu kepada sekolah itu; dan
- (c) sama ada permohonan peruntukan sebanyak \$10,000 kepada SRJK (C) Kin Ya, Alma, Bukit Mertajam yang dikemukakan oleh saya sebagai satu projek kecil dalam kawasan Parlimen Bukit Mertajam bagi tahun 1988 telah diluluskan. Jika ya, bilakah wang akan diserahkan kepada pihak sekolah tersebut; jika tidak mengapa.

**Raja Dato Ariffm Raja Sulaiman:** Alat pembesar suara berkenaan telah diserahkan kepada Encik Lim Kim

Sai, Guru Besar SRJK (C) Kay Sin, Machang Bubuk, Bukit Mertajam pada 29 September 1987.

Alat berkenaan telah diserahkan oleh pihak Pejabat Daerah Seberang Prai Tengah kepada sekolah tersebut.

Permohonan peruntukan untuk SRJK (C) Kin Ya tidak dapat dipertimbangkan kerana terdapat projek-projek lain yang lebih penting untuk dilaksanakan dalam kawasan Bukit Mertajam pada tahun ini.

#### BUKU ILMIAH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

22. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa banyakkah pencapaian Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam bidang penerbitan buku-buku Ilmiah untuk sekolah-sekolah menengah dan pengajian Tinggi. Setakat manakah dibidang penterjemahan buku-buku Ilmiah dari Bahasa Asing ke dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa apakah yang menjadi tumpuan bidang penterjemahan itu.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencapaian Dewan Bahasa Pustaka (DBP) dalam bidang penerbitan buku-buku ilmiah untuk sekolah-sekolah menengah ialah 81 judul dan pengajian tinggi ialah 248 judul. Ini termasuk judul-judul baru dan cetakan semula dari tahun 1985 hingga 1988.

Dalam bidang penterjemahan pula setakat ini sebanyak 240 buku terjemahan daripada bahagian asing telah diterbitkan dan 480 buku terjemahan sedang diusahakan.

Bahasa yang menjadi tumpuan utama ialah Bahasa Inggeris, dan selain dari itu Bahasa Arab, Jepun, India, Thai, Filipina, China, Burma, Yugoslavia, Sepanyol, Perancis, Korea, Afrika dan Jerman.

#### PERAYAAN SEMARAK

23. **Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Penerangan menerangkan sama ada pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan perayaan SEMARAK setiap tahun. Adakah perayaan tersebut telah mencapai objektifnya. Seterusnya apakah program-program pihak Kementerian di masa akan datang agar perhubungan di antara rakyat dan pemimpin sentiasa terjamin.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** Jawapan bagi soalan ini adalah sama seperti jawapan bagi soalan No. 11 dari Ahli dari Bukit Mertajam yang dijawab di Dewan Yang Mulia ini pada 11-10-1988. Kementerian ini tidak ingin membuat tambahan kepada jawapan tersebut.

#### SABAH GAS UTILISATION PROJECT—KERUGIAN

24. **Tuan Sim Kwang** Yang meminta Menteri Kewangan menyatakan:

- ia)* kerugian terkumpul yang telah dialami oleh Sabah Gas Utilisation Project, Malaysian Shipyard and Engineering dan Sabah Forest Industries masing-masing;
- (b)* kos projek bagi tiga projek tersebut masing-masing;
- (c)* wang yang dipinjam untuk membiayai tiga projek tersebut masing-masing, dengan kos perkhidmatan pinjaman yang terlibat; dan
- (d)* langkah-langkah yang sedang diambil untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh tiga projek itu.

**Tuan Loke Yuen Yow:**

- *(a)* Pada 31hb Disember 1987 kerugian terkumpul bagi Sabah

Gas Utilisation Project ialah \$631.8 juta dan Malaysian Shipyard & Engineering \$158 juta. Tetapi bagi Sabah Forest Industries, pada 31hb Disember 1987 ia memperoleh keuntungan terkumpul sejumlah \$22.9 juta, khususnya dari operasi pembekalan. Walau bagaimanapun setelah kilang pulpa dan kertasnya memulakan operasi komersialnya pada Januari 1988, syarikat tersebut mengalami kerugian terkumpul sebanyak \$39.7 juta (belum diudit) pada 30hb Jun, 1988.

(b) Kos projek masing-masing adalah seperti berikut:

- (i) Sabah Gas Utilisation project: \$2,313 juta.
- (ii) Malaysian Shipyard & Engineering: \$230 juta.
- (iii) Sabah Forest Industries: \$1,400 juta.

(c) Pinjaman-pinjaman yang diperolehi bagi membiayai ketiga-tiga projek adalah seperti berikut:

- (i) Sabah Gas Utilisation Project: \$1,729 juta dalam pelbagai matawang, iaitu Ringgit, Yen, Austrian shilling, Deutche Mark, Swiss Franc dan Dollar US.
- (ii) Malaysian Shipyard & Engineering: \$116.1 juta dalam matawang Ringgit dan Yen.
- (iii) Sabah Forest Industries: \$1,271 juta dalam pelbagai matawang seperti Ringgit, Dollar US, Deutche Mark dan Austrian Shilling.

Kos perkhidmatan pinjaman adalah antara 4% hingga 11%, tertakluk kepada syarat-syarat sesuatu pinjaman.

(d) Langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah-masalah ketiga-tiga projek ini termasuk:

- (i) meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos pengeluaran;
- (ii) mengurangkan kos operasi;
- (iii) meningkatkan kecekapan pengeluaran;
- (iv) membiayai semula pinjaman-pinjaman yang mempunyai kos yang tinggi;
- (v) mengkaji cara-cara menswastakan projek-projek ini.

#### PERISYTIHARAN DARURAT— KUATKUASA

25. **Tuan Ting Chek Ming** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada negara ini di bawah masa Darurat dan jika tidak, sama ada Undang-undang dan Peraturan-peraturan boleh dibatalkan. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya untuk mengekalkan Undang-undang dan Peraturan-peraturan yang menekankan dan sewenang-wenangnya yang adalah mengancam warganegara-warganegara dan melucut dan menafikan kebebasan dan "liberty" seperti yang dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Saya mohon menjawab pertanyaan ini bagi pihak Y.A.B. Perdana Menteri,

Perisytiharan Darurat bertarikh 15 Mei 1969 masih berkuatkuasa dan akan terus berkuatkuasa sehingga kedua-dua Majlis Parlimen membuat resolusi membatalkannya.

Undang-undang yang diwujudkan di bawah kuasa darurat adalah perlu

untuk menjamin keamanan dan kestabilan negara. Adalah tidak benar sama sekali, sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu, bahawa undang-undang dan peraturan-peraturan itu sewenang-wenangnya menindas rakyat.

Kerajaan berpendirian bahawa Perisytiharan Darurat dan undang-undang serta peraturan-peraturan yang berkenaan adalah masih perlu untuk menjamin keamanan dan kestabilan negara. Oleh itu Kerajaan tidak bercadang membubarkan undang-undang dan peraturan-peraturan itu buat masa sekarang.

#### NEWLY INDUSTRIALISED COUNTRY—TARAF

26. **Tuan Chua Jui Meng** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kriteria untuk menentukan sama ada sesuatu negara itu layak digelar "Negara Industri Baru" "Newly Industrialised Country" (NIC);
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang dirancang untuk membolehkan Malaysia memasuki taraf NIC; dan
- (c) apakah pula tahun sasaran bagi Malaysia mencapai taraf NIC.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):**

- (a) Sebenarnya tidak ada satu ta'rif yang universall yang boleh digunakan bagi meletakkan sesebuah negara itu sebagai "Negara Industri Baru" atau NIC. Walau bagaimanapun kriteria-kriteria yang sering digunakan bagi menentukan bahawa sesebuah negara itu bertaraf NIC ialah kadar pertumbuhan ekonominya dan pertambahan eksport barangan pembuatannya. Berasaskan

kepada kriteri-kriteria ini, kajian yang telah dibuat oleh OECD telah mengiktiraf negara-negara seperti Brazil dan Mexico di Latin Amerika; Greek, Portugal, Spain dan Yugoslavia di Eropah Selatan; dan Korea Selatan, Taiwan, Singapura dan Hong Kong di Asia sebagai negara-negara NIC.

Kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang tinggi dan pertambahan pendapatan per kapita bagi negara-negara NIC seperti yang disebut di atas adalah berpunca dari sektor perindustrian atau perkhidmatan. Bagi Malaysia, dasar ekonomi yang kita amalkan sekarang sememangnya ke arah membangunkan sektor perindustrian dan mengutamakan pengeluaran barangan pembuatan yang berorientasikan eksport. Perolehan dari eksport barangan pembuatan perlu ditingkatkan supaya melebihi separuh dari jumlah pendapatan eksport negara. Ini tidaklah pula bererti yang kita akan mengeneppikan sektor pertanian, malah kita akan menggunakan lebih banyak sumber-sumber alam kita untuk pengeluaran barangan pembuatan.

Kriteria yang saya sebutkan di atas adalah antara yang penting dan perlu dicapai sebelum sesebuah negara itu dapat diiktiraf sebagai NIC. Selain daripada itu kriteria-kriteria lain yang sering digunakan adalah tahap teknotogi dan kemampuan mengeksport teknologi tempatan, daya produktiviti dan

kemahiran serta kualiti tenaga pekerjaanya.

- (b) Dasar dan strategi pembangunan kita adalah seperti di dalam Rancangan-rancangan Lima Tahun Malaysia dan program-program lain seperti Pelan Induk Perindustrian, perancangan tenaga manusia dan perancangan teknologi. Matlamat utama kita adalah untuk meningkatkan taraf hidup penduduknya. Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan projek-projek bagi menyediakan infrastruktur sosial seperti pelajaran dan kesihatan bertujuan meningkatkan kualiti tenaga manusia sejajar dengan hasrat untuk meningkatkan kemampuan menyerap teknologi moden dan membangun teknologi tempatan. Perancangan sains dan teknologi telah dijadikan sebagai salah satu teras utama di dalam Rancangan Malaysia Kelima melalui aktiviti-aktiviti R & D. Strategi ini akan dapat menyepadukan pembangunan sektor-sektor utama seperti sektor pembuatan dan pertanian. Untuk makluman Ahli Yang Berhonnat, selain daripada meningkatkan Institusi-Institusi R & D yang ada, Kerajaan juga sedang menyediakan infrastruktur yang perlu bagi penubuhan Taman Teknologi. Kerajaan juga telah menyediakari skim galakan bagi membolehkan sektor swasta membangunkan kemudahan R & D-nya sendiri.

Selain daripada itu usaha sedang dipertingkatkan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur fizikal

dengan lebih efisien supaya dapat mengurangkan kos pengeluaran bagi pelabur-pelabur di negara ini. Strategi ini adalah penting untuk kita meningkatkan eksport barangan pembuatan dan sumber alam.

- (c) Dasar perindustrian kita seperti di dalam Pelan Induk Perindustrian (IMP 1986-95) adalah bertujuan menyediakan rangka ke arah transtormasi struktur ekonomi negara. Pelan Induk ini adalah bertujuan untuk menjadikan negara ini dari sebuah negara pertanian kepada sebuah negara perindustrian meialui beberapa proses dan peringkat. Walaupun andaian-andaian yang dibuat di dalam Peian ini telah banyak berubah, teras utamanya masih boleh digunakan. Pemulihan ekonomi negara dan pertumbuhan ekonomi yang tinggi yang melebihi 7% dalam tahun ini serta prospek yang baik dalam jangka pertengahan meyakinkan kita bahawa matlamat Pelan Induk itu mungkin tercapai. Hasrat kita bukan sahaja untuk menjadi sebuah negara perindustrian tetapi kita juga herhasrat meningkatkan pendapatan per kapita dari paras sekarang iaitu US\$2,000 kepada US\$5,000, iaitu setanding dengan negara NIC yang lain. Berdasarkan kepada perubahan struktur ekonomi yang telah berlaku dan jika suasana ekonomi antara-bangsa terus baik, Insha Allah, kita mungkin dapat meningkatkan taraf ekonomi dan kualiti hidup penduduk negara ini seperti yang kita harapkan melalui program pembangunan kita dalam tahun 2000 atau lebih awal dari itu.

### PELABURAN ASING

27. **Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) negara-negara manakah yang telah melabur di Malaysia bagi tahun-tahun 1986, 1987 dan 1988;
- (ii) jumlah pelaburan yang telah dilaburkan oleh setiap negara tersebut bagi tahun-tahun 1986, 1987 dan 1988;
- (iii) di sektor manakah pelaburan itu telah dilaksanakan; dan
- (iv) sejauh manakah kegiatan pelaburan itu telah membantu ekonomi negara dan mengurangkan pengangguran.

#### Dato' Kok Wee Kiat:

- (i) Bagi tempoh tahun 1986 hingga September, 1988 sumber anggaran pelaburan asing yang terbesar sekali adalah dari negara Jepun. Ini diikuti dengan negara Netherlands, Singapura, Taiwan, Perancis dan Amerika Syarikat.
- (ii) Jumlah anggaran pelaburan asing yang dicadangkan bagi tempoh tahun 1986 hingga September, 1988 adalah sebanyak \$7,217.3 juta. Pembahagian mengikut negara-negara utama tersebut adalah seperti berikut:

Negara	Anggaran Pelaburan Asing 1986-Sept. 1988 (\$ juta)
Jepun .. ..	1,804.5
Netherlands	887.9
Singapura ..	782.7
Taiwan ..	751.8
Perancis ..	609.1
Amerika Syarikat	419.3

- (iii) Bagi tempoh tahun 1986 hingga September, 1988, jumlah anggaran pelaburan asing yang dicadangkan lebih tertumpu kepada industri barang-barang elektrik dan elektronik (\$1,644.8 juta), diikuti dengan industri pengilangan makanan (\$996.7 juta) dan industri petroliam dan arang batu (\$876.3 juta).
- (iv) Untuk makluman Y.B., sektor perkilangan memainkan peranan yang penting untuk mencapai objektif ekonomi negara dari segi sumbangannya kepada pertumbuhan hasil pengeluaran.

Secara keseluruhan, sumbangan sektor perkilangan kepada keluaran domestik negara kasar (KDNK) telah meningkat kepada 20.9% dalam tahun 1986 kepada 22.4% dalam tahun 1987 dan terus mengekalkan kedudukannya dalam tahun ini sebanyak 24.2%. Di antara sumbangan kegiatan pelaburan di dalam membantu ekonomi negara ialah:

- (1) Meluaskan dan meneroikai pasaran baru bagi penjualan barang-barang eksport negara di pasaran dunia.
- (2) Pertambahan perolehan daripada pendapatan eksport.
- (3) Peningkatan penggunaan bahan mentah tempatan.
- (4) Menambahkan aliran modal pelaburan serta pemindahan teknologi asing ke dalam negara.

- (5) Peningkatan pelaburan dijangka dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru-dan ini dapat mengurangkan kadar pengangguran.

Tahun	Bilangan Bumiputera Yang Bankrap
1987	— 1,349
Ogos 1988	— 1,345

### USAHAWAN BUMIPUTERA YANG MUFLIS

28. **Tuan Haji Ghazali bin Haji Ahmad** minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) berapa ramai usahawan Bumiputera yang sudah jadi muflis dengan tindakan mahkamah oleh institusi kewangan pada tahun 1985, 1986, 1987 dan sehingga Jun 1988; dan
- (b) apakah sebab-sebab usahawan Bumiputera yang telah diambil tindakan sedemikian dan adakah rancangan Kementerian dapat berusaha mengurangkan keadaan sedemikian semasa kemerosotan ekonomi yang melanda negara.

**Timbalan Menteri Kehakiman (Dato' Oo Gin Sun):**

- (a) Buat masa sekarang, data-data kebangkrapan yang terdapat dalam simpanan kita tidak menunjukkan sama ada seseorang bumiputera yang diisytihar muflis itu sebagai usahawan atau lain-lain oleh kerana data-data ini tidak diklasifikasikan mengikut jenis pekerjaan. Walau bagaimanapun bilangan atau ramainya bumiputera yang diisytiharkan bankrap semenjak tahun 1985 hingga Ogos, 1988 ialah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Bumiputera Yang Bankrap
1985	— 645
1986	— 840

- (b) Di antara sebab-sebab yang membawa kepada tindakan kebangkrapan di ambil terhadap seseorang itu ialah:

- (i) kurang pengalaman dan pengetahuan di dalam sesuatu perniagaan yang diceburinya;
- (ii) tidak mempunyai modal yang mencukupi untuk dipusing iaitu membeli bahan-bahan yang hendak diperniagakan kerana barang-barang itu seringkali dinaikkan harganya;
- (iii) berbelanja melebihi daripada pendapatan yang diterima;
- (iv) tertipu oleh rakan perkongsian di dalam perniagaan;
- (v) kesukaran untuk memungut hutang buku (book debt.);
- (vi) perniagaan yang lembab dan persaingan yang hebat dalam perniagaan;
- (vii) pengurusan yang tidak betul;
- (viii) faedah yang tinggi atas pinjaman;
- (ix) menjadi penjamin kepada peminjam yang tidak menjelaskan hutangnya.

### PETRONAS—SUMBANGAN PEMBANGUNAN EKONOMI

29. **Tuan S. S. Subramaniam** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah peranan yang telah dan sedang dimainkan oleh pihak

PETRONAS untuk menaiki taraf kehidupan semua rakyat di negara kita tanpa mengirakan kaum, agama dan sebagainya;

- (b) dari segi perkhidmatan sosial juga apakah peranan yang telah dimainkan oleh pihak PETRONAS dalam masa lima tahun yang terdahulu; dan
- (c) sebab apakah pihak PETRONAS hingga masa kini tidak menyumbang bantuan kewangan ataupun sebagainya untuk mangsa-mangsa Trajedi Feri Pulau Pinang ataupun Banjir di Kuala Lumpur ataupun lam-lain mangsa yang kurang bernasib baik di negara kita.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
(Datuk Kasitah bin Gaddam):**

- (a) Semenjak PETRONAS ditubuhkan ia telah berjaya memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara daripada basil yang diperolehi dari industri petroleum yang digunakan bagi membiayai berbagai program Kerajaan ke arah peningkatan taraf kehidupan semua rakyat di negara ini tanpa mengira kaum dan agama. Sebagai sebuah perbadanan yang diletakhakkan seluruh pemunyaan mengenai petroleum dan hak-hak, kuasa-kuasa, kebebasan-kebebasan dan keistimewaan eksklusif untuk mencari, mengeksploit dan memperolehi petroleum di pantai atau luar pantai Malaysia, PETRONAS menyumbangkan pendapatan wang kepada Kerajaan dalam bentuk cukai pendapatan, dividen, duti eksport dan royalti setiap tahun. Misalnya bagi tahun kewangan 87/88 PETRONAS telah memberi sumbangan wang kepada

Kerajaan Persekutuan berjumlah \$5,033 juta yang terdiri daripada:

	\$ (Juta)
Cukai Pendapatan	\$1,606
Dividen	\$2,000
Duti Eksport	\$ 945
Royalti	\$ 482
	<hr/>
	\$5,033
	<hr/>

Sementara pembayaran kepada Kerajaan-kerajaan Negeri Terengganu, Sabah dan Sarawak pula berjumlah \$482 juta. Di samping sumbangan wang secara langsung kepada Kerajaan, PETRONAS telah juga berjaya menggalakkan pembangunan industri sokongan seperti industri membekalkan alat-alatan, barang-barangan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan industri petroleum dan perniagaan jualan (trading) bahan-bahan petroleum. Setakat 31 Disember 1986 sebanyak 3,534 buah syarikat telah berdaftar dengan Petronas dalam berbagai-bagai jenis perniagaan. Jumlah kontrak yang ditawarkan oleh PETRONAS di sektor hulu dan hiliran bagi tahun 1987 bernilai \$1,811 juta. Sebanyak 42% daripada kontrak itu dinikmati oleh kontraktor-kontraktor tempatan. Di samping itu PETRONAS juga telah melabur dalam beberapa projek pembangunan seperti carigali dan pengeluaran, loji gas asli cecair, loji baja urea ammonia, loji penapis dan penggunaan gas Semenanjung yang melaluinya dapat membantu memajukan kawasan-kawasan kurang membangun seperti Bintulu dan Kertih. PETRONAS juga sedang

mengkaji kemungkinan mengwujudkan industri petrokimia seperti polyethylene/ethylene dan Methyl Tertiary Butyl Ether (MTBE) di negara ini yang akan memerlukan pelaburan besar dan dijangka akan meningkatkan lagi perkembangan ekonomi negara ini. Ke semua kegiatan PETRONAS di dalam bidang perusahaan petroleum seperti yang disebutkan itu secara langsung telah mengwujudkan peluang-peluang pekerjaan yang banyak kepada rakyat negara ini. Pada akhir tahun 1986 sebanyak 14,638 peluang pekerjaan telah dapat diwujudkan di dalam industri petroleum amnya dan jumlah kakitangan PETRONAS khususnya adalah seramai 7,019 orang.

- (b) Dari segi perkhidmatan sosial pula PETRONAS sentiasa mengambil berat tentang mutu alam sekitar dan telah memberi bantuan kewangan kepada kajian-kajian alam sekitar dan projek-projek penyelidikan sosio-ekonomi. Hasil-hasil kajian ini diharap dapat memberi sumbangan kepada pembangunan negara ini. Bagi tempoh lima tahun kewangan yang lalu (1983/84-1987/88) PETRONAS telah menyumbangkan lebih daripada \$7.1 juta bagi bidang-bidang seperti Pendidikan dan Penyelidikan termasuk tawaran biasiswa, Kesihatan, Kebudayaan dan Sukan serta Kebajikan Masyarakat.
- (c) Kerajaan telah mempertanggungjawabkan beberapa agensi-agensinya Kerajaan tertentu bagi membantu mangsa-mangsa bencana alam seperti banjir, kebakaran dan malapetaka

seperti Trajedi Feri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun pihak PETRONAS sentiasa bersimpati dan menghulurkan sumbangan dari masa ke semasa untuk hal-hal kebajikan, jika difikirkan perlu berbuat demikian.

#### **KETUA HAKIM NEGARA/HAKIM-HAKIM—SIASATAN TRIBUNAL**

30. **Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Perdana Menteri menjelaskan:

- (a) kenapakah Tribunal yang ditubuhkan untuk membicarakan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abbas dan 5 Hakim Mahkamah Agung terdapat ahli-ahli yang rendah kedudukannya, sepertimana bantahan yang dibuat oleh Majlis 'Pegum Malaysia. Kenapakah Kerajaan tidak melantik ahli-ahli Tribunal ' yang mempunyai kedudukan yang setaraf dengan 'Hakim-hakim' yang hendak 'dibicarakan' dari negara-negara Komanwel supaya tribunal yang dibentuk itu tidak dipersoalkan kredibilitinya; dan
- (b) kenapakah bekas Ketua Hakim Negara, seperti Tun Mohamad Suffian tidak dilantik sebagai ahli atau Pengerusi Tribunal, sesuai dengan kedudukan dan pengalamannya. Dan kenapakah pula Y.A.A. Tan Sri Hashim Yeop Sani meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Tribunal untuk mendengar kes lima Hakim Mahkamah Agung.

#### **Dato' Oo Gin Sun:**

- (a) Ali-ahli Tribunal untuk menyiasat representasi terhadap Tun Salleh Abbas dan 5 Hakim Mahkamah Agung telah dilantik mengikut Perkara 125 (3) dan (4) Perlembagaan

Persekutuan dan telah didapati teratur dan sah oleh mahkamah. Tidak terdapat apa-apa syarat dalam peruntukan-peruntukan tersebut bahawa seseorang Ahli Tribunal mestilah Hakim yang lebih kanan daripada hakim yang terlibat dalam representasi itu. Asalkan ahli itu ialah seorang Hakim atau bekas Hakim Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Agung dia adalah layak menjadi ahli Tribunal. Di mana peruntukan Perlembagaan sendiri menyatakan kelayakan dan kesesuaian seseorang untuk menjadi Ahli Tribunal, soal kredibiliti tidak timbul.

- (b) Pengerusi bagi menyiasat representasi terhadap Ketua Hakim Negara iaitu Hakim Besar Malaya adalah layak menjadi Pengerusi Tribunal itu mengikut Perkara 125 (4) Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu soal kenapa Tun Mohamad Suffian tidak dilantik tidak timbul.

Keputusan Tan Sri Hashim Yeop Sani untuk meletakkan jawatannya sebagai Pengerusi Tribunal adalah keputusannya sendiri dan Kerajaan tidak terlibat langsung dalam perkara ini.

#### BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH—KAJIAN

31. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada atas Kementerian telah memulakan kajian ke penurunan mutu Bahasa Inggeris di kalangan murid sekolah dan di universiti-universiti tempatan, atau tidak. Jika sudah, setakat ini apakah hasil kajian tersebut, misalnya dari segi peratusan murid/pelajar universiti yang

benar-benar memahami arahan/karangan dalam bahasa itu, peratusan murid/pelajar universiti yang tidak langsung boleh bertutur ayat yang penuh dalam bahasa Inggeris dengan fasihnya, peratusan murid/pelajar universiti yang memerlukan kelas bimbingan; di peringkat sekolah rendah, sekolah rendah jenis kebangsaan, sekolah menengah, dan universiti tempatan;

- (b) jika masih belum, bila dan bagaimanakah langkah pengawasan ini akan diuruskan. Apakah di antara aspek-aspek yang akan diberi perhatian dalam kajian kelak. Jika tidak, mengapa.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Pendidikan ada menjalankan kajian berbentuk diagnostik secara mikro di bilik darjah dan di peringkat daerah, masalah pengajian dan pembelajaran dapat diatasi dengan lebih berkesan melalui kelas pemulihan Bahasa Inggeris. Kursus kemahiran—Bahasa Inggeris untuk membantu pelajar-pelajar dijalankan di universiti-universiti tempatan. Tenaga pengajar juga diberi kursus Teaching English As a Second Language.

#### PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA NEGERI-NEGERI

32. **Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kedudukan kewangan negara dari segi pinjaman kepada negeri-negeri, badan berkanun, syarikat kerjasama dan pihak berkuasa tempatan—termasuk tunggakan-tunggakan yang sepatutnya dibayar kepada Kerajaan Pusat;

- (b) nyatakan senarai terperinci jumlah hutang tiap-tiap badan tersebut dan ansuran bayaran yang dilakukan sehingga Oktober, 1988; dan
- (c) apakah sebab-sebab berlaku kelewatan pembayaran hutang-hutang tersebut dan nyatakan cara mengutip balik pinjaman tersebut

**Tuan Loke Yuen Yow:**

- (a) jumlah baki pinjaman (pokok dan faedah dipermodalkan) beserta faedah terakru (tunggakan faedah) ke atas pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada negeri-negeri, badan-badan berkanun, syarikat-syarikat kerjasama dan pihak-pihak berkuasa tempatan pada 30hb Jun, 1988 adalah masing-masing berjumlah sebanyak \$7,241,181,210.66, \$9,799,640,161.37, \$178,197,053.24 dan \$709,729,160.03;
- (b) Senarai terperinci jumlah hutang tiap-tiap badan tersebut adalah seperti di *Lampiran I*. Ansuran bayaranbalik pinjaman 1988 yang telah dilakukan sehingga 1hb Oktober, 1988 adalah seperti di *Lampiran II*;
- (c) Di antara sebab berlakunya kelewatan pembayaran hutang-hutang tersebut adalah:
  - (i) Projek yang dijalankan oleh peminjam telah gagal;
  - (ii) Projek yang dijalankan mungkin tidak gagal tetapi mengalami aliran tunai yang lembab;
  - (iii) Peminjam mungkin sengaja tidak mahu membayarbalik pinjaman tanpa sebab-sebab yang boleh diterima;

- (iv) Wang bayaranbalik oleh peminjam tidak disampaikan kepada Kerajaan Persekutuan tetapi sebaliknya disimpan/digunakan semula untuk tujuan-tujuan lain;
- (v) Pinjaman kepada agensi untuk penyertaan ekuiti di syarikat-syarikat tidak mendapat pulangan yang baik dari segi dividen dan agensi berkenaan tidak mendesak anak-anak syarikatnya meraberi dividen untuk membayar balik pinjaman.

Kerajaan Persekutuan telah mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk mengutip balik pinjaman-pinjaman tersebut melalui cara-cara berikut:

- (i) Menghantar penyata lengkap mengenai kedudukan pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri/Agensi-agensi setiap enam bulan sekali.
- (ii) Menghantar surat-surat peringatan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri/Agensi-agensi sebelum tarikh ansuran pinjaman-pinjaman berkenaan perlu dibayar balik.
- (iii) Menghantar notis kepada Kerajaan-kerajaan Negeri/Agensi-agensi yang mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman agar mereka membayar balik pinjaman-pinjaman yang telah tertunggak.
- (iv) Meminta Kerajaan-kerajaan Negeri/Agensi-agensi yang mempunyai simpanan tetap yang tinggi menggunakan wang

- tersebut untuk membayar balik pinjaman.
- (v) Menggalakkan Kerajaan-kerajaan Negeri/Agensi-agensi yang mempunyai lebih wang yang tinggi membuat bayaran balik awal ke atas pinjaman-pinjaman Kerajaan Persekutuan.
- (vi) Mengadakan mesyuarat/perundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri/Agensi-agensi untuk mendapatkan balik tunggakan bayaran balik pinjaman.
- (vii) Meng"offset"kan bayaran balik pinjaman Kerajaan-kerajaan Negeri/Agensi-agensi dengan penyerahan harta (asset) kepada Kerajaan Persekutuan.

## LAMPIRAN 1

**KEDUDUKAN PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
KEPADA KERAJAAN NEGERI, BADAN-BADAN BERKANUN,  
SYARIKAT-SYARIKAT KERJASAMA DAN PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN PADA 30HB JUN 1988**

<i>Bil.</i>	<i>Pinjaman</i>	<i>Baki Pinjaman (Baki Pokok + Faedah Di- permodalkan)</i>	<i>Jumlah Tunggakan Faedah</i>	<i>Jumlah</i>
<i>Bil.</i>	<i>Pinjaman</i>	\$	\$	\$
1.	Kerajaan-kerajaan Negeri	6,818,828,352.95	422,352,857.71	7,241,181,210.66
2.	Badan-badan Berkanun	9,496,459,093.84	303,181,067.53	9,799,640,161.37
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	676,514,325.92	33,214,834.11	709,729,160.03
4.	Syarikat-syarikat Kerjasama	169,974,016.60	8,223,036.74	178,197,053.34
	JUMLAH ..	<u>17,161,775,789.20</u>	<u>766,971,796.09</u>	<u>17,928,747,585.30</u>

**SENARAI KEDUDUKAN PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
KEPADA KERAJAAN NEGERI, BADAN-BADAN BERKANUN,  
SYARIKAT-SYARIKAT KERJASAMA DAN PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN PADA 30HB JUN 1988**

<i>A.</i>	<i>Kerajaan Negeri</i>	<i>Baki Pinjaman (Baki Pokok + Faedah Di- permodalkan)</i>	<i>Tunggakan Faedah</i>	<i>Jumlah Hutang</i>
		\$	\$	\$
1-	Johor . . . . .	916,108,789.63	109,612,753.15	1,025,721,542.78
2.	Kedah .. .. .	602,493,288.35	35,703,688.73	603,196,977.08
3.	Kelantan .. . . .	694,271,518.49	50,667,786.10	755,939,304.49

<i>Negeri</i>	<i>Faedah Kerajaan Negeri</i>	<i>Faedah</i>	<i>Baki Pinjaman Baki Pokok+ Faedah Di-permodalkan)</i>	<i>Tunggakan Faedah</i>	<i>Jumlah Hutang</i>
			\$	\$	\$
4.	Melaka .. .. .		220,997,584.17	9,971,463.13	230,969,739.56
5.	Negeri Sembilan .. .. .		405,126,899.47	47,496,840.09	452,623,739.20
6.	Pahang .. .. .		409,554,420.78	41,039,582.42	450,594,003.20
7.	Pulau Pinang .. .. .		285,803,648.32	4,426,810.14	290,230,458.46
8.	Perak .. .. .		581,650,493.53	10,209,124.75	581,650,493.53
9.	Perlis .. .. .		120,614,216.15	20,549,303.10	141,163,519.25
10.	Selangor .. .. .		814,180,535.93	15,949,580.99	830,130,116.92
11.	Terengganu .. .. .		519,901,241.13	73,035,757.70	592,936,998.83
12.	Sabah .. .. .		709,117,838.08	3,265,164.46	712,383,002.53
13.	Sarawak .. .. .		539,007,878.93	425,003.05	539,432,881.98
	JUMLAH ..		6,818,828,352.95	422,352,857.71	7,241,181,210.66

<i>Bil.</i>	<i>Peminjam</i>	<i>Faedah</i>	<i>Di-</i>	<i>Baki Pinjaman Baki Pokok permodalkan)</i>	<i>Tunggakan Hutang</i>	<i>Jumlah</i>
				\$	\$	\$
	<b>BADAN-BADAN BERKANUN</b>					
1.	Bank Pertanian Malaysia (BPM) .. .. .			335,306,610.48	5,539,148.36	340,845,753.84
2.	Keretapi Tanah Melayu (KTM) .. .. .			824,093,815.99	86,307,005.12	910,400,821.11
3.	Lembaga Air Melaka .. .. .			7,365,713.75	37,741.99	7,403,455.74
4.	Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang			153,773.50	13,672.53	167,446.03
5.	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)			68,271,710.82	13,468,525.80	81,740,236.62
6.	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)			119,170,886.46	—	119,170,886.46
7.	Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)			87,723,574.20	11,193,383.67	98,916,957.87
8.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah			19,724,527.39	11,270,612.66	30,995,140.05
9.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)			3,269,821,506.52	—	3,269,821,506.52
10.	Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak ..			106,725,092.90	47,258,479.77	153,983,572.67
11.	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)			76,309,761.30	8,303,524.60	84,613,285.90
12.	Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka ..			1,376,000.00	—	1,376,000.00
13.	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)			17,072,403.84	40,021.75	17,112,425.59
14.	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)			11,067,375.25	—	11,067,375.25
15.	Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)			1,365,172,725.48	389,921.71	1,365,562,647.19
16.	Lembaga Letrik Negara (LLM) .. .			50,740,311.61	—	50,740,311.61

<i>Bil.</i>	<i>Peminjam</i>	<i>Baki Pinjaman Baki Pokok + Paedah Di- permodalkan</i>	<i>Tunggakan Paedah</i>	<i>Jumlah Hutang</i>
	<i>BADAN-BADAN BERKANUN—samb.)</i>	\$	\$	\$
17.	Lembaga Letrik Sabah .. .. .	323,880,140.60	—	323,880,140.60
18.	Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN)	143,043,067.00	—	143,043,067.00
19.	Lembaga Pelabuhan Bintulu . . . . .	—	—	—
20.	Lembaga Pelabuhan Johor .. .. .	89,740,851.40	—	89,740,851.40
21.	Lembaga Pelabuhan Kelang .. .. .	221,887,819.48	—	221,887,819.48
22.	Lembaga Pelabuhan Kuantan .. .. .	15,406,901.04	—	15,406,901.04
23.	Lembaga Pelesenan dan Pasaran Getah Malaysia (LPPGM)	500,000.00	—	500,000.00
24.	Lembaga Pemasaran Pertanian Perse- kutuan (FAMA)	2,254,691.78	6,851.35	2,261,543.13
25.	Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA)	509,310,391.17	7,945,220.15	517,255,611.32
26.	Lembaga Tembakau Negara .. .. .	2,500,000.00	—	2,500,000.00
27.	Majlis Amanah Rakyat (MARA) .. .. .	213,584,112.53	14,238,121.11	227,822,233.64
28.	Pasaran Barangan Kuala Lumpur (KLCE)	2,197,000.00	—	2,197,000.00
29.	Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia	18,737,275.06	720,394.99	19,457,670.05
30.	Perbadanan Perbekalan Letrik Sarawak	129,969,178.08	—	129,969,178.08
31.	Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) .. .. .	1,234,970,154.68	95,702,881.91	1,330,673,036.59
32.	Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang .. .. .	1,867,924.00	—	1,867,924.00
33.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	130,550,308.91	745,565.06	131,295,873.97
34.	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ..	95,863,302.32	—	95,863,302.32
35.	Koperasi Tenaga Sabah .. .. .	100,186.30	—	100,186.30
	JUMLAH ..	9,496,459,093.84	303,181,067.53	9,799,640,161.37

<i>C.</i>	<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<i>Baki Pinjaman (Baki Pokok + Paedah Di- permodalkan</i>	<i>Jumlah Tunggakan Paedah</i>	<i>Jumlah Hutang</i>
		(\$)	(\$)	(\$)
1.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.	440,310,228.39	30,452,474.11	470,762,702.50
2.	Majlis Perbandaran Ipoh.	17,027,474.59	—	17,027,474.59
3.	Majlis Perbandaran Petaling Jaya.	61,953.53	—	61,953.53
4.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang.	31,585,664.99	—	31,585,664.99
5.	Majlis Perbandaran Seberang Prai.	114,737,292.86	—	114,737,292.86
6.	Majlis Perbandaran Seremban.	3,732,711.56	—	3,732,711.56
7.	Majlis Perbandaran Ubuan.	69,059,000.00	2,762,360.00	71,821,360.00
	JUMLAH ..	676,514,325.92	33,214,834.11	709,729,160.03

D.	Syarikat Kerjasama	Baki Pinjaman (Baki Pokok Di- Faedah Di- permodalkan)		Hutang Hutang
		\$	\$	
1.	Bank Kerjasama Rakyat Bhd. .. ..	154,324,235.71	6,308,009.10	160,632,244.81
2.	East Cost Fisherman's Coop Credit & Marketing Society	257,883.91	146,269.53	404,153.44
3.	Koperasi Belia Nasional. .. ..	6,932,362.00	1,657,762.99	8,590,124.99
4.	Kuala Sanglang Fishermen's Coop Credit & Marketing Society	23,558.00	14,838.86	38,391.86
5.	Malayan Co-op Wholesale Society (MCWS)	574,826.19	—	574,826.19
6.	Persatuan Peladang Kebangsaan .. ..	6,822,000.00	—	6,822,000.00
7.	Syarikat Kerjasama Penaja-penaja dan Peniaga Kecil Selangor Bhd.	76,435.79	8,514.82	84,950.61
8.	Syarikat Kerjasama Penunahan Orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Prai	800,000.00	—	800,000.00
9.	Syarikat Membeli dan Membuka Tanah Bekerjasama Bukit Cheeding Kuala Langat dengan tanggungan tidak Bhd.	47,000.00	—	47,000.00
10.	Syarikat Nelayan Bekerjasama Tanjung Pandang	115,715.00	87,646.44	203,361.44
	JUMLAH ..	169,974,016.60	8,223,036.74	178,197,053.34

## LAMPIRAN II

PENYATA BAYARANBALIK PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
KEPADA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI, BADAN-BADAN  
BERKANUN, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN SYARIKAT  
KERJASAMA (KOPERASI) BAGI TEMPOH IHB JANUARI —  
IHB OKTOBER 1988

Peminjam	Pokok	Faedah	Jumlah
	\$	\$	\$
1. Kerajaan Negeri .. ..	68,043,956.35	52,394,977.00	120,438,933.35
2. Badan-badan Berkanun	100,161,063.40	31,907,653.53	132,068,716.93
3. Pihak Berkuasa .. ..	9,331,013.40	14,361,667.06	23,692,680.46
4. Koperasi .. ..	7,641,985.38	457,917.46	8,099,902.84
Jumlah..	185,178,018.53	99,122,215.05	284,300,233.58

PENYATA BAYARANBALIK PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
KEPADA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI BAGI TEMPOH  
1HB JANUARI— 1HB OKTOBER 1988

<i>Peminjam</i>	<i>Pokok</i>	<i>Faedah</i>	<i>Jumlah</i>
Johor .. .. .	1,049,126.27	707,547.61	1,756,673.88
Kedah . . . . .	—	—	—
Kelantan .. ..	2,420,582.13	1,550,182.02	3,970,764.15
Melaka .. ..	1,966,276.23	1,991,583.09	3,957,859.32
Negeri Sembilan ..	582,603.84	390,021.55	972,625.39
Pahang Darul Makmur	3,387,088.96	947,790.58	4,334,879.54
Pulau Pinang ..	9,012,298.44	9,340,637.13	18,352,935.57
Perak .. .. .	17,559,097.92	5,873,218.07	23,432,315.99
Perlis . . . . .	—	—	—
Selangor Darul Ehsan	13,692,747.00	8,984,729.34	22,677,476.34
Terengganu.. ..	2,961,634.52	3,913,586.62	6,875,221.14
Sabah . . . . .	—	—	—
Sarawak .. ..	15,412,501.04	18,695,680.99	34,108,182.03
Jumlah ..	68,043,956.35	52,394,977.00	120,438,933.35

PENYATA BAYARANBALIK PINJAMAN PERSEKUTUAN KEPADA  
BADAN-BADAN BERKANUN, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN  
KOPERASI BAGI TEMPOH IHB JANUARI— IHB OKTOBER 1988

<i>Peminjam</i>	<i>Pokok</i>	<i>Faedah</i>	<i>Jumlah</i>
A. BADAN-BADAN BERKANUN	\$	\$	\$
Bank Pertanian Malaysia Bhd.	9,374,122.83	3,666,360.60	13,040,483.43
Lembaga Air Melaka . . . . .	309,885.33	209,543.58	519,428.91
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	10,390,821.82	6,270,408.58	16,661,230.40
Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara	1,278,430.22	1,714,720.66	2,993,150.88
Lembaga Letrik Negara .. ..	4,901,507.41	2,701,951.55	7,603,458.96

<i>Peminjam</i>	<i>Pokok</i>	<i>Faedah</i>	<i>Jumlah</i>
<b>A. BADAN-BADAN BERKANUN—(samb.)</b>	\$	\$	\$
Lembaga Pelabuhan Kelang	20,252,982.74	1,720,220.12	21,973,202.86
Lembaga Pelabuhan Kuantan	262,401.37	99,166.86	361,568.23
Lembaga Pelesenan dan lasaran Getah Malaysia	25,000.00	—	25,000.00
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan	109,863.26	13,717.97	123,581.23
Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara	11,697,591.46	7,954,321.59	19,651,913.05
Lembaga Tembakau Negara	500,000.00	—	500,000.00
Perbadanan Kemajuan Pelan- congan Malaysia	553,505.58	259,776.22	813,281.80
Perbadanan Pembangunan Bandar	33,411,496.50	—	33,411,496.50
Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang	622,619.00	85,455.00	748,000.00
Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah	—	250,000.00	250,000.00
Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang	4,898,983.41	6,099,205.71	10,998,189.12
Jabatan Penerbangan Awam	1,531,852.47	862,805.09	2,394,657.56
JumJah ..	100,161,063.40	31,907,653.53	132,068,716.93

**B. PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN**

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	7,693,854.37	12,727,854.81	20,421,709.18
Majlis Perbandaran Pulau Pinang	541,794.77	324,572.54	866,367.31
Majlis Perbandaran Ipoh	1,095,364.26	1,309,239.71	2,404,603.97
Jumlah ..	9,331,013.40	14,361,667.06	23,692,680.45

<i>Peminjam</i>	<i>Pokok</i>	<i>Faedah</i>	<i>Jumlah</i>
C. KOPERASI	\$	\$	\$
Bank Kerjasama Rakyat	7,587,941.17	412,058.83	8,000,000.00
Syarikat Jualan Borong Kerjasama Melayu Bhd.	18,362.56	19,437.44	37,800.00
Syarikat Nelayan Pantai Timur	11,914.79	10,108.05	22,022.84
Syarikat Netayan Telok Bahang	266.86	333.14	600.00
Syarikat Membeli dan Membuka Tanah Bukit Cheeding, K. Langat	23,500.00	15,980.00	39,480.00
Jumlah ..	7,641,985.38	457,917.46	8,099,902.84

#### **KETUA HAKIM NEGARA/HAKIM-HAKIM—SIASATAN TRIBUNAL**

33. **Dr Eng Seng Chai** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa perlantikan seorang bekas Hakim Negara (Lord President) tidak dinasihatkan kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Pengerusi atau seorang anggota Tribunal-Tribunal menyiasat Hakim Negara dan lima orang Hakim-hakim Agung.

**Dato' Oo Gin Sun:** Kesemua Pengerusi dan anggota Tribunal-Tribunal bagi menyiasat representasi terhadap Ketua Hakim Negara dan lima orang Hakim Mahkamah Agung adalah Hakim-hakim yang mempunyai kelayakan yang diperlukan di bawah Perkara 125 (3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu soal bekas Ketua Hakim Negara tidak dilantik tidak timbul.

#### **DASAR EKONOMI BARU— PANDANGAN UMUM**

34. **Tuan Teoh Teik Huat** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan bersedia untuk

menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan (Select Committee) untuk menjalankan satu pendengaran umum bagi memungut pandangan-pandangan orang ramai tentang jenis dasar untuk menggantikan Dasar Ekonomi Baru apabila ianya berakhir pada tahun 1990.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Pertanyaan Y.B. telah pun dijawab bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Tuan Lee Lam Thye pada 10-10-1988 yang lalu oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Oleh itu tiada sebarang jawapan tambahan yang akan dibuat bagi soalan tersebut.

#### **DADAH—HUKUMAN MATI WARGANEGARA ASING**

35. **Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri memberikan butir-butir mengenai orang-orang asing yang dihukum mati kerana mengedar dadah setakat ini dan bilangan mereka yang telah digantung serta bilangan mereka yang dihukum mati telah diampun.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga bulan Julai 1988 seramai 46 orang warganegara asing telah dijatuhkan hukuman mati kerana kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Dari jumlah tersebut seramai 14 orang telah pun menjalani hukuman gantung sampai mati, seorang telah berjaya dalam rayuan di mana hukuman matinya telah diringankan kepada penjara seumur hidup, manakala 31 orang lagi sedang menunggu rayuan.

## USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

### KEMATIAN AKIBAT RACUN SALICYLATE

3.37 *ptg.*

**Tuan Ngoi Thiam Woh (Kampar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) untuk mencadangkan bahawa Dewan ini ditangguhkan bagi membincangkan satu perkara tertentu bagi kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu berlakunya satu malapetaka di Lembah Kinta, termasuklah kawasan saya Kampar di negeri Perak. Sehingga hari ini, menurut satu laporan Kementerian Kesihatan sebanyak 12 nyawa kanak-kanak telah terkorban dalam malapetaka ini dan nampaknya peristiwa ini makin bertambah buruk dan usul saya adalah berbunyi:

"Bahawa Dewan yang mulia ini mengizinkan Ahli Parlimen Kawasan Kampar, untuk menangguhkan Dewan ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) bagi membincangkan satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan

yakni satu malapetaka yang amat serius tercetus sejak lebih kurang 14 hari iaitu sejak 14hb Oktober lalu di Telok Intan dan kemudiannya telah merebak ke kawasan Parlimen saya iaitu Kampar yang mana setakat ini telah mengorbankan 12 nyawa kanak-kanak. Di peringkat permulaan malapetaka ini, pihak Kementerian Kesihatan mengesyaki punca kematian adalah dari keracunan salicylate. Dan pada masa awal tercetusnya peristiwa ini di kawasan Telok Intan, Kementerian Kesihatan di bawah Menteri Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun tidak mengambil berat terhadap malapetaka itu."  
(*Tepuk*)

Pihak DAP telah membangkitkan tragedi ini di Dewan yang mulia ini pada 19hb Oktober akan tetapi pihak Kementerian Kesihatan hanya menubuhkan sebuah pasukan petugas khas selepas 7 nyawa terkorban. Inilah kecuaiannya yang dilakukan oleh Menteri Kesihatan (*Tepuk*) tetapi beberapa hari kemudiannya alasan keracunan salicylate ini telah pun diketepikan dan sehingga hari ini punca sebenar masih belum dapat dikesan. Sehingga hari ini pihak berkuasa hanya dapat menggulungkan punca kematian ini kepada dua kemungkinan iaitu keracunan kimia dan mikrobiologi.

Nampaknya pihak berkuasa juga belum pasti apakah punca kematian kanak-kanak ini. Yang anihnya peristiwa kematian ini hanya melibatkan kanak-kanak sahaja. Apabila kanak-kanak yang mengalami tanda-tanda penyakit ini dimasukkan ke hospital, pihak hospital tidak dapat berbuat apa-apa hanya cuma meletakkan pesakit kanak-kanak ini di bawah perhatian sahaja.

Bahawa orangramai berasa amat bimbang akan tragedi ini kerana pada masa ini tiada seorang pun boleh

memastikan bila trajedi ini boleh berakhir dan mungkinkah anak-anak mereka akan turut menjadi mangsa.

Trajedi ini bukan sahaja tertumpu di suatu kawasan sahaja malah ianya telah merebak dengan begitu pesat sekali di beberapa kawasan di Lembah Kinta, sehingga ibubapa-ibubapa di Lemah Kinta telah berasa begitu cemas sekali sehingga ke tahap tidak membenarkan anak-anak mereka hadir ke sekotah dan menyekat anak-anak mereka mengambil makanan daripada luar rumah. Kekuatiran ini telah dirasai di seluruh negara.

Bahawa trajedi ini juga menimbulkan satu kesan yang buruk terhadap peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja bahan makanan sehingga pencarian nafkah mereka teyah terjejas dengan begitu teruk sekali akibat dari pemuluan orangramai ke atas barang-barang makanan pengeluaran mereka. Satu perasaan takut yang tidak menentu telah tercetus dengan begitu berleluasa sekali di kalangan orang awam. Walaupun satu pasukan petugas khas telah ditubuhkan oleh pihak Kementerian Kesihatan, tetapi sehingga ke hari ini punca keracunan ini masih belum dikenal pasti dan hasil siasatan yang dijalankan adalah sungguh kabur sekali. Ini telah membuat kepercayaan orangramai menjadi sangsi akan keberkesanan pihak Kementerian Kesihatan.

Inilah sebab-sebabnya mengapa saya memohon supaya Dewan ini ditangguhkan untuk membenarkan usul ini dibahaskan kerana ia adalah satu perkara yang begitu penting dan perlu disegerakan. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. pagi ini saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 dari

Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kampar. Tek Usul yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti yang dibacanya sebentar tadi.

Saya telah meneliti perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan saya berpuas hati bahawa ia menepati tiga syarat yang diperlukan dalam Peraturan Mesyuarat untuk membolehkan ia dibincangkan pada hari ini. Ketiga-tiga syarat yang dipenuhi itu ialah:

- (i) la satu perkara yang tertentu;
- (ii) la merupakan satu perkara bagi kepentingan orangramai;
- (iii) la berkehendak disegerakan.

Oleh kerana itu jika tidak ada sesiapa Ahli Yang Berhormat membantah atau membangkang supaya dibahaskan hari ini mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (3) (a) maka Usul ini akan ditimbang pada pukul 5.30 petang ini. Saya akan membenarkan tidak lebih daripada 30 minit bagi pihak pencadang berucap dan tidak lebih daripada 30 minit bagi pihak Kerajaan menjawab (*Tepuk*).

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967; Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan untuk memansuhkan Akta Cukai Pemindahan Syer Syarikat Berasas Tanah 1984; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1989

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1989 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$7,878,873,740 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1989, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan. 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 Tahun 1988, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (25hb Oktober, 1988).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, sila sambung.

3.47ptg.

**Tuan Zubir bin Embong (Kuala Terengganu):** Terima kasih, Tuan Yang. , di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Sebelum saya menyambung ucapan saya semalam, saya mengucapkan selamat datang kepada Yang Berhormat dari Johor Bahru walaupun beliau tidak ada dalam Dewan sekarang. Cara dia melangkah masuk seperti seorang seldadu yang letih, yang kalah dalam peperangan tetapi menang dalam pertempuran. Kalah dalam peperangan kerana dia terpaksa mengorbankan prinsipnya, Tuan Yang di-Pertua. Dari awalnya dia telah mengatakan dia tidak mahu mengangkat sumpah. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sila teruskan ucapan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Ya, terima kasih. Dan dia menang dalam pertempuran kerana dia menang dalam pilihanraya kecil Johor Baharu.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menyebut tentang Islam sesuai dengan kedudukannya sebagai agama rasmi di negara ini mengikut Perkara 3 Perlembagaan Malaysia.

Malangnya Islam itu telah pun di salah fahamkan, di salah mengertikan oleh beberapa golongan sama ada orang-orang bukan Melayu ataupun orang-orang bukan Islam. Mungkin fahaman mereka terhadap Islam diperolehi daripada pembacaan yang telah diterangkan oleh orang-orang bukan Islam sama ada ianya golongan orientalis ataupun golongan yang memusuhi Islam. Sebab itu saya lihat apabila saya membaca sebuah buku yang ditulis oleh Yang Berhormat dari Tanjong "The Crisis of Identity" ada menyebutkan tentang proses Islamisasi dan Islam itu sendiri. Dia melahirkan rasa bimbang dan takut. Dengan perkembangan pesat Islam di negara ini dia menganggapkan itu sebagai suatu ancaman kepada kebebasan agama yang telah diperuntukkan di dalam Perlembagaan.

Amat malang bagi Islam yang tidak pernah diberikan peluang untuk membela diri. Umumnya natural justice tidak pernah ada pada Islam. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong yang telah mengakui kepada saya semalam bahawa dia telah pun membaca sebuah buku yang disyorkan oleh saya iaitu "Islam Misunderstood religion" dan beliau mengakui bahawa beliau faham apa yang beliau baca. Saya mengharapkan daripada sikap fahaman beliau itu supaya apabila sahaja proses ataupun program Islamisasi yang hendak ditaksanankan di negara ini untuk faedah semua rakyat jelata hendaklah disokong dan suara-suara sumbang seperti yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu tidak perlu lagi diutarakan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan supaya Yang Berhormat menjelaskan iaitu menurut ajaran Islam yang telah pun termaktub di dalam buku Allahyarham Sheikh Khutub yang telah disebutkan tadi itu, adakah beliau sedar bahawa sekiranya seorang Yang Berhormat yang tidak ada di sini, tidak manislah kita membangkitkan nama dia kerana dia tidak dapat membela diri. Itu adalah ajaran Islam.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya bangkitkan ini pun mengikut ajaran Islam juga kerana dia telah menulis sebuah buku yang mendapat publication secara meluas. Buku itu tersebar dan dibaca bukan sahaja oleh saya bahkan juga oleh orang-orang lain sama ada bukan Islam atau Islam. Kerana itu merupakan ucapan di Dewan Rakyat itu maka berhak saya membuat jawapan walaupun beliau tidak ada di sini sebab beliau telah pun membuat ucapan itu. Sekurang-kurangnya apa yang saya sebutkan di sini sebagai jawapan kepada apa yang

telah diucapkannya dan tidak lebih daripada itu. Bukan ertinya apabila saya berucap begini, ertinya saya menghantam, mengecam, memerli, menghiris perasaan. Saya cuba menerangkan apakah itu Islam semoga pandangan yang ada pada Yang Berhormat dari Tanjong itu tidak diikuti oleh lain-lain ahli pembangkang yang terdiri daripada satu parti iaitu DAP, termasuk juga Yang Berhormat dari Kepong. Tetapi saya percaya dia tidak lagi mempunyai pandangan yang prajudis terhadap Islam kerana telah membaca "Islam, the misunderstood religion" dan saya ingin membetulkan beliau bahawa Sheikh Mohamad Khutub itu belum mati, sebab itu tidak perlu dipanggil Allahyarham.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan umat Islam sendiri pun adalah merupakan satu sebab kenapa Islam itu tidak dapat difahami oleh orang-orang bukan Islam. Sama ada kita mahu mengakui atau tidak mahu mengakui, dalam masa keghairahan umat Islam mahu menghayati Islam, mereka cuba menghayati mengikut sepenuhnya yang diajar oleh Islam, tetapi malangnya mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang Islam. Islam mungkin diwariskan kepada mereka tetapi hanya satu perwarisan sahaja, tidak diisi perwarisan itu dengan ilmu dan pengetahuan mengenai Islam. Sebab itulah akibat kejahilan daripada umat Islam sendiri terhadap Islam, timbul beberapa golongan sama ada golongan politik ataupun tidak golongan politik yang mengambil peluang mempengaruhi, menyesatkan umat Islam.

Kalau kita lihat dalam bidang politik, satu parti yang sangat-sangat mempengaruhi umat Islam, menyesatkan umat Islam di negara ini ialah Parti PAS. Parti PAS adalah satu parti yang mengambil Islam sebagai ideologi, tetapi dari segi amalannya tidak sedikitpun berlandaskan kepada

Islam. Mereka menyeru kepada perpaduan Islam, mereka mengatakan Islam itu syumul, baik, rahmatullialamin—rahmat kepada sekalian atom, tetapi perlakuan mereka bertentangan dengan apa yang mereka ucapkan, bertentangan dengan apa yang diajarkan oleh Islam.

Di negeri Terengganu, untuk pengetahuan Dewan ini, seorang anak yang mempunyai pandangan yang terpengaruh dengan ajaran PAS apabila pulang ke rumah sudah berani mengherdik bapanya, mengherdiknya ibunya yang tidak menyetujui tentang pandangan politik mengikut pandangan anak. Kalau dahulunya bersaudara sekarang mereka dengan mudah mengatakan tidak lagi bersaudara semata-mata kerana berlainan pandangan politik. Kalau dahulu mereka menghormati guru sekarang tidak lagi mahu menghormati guru kerana berbeza pandangan politik. Apakah ini sebenarnya ajaran Islam?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bangun.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka minta penjelasan daripada. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia sudah duduk.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** . . . wakil dari Kuala Terengganu itu. Pertamanya, saya ingin tahu kalau Yang Berhormat dapat mengakui kebaikan Islam dan Yang Berhormat yakin Islam itu baik mengapakah Yang Berhormat tidak sanggup menjadikan dasar negara dan mengapa lagi masih berpegang dengan dasar pragmatis atau nasionalis dan sebagainya?

Kedua, Yang Berhormat bercerita panjang dari kelmarin lagi sampai menyentuh diri saya sendiri. Yang Berhormat hendak menjelaskan kebaikan Islamkah ataupun Yang Berhormat hendak menceritakan sifat penganut-penganut Islam?

Yang ketiga, Islam mana yang diakui baik? Islam dari Qurankah atau Islam yang diamalkan oleh UMNO ataupun Kerajaan Barisan Nasional. Saya minta beri penjelasan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya jawab persoalan Islam mana yang baik. Islam yang baik itu ialah Islam yang diajar oleh Allah s.w.t. menerusi Rasulnya Muhammad s.a.w. itulah Islam yang baik. Maka seseorang yang mengakui dan menerima ajaran itu sepatutnya memberitahu sama ada ajaran itu bertentangan dengan kepentingan golongannya atau tidak bertentangan. Ia harus ikhlas, kerana itu sifat Rasulullah s.a.-w.-sidik, amanah, tabligh dan fathonah. Tetapi PAS nampaknya menyampaikan yang kelihatan menguntungkan dia tetapi menyembunyikan ajaran Islam yang kelihatan bertentangan dengan kepentingan dia.

Apakah ini sebenarnya ajaran Islam? Ia bukanlah satu ajaran Islam yang baik, sebab itulah timbulnya perpecahan di kalangan umat Islam sekarang, tidak ada lagi sifat menghormati ibubapa akibat daripada ajaran PAS. Dan lebih dahsyat daripada itu, sebagaimana yang telah saya sebutkan semalam, kalau tidak menyokong PAS tidak sempurna Islam, kalau tidak menyokong PAS tidak sempurna keimanan. Ini yang dinyatakan oleh pemimpin-pemimpin PAS.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato' Haji Dasuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kuala Terengganu. Kalau boleh beliau membezakan kepada kita di antara ajaran Islam dengan ajaran PAS, apa beza di antara dua perkara yang berkenaan?

**Tuan Zubir bin Embong:** Ianya terlalu jauh bezanya. Mungkin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen lebih mengetahui daripada saya. Perkara ini jelas. Dahulunya perpecahan di kalangan umat Islam di kampung-kampung tidak pernah berlaku tetapi semenjak PAS mengeksploitasi isu tersebut, sudah berlaku perpecahan. Kalau dahulunya gotong-royong, jiran tetangga, semangat persaudaraan kuat, kemas di kalangan umat Islam terutama di kampung-kampung tetapi sekarang apa yang berlaku? Pemimpin-pemimpin PAS terlalu sukacita melihat perkara ini berlaku. Apakah ini dikatakan orang yang mahu menegakkan Islam di atas muka bumi ini? Perangai mereka, perangai di kalangan pengikut-pengikut PAS pun kalau kita hendak mengambil ukuran Islam, tidak layak menjadi pengikut Islam tetapi PAS boleh menerima mereka sebagai pengikut mereka yang kononnya mahu memperjuangkan Islam. Kecenderungan di kalangan pemimpin-pemimpin PAS menjawab soalan yang kedua. ....

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan?

**Tuan Zubir bin Embong:** Baiklah.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Terima kasih. Saya tidak faham apa yang disampaikan oleh wakil dari Kuala Terengganu ini sebab dia hendak menjelaskan kedudukan Islam yang sebenarnya tetapi dia

berhujahkan manusia dan dia melibatkan PAS mempolitikkan Islam. Apakah dia tidak baca satu ayat, "wajahid. . . .Ibrahim." Saya rasa kalau dia faham ayat ini, dia tidak boleh membuat tuduhan sebab kita orang Islam bertanggungjawab memperjuangkan Islam itu sendiri. Kita tidak boleh memperalatkan Islam seperti UMNO. UMNO ini berdasarkan kebangsaan tetapi dia menggunakan Islam, dia baca ayat, dia baca hadis, sedangkan dia tidak kena mengena dengan ayat, tidak kena mengena dengan hadis.

Yang kedua, saya hendak minta penjelasan dan saya terima kasihlah keberanian Yang Berhormat membangkitkan masalah Islam dalam Dewan ini, tetapi saya bimbang takut Yang Berhormat itu tidak faham hukum syarak yang lima sebab kalau Yang Berhormat itu faham hukum syarak apakah hidup kita 24 jam ini akan terpisah dengan haram, halal, harus, makruh, sunnat dan Yang Berhormat boleh mengakukah Islam dapat dipisah dengan politik? Bolehkah Islam dapat dipisah dengan politik? Kalau sekiranya tak boleh Islam dipisah dengan politik bagaimanakah cara penganut hendak praktikkan Islam itu?

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Bagaimana cara penganut hendak praktikkan Islamnya kalau Islam tak boleh pisah dengan politik? Apakah Yang Berhormat hendak pergi ceramah dalam satu majlis, Yang Berhormat tinggalkan Islam di rumah. Kalau Yang Berhormat itu mati di tempat ceramah itu, Yang Berhormat boleh .....

(Timbalan Yang di-Pertua (**Tuan D.P.Vijandran**)): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, soal mempolitikkan

Islam atau tidak, tidak pernah menjadi niat UMNO tetapi yang mempolitikkan Islam ialah parti PAS.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya minta dia beri penjelasan ayat: "wajjahidu billahi haqqa". Siapa dia "jahidu" itu (*Ketawa*). Inilah patut 30 tahun UMNO berkawan dengan MIC, MIC boleh faham (*Tepuk*), tetapi 30 tahun MIC tak boleh faham Islam, Islamisasi apa? Dia menganiayakan sahabat dia sendiri.

**(Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, biar dia. Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui bahawa Islam itu ialah satu cara hidup yang sempurna. Maka apabila saya menyebut cara hidup yang sempurna dia juga termasuk politik, dia juga termasuk ekonomi, dia juga termasuk sosial, dia juga termasuk budaya, dia juga termasuk intelektual. Tetapi PAS lakukan hari ini, dia menekankan soal politik dan melupakan soal lain. Apakah ini menggambarkan bahawa Islam itu "way of life"? Sepatutnya kalau kita menekankan bahawa Islam itu ada kaitannya dengan pplitik, dalam masa yang sama kita juga mesti menekankan tentang kepentingan ekonomt, kepentingan budaya, kepentingan bahasa, kepentingan intelektual barulah menampakkan sifat saksama kita terhadap Islam. Dan kita tahu bahawa ia menekankan soal itu kerana soal-soal lain tidak memberi keuntungan kepada parti PAS.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa minta jalan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya hendak minta Yang Berhormat ini hendak bahas Islam sungguhkah atau kerana memper-topengkan Islam. Kalau hendak mempertopengkan Islam, duduklah, Yang Berhormat tak ada degree untuk memperbahaskan Islam,

**Tuan Zubir bin Embong:** Inilah sifat takbur, Tuan Yang di-Pertua. Sifat takbur yang ditunjukkan oleh seorang pemimpin PAS (*Tepuk*), Apakah kerana saya tidak bersongkok maka saya dianggap tidak layak untuk membicarakan Islam? (*Tepuk*). Apakah kerana saya tidak mempunyai degree dalam bidang undang-undang maka saya tidak layak membicarakan Islam? Bukankah Islam itu agama saya, anutan saya, kepercayaan saya? Saya yakin dengan Islam kerana saya mempunyai pengetahuan mengenai Islam, tetapi saya belum tentu tahu sama ada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa yakin dengan Islam sememangnya kerana dia mempunyai pengetahuan mengenai Islam.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soal Islam bukan soal kepercayaan — soal kebenaran. Soal kepercayaan semua ada keyakinan, komunis ada keyakinan—soal kebenaran. Berhentilah, tak usah bercakaplah. (*Ketawa*)

**Tuan Zubir bin Embong:** Mungkin kerana saya seorang anak muda, dia seorang anak tua (*Ketawa*), sebab itu dia boleh menunjuk dan menyuruh saya duduk. Sikap yang seperti ini tidak layak untuk kita berdepan dan berbicara soal Islam. Soal Islam tidak ada muda dan tidak ada tua, sebab itu Sayyidina Abu Bakar menghormati orang yang mengajarnya walaupun satu huruf dan saya kira perkara ni tidak ada dalam ingatan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sila.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada tidak ada pemahaman terhadap Islam di kalangan umat Islam, maka timbullah golongan-golongan yang cuba mengeksploitasi kejahilan umatnya. Beberapa orang cendekiawan Islam, ahli falsafah Islam seperti Almarhum Abu Al-Maududi, seperti Almarhum Dr. Ali Shariati, dari negara kita seperti Professor Dr Syed Najib Al-Attas. Melihat kejahilan umat ini merupakan satu perkara yang malang di kalangan umat Islam. Sebab itu Almarhum Abu Al-Maududi pernah berkata dalam bukunya "Dasar-dasar Islam", beliau berkata, seorang tak dapat menjadi seorang muslim tanpa memiliki pengetahuan kerana Islam tidak diperolehi kerana faktor keturunan tetapi kerana pengetahuan. Ini jelas menunjukkan bahawa pengetahuan itu merupakan satu perkara yang penting dan mustahak bagi umat Islam di negara ini. Akibat daripada kejahilan ini akan muncul beberapa orang dan golongan yang mahu menjadi pemimpin kepada umat Islam, mengeksploitasi kejahilan mereka sebagaimana yang dikatakan oleh Professor Dr Syed Najib Al-Attas dalam bukunya "The Concept of Education in Islam", kata beliau:

"Confusion and error in knowledge of Islam and the Islamic vision of reality and truth create the condition which enables the false leaders in all spheres of life to emerge and thrive, causing the condition of injustice".

Sekarang adalah menjadi tanggungjawab sama ada golongan individu atau golongan pertubuhan pertubuhan ataupun pihak Kerajaan untuk membangkitkan kesedaran di kalangan umat Islam supaya memiliki pengetahuan dan mencari pengetahuan mengenai Islam. Seharusnya

perkara ini lebih disedari oleh persatuan-persatuan ulama, golongan-golongan ulama sama ada utama itu berada dalam parti PAS ataupun ulama itu yang meduduki dalam pemerintahan Kerajaan ataupun secara persendirian. Apa yang sedang berlaku kepada umat Islam sekarang ini ialah kerana kejahilan ummah dan kelesuan ulama.

Perkara yang disebut oleh Istiaq Hussein Ouraisy dalam bukunya "The Position of the Ulama in the Muslim Society", dia menerangkan tentang kedudukan ulama, keadaan ulama Islam sekarang ini. Dia mengata:

"The impact of the West could have acted as a catalyst if the Muslim intellectual circles have been wide awake and not dormant. As a matter of fact, the tendency to ignore Western learning was as much the result of intellectual lethargy as false pride, for when individual and society decide that they know enough, they start on the path of decay. The attitude of the Muslim scholars of those days resulted in the then existing educational institutions to go on with their own methods and static learning without taking any cognizance of the new addition, the human knowledge. Hence, instead of participating in the intellectual development of the world, they became the museum pieces peddling knowledge that ceased to be of any use in the affairs of the world".

Inilah yang berlaku kepada golongan ulama sekarang. Maka saya mengharapkan seperti Pusat Islam memikirkan perkara ini kerana kalau kita mahu mengharapkan golongan parti PAS memikirkan soal ini mereka tidak akan berfikir sebab ini tidak memberi kepentingan serta keuntungan kepada parti mereka. Maka Pusat Islam haruslah memainkan peranan untuk

menyedarkan masyarakat, mengambil tugas ulama yang lesu kerana kejahilan umat Islam juga akan turut sama memberi kesan keadaan kestabilan politik di negara ini yang saya katakan tadi ialah kerana ianya kejahilan mereka dieksploitasi oleh golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab seperti parti PAS.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya minta penjelasan sekali lagi. Yang Berhormat membangkitkan kejahilan umat ataupun kejahilan rakyat. Saya ingin tahu mana lebih besar kejahilan rakyat dengan kejahilan pemerintah dan mana lebih raya kemungkaran pemerintah dari kemungkaran rakyat. Apakah Yang Berhormat tahu "mas darul fasaq" punca penyelewengan, punca kekacauan, punca penipuan, dari rakyatkah atau dari pemerintah? Tolong Yang Berhormat jelas "mas darul fasiq" di mana?

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya tidak perlu menjawab, Tuan Yang di-Pertua, tadi dia telah menyatakan bahawa saya tidak layak membicarakan soal Islam, kenapa sekarang dia meminta saya menjelaskan soal ini kepada beliau, bukan kepada saya sepatutnya, sebab dia telah meletakkan hukum kepada saya, mengatakan saya tidak layak membicarakan soal Islam kerana menganggap saya tidak mempunyai pengetahuan mengenai Islam.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, manakah tebih besar kejahilan PAS atau kejahilan rakyat, kemudian kita lihat punca pecah belah

masyarakat, dua imam, nikah lagi sekali, tidak bertegur sapa, tanah kubur berasing-asingan, orang makan Jsi kambing, dia makan kuah kambing sahaja. Adakah ini daripada PAS kah ataupun daripada rakyat? Saya tidak berapa faham ini.

**Tuan Zubir bin Embong:** Semuanya ini disebabkan oleh pemimpin-pemimpin PAS. Kalau pemimpin-pemimpin PAS tidak lakukan demikian, rakyat di bawah tidak akan turut mengamalkan apa yang dikatakan,

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada soal yang kedua iaitu mengenai hubungan di antara golongan orang-orang Islam dengan orang-orang bukan Islam di negara ini, Saya telah terbaca pada 12hb Oktober, satu soalan dari Yang Berhormat Kota Belud, soalan nombor 19, saya tidak perlu baca dengan panjang kerana soalnya panjang, tetapi gist, dengan izin, soalan ini ialah mahu minta Kerajaan membenarkan supaya kitab Injil. Bible dalam bahasa Inggeris itu dapat diterjemahkan dalam bahasa Melayu, perkataan God itu kepada Allah, perkataan Jesus Christ itu kepada Rasul. Ini yang diminta dalam soalan ini dan pertanyaan kenapa Kerajaan tidak membenarkan terjemahan itu dibuat.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa soalan yang seperti ini adalah satu soalan yang sensitif, ianya menghiriskan perasaan umat Islam. Di dalam keadaan Kerajaan ghairah melancarkan kempen supaya menggunakan Bahasa Malaysia, beliau cuba menggunakan kesempatan itu. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat ini bertanya kerana dia mempunyai perasaan ikhlas hendak tahu ataupun tidak. Apakah dia menjadi alat kepada satu golongan yang lain yang mahu mencetuskan

keadaan tidak aman perhubungan kaum, perhubungan agama di negara ini.

Sebab itu saya bertanya kepada beliau, adakah beliau faham tradisi intelektual Kristian, ajaran Kristian yang mahu menterjemahkan perkataan God itu kepada Allah dan apakah beliau faham dengan ajaran Islam, tradisi pemikiran Islam, sejarah Islam, layakkah untuk diterjemahkan God yang difaham dalam ajaran Kristian sama dengan Allah yang diajar oleh Islam. Sebab itu saya ingin menasihatkan beliau supaya membaca sebuah buku yang dikarang oleh Dr W. Graham Koji daripada Modi Bible Institute of Chicago yang bertajuk "Is the Bible the word of God"—nama buku itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa perkara ini satu perkara sensitif, lebih baiklah kalau begitu kita tidak sentuh perkara ini.

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya terpaksa menjawab, kerana ini ditulis dan ini akan dilihat dan dibaca oleh beberapa generasi Islam. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Apa Yang Berhormat telah kata, sudahlah. Sekarang pergilah ke point yang lain.

**Tuan Zubir bin Embong:** Izinkan saya sentuh sedikit lagi mengenai perkara ini.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Minta penjelasan?

**Tuan Lubat Wan:** Saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat tadi. Oleh kerana di dalam Dewan ini saya ini bukan orang Islam, saya orang Kristian, saya percaya

dalam al-Kitab yang dibangkit-bangkit itu, saya tahu dia seorang lawyer, adakah tidak Yang Berhormat itu sedar bahawa freedom of religion dalam Malaysia ini sudah terjamin di dalam Perlembagaan. Perkara ini perkara sensitif Tuan Yang di-Pertua, saya minta pertimbangan dan jasa baik Yang Berhormat jangan menyentuh perkara ini terlampau sangat (*Tepuk*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, saya bersetuju—jangan sentuh.

**Tuan Zubir bin Embong:** Biar saya menjelaskan supaya tidak timbul salah faham.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak payah, Yang Berhormat.

**Tuan Zubir bin Embong:** Biar saya menjelaskan perkara menjelaskan perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan O. P. Vijandran):** Tidak payah, pergi ke point lain.

**Tuan Zubir bin Embong:** Baik Tuan Yang di-Pertua, saya ikut perintah. (*Disampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat yang lain diam! Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Zubir bin Embong:** Seorang yang pengecut dia tidak akan. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, temskan. Saya sudah buat ruling.

**Tuan Zubir bin Embong:** Kalau dia berani, dia bangun.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, teruskan ucapan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya telah

menjelaskan beberapa perkara mengenai dengan pembinaan negara kita seperti soal bahasa, soal kebudayaan kebangsaan, soal peruntukan dalam Perlembagaan mengenai human rights dan sebagainya dan sudah nampak jetas kepada kita sekarang ini seperti ada kekurangan pemahaman sama ada di kalangan ahli politik dan lebih-lebih lagi di kalangan rakyat jelata. Di negara kita kebangkitan intelektual boleh dikatakan terlalu kurang membicarakan soal-soal perkara ini. Sebab itu kadangkala kita tidak boleh membicara satu perkara dengan kepala yang dingin, dengan hati yang sabar dan menerima realiti yang ada di negara kita ini dengan tenang. Semuanya berbicara mengikut kepentingan kaum masing-masing ataupun mengikut kepentingan politik masing-masing, tidak sedikitpun mahu menimbang keadaan dan hakikat yang ada di hadapan mata kita.

Perkara ini tidak dapat ditolong oleh orang lain kecuali golongan intelektual itu bangkit dan menerangkan perkara ini, kerana bagi saya golongan intelektual itu ialah golongan yang tidak mempunyai kepentingan, yang tidak mempunyai prejudice perkauman, sama ada ianya tinggal di Amerika ataupun tinggal di negara Jepun ataupun tinggal di Korea dan di mana-mana sahaja. Tetapi malangnya pandangan-pandangan mereka yang ditulis oleh golongan-golongan ini tidak dibaca, kalau pun dibaca tidak difikir, tidak diambil pengiktibaran, maka sebab itulah kita melihat dalam Dewan ini pun timbul semacam satu ketegangan perhubungan.

Saya beri contoh, Tuan Yang di-Pertua, ketika saya membangkitkan isu Kebudayaan Nasional pada tahun lepas, kita membahaskan Ucapan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya lihat orang-orang yang bangun

yang terdiri daripada wakil-wakil rakyat yang bukan Melayu bertanya kepada saya dengan penuh marah menyatakan saya membangkitkan soal isu perkauman, membangkitkan isu yang sensitif, tetapi tidak seorang pun di kalangan mereka cuba mematahkan hujah yang saya beri dengan secara betul berdasarkan kepada fakta-fakta sejarah, berdasarkan kepada fakta-fakta ilmu, tetapi semuanya dibahaskan dalam bentuk yang emosi yang terburu-buru, mengikut nafsu marah semata-mata, terutama dari golongan DAP dengan suara yang sorak sorai. Ini tidak menggambarkan sedikitpun masalah yang serius ini dibincangkan dengan secara yang terperinci.

Saya cuba membangkitkan isu ini untuk melihat bagaimana pandangan-pandangan dari Yang Berhormat-Yang Berhormat lain, terutama dari bukan Melayu, terutama dari parti pembangkang yang setama ini menyatakan bahawa mereka akan bekerjasama demi untuk kepentingan negara, kerana soal Kebudayaan Nasional ini merupakan soat negara, ia juga akan mewujudkan perpaduan di kalangan kita, tetapi kalau sudah ada di kalangan mereka dengan idea berbagai budaya yang tidak mempunyai asas pembinaannya di negara ini, tetapi masih lagi dipertahankan, jadi bagaimana kita mahu mencapai perpaduan di kalangan rakyat. Sedangkan di kalangan pemimpin-pemimpin pun, di kalangan kita wakil rakyat dalam Dewan yang mulia ini pun belum lagi mencapai satu kata sepakat, maka dengan sebab itu tidak ada orang lain yang dapat menolong kita. Pandangan daripada golongan intelektual yang boleh sedikit menolong kita, memahami keadaan yang sebenar, tetapi saya tidak tahu sama ada mereka benar-benar berhasrat untuk mewujudkan perpaduan di negara ini atau tidak terpulangnya kepada

mereka. Tetapi ingin saya tegaskan di sini bahawa perpaduan di negara kita ini tidak mungkin dapat diwujudkan kalau sikap yang sedemikian masih lagi terus-menerus. Misalnya, soal bahasa. Mengikut seorang Ahli Sosiologi berkata wujudnya perpaduan itu disebabkan oleh 4 faktor:

- (i) Faktor sejarah yang sama.
- (ii) Faktor bahasa.
- (iii) Faktor agama.
- (iv) Faktor kaum.

Di negara kita sejarah yang sama belum lagi dilalui oleh generasi yang ada sekarang. Golongan Melayu dengan pengalaman sejarahnya yang berbeza daripada golongan Cina, yang juga berbeza dengan golongan India. Ini pengalaman sejarah, kita belum mempunyai citarasa sejarah yang sama.

Yang kedua, agama. Umumnya orang Melayu dianggap sebagai beragama Islam dan orang-orang bukan Melayu tidak dianggap sebagai beragama Islam.

Yang ketiga, kaum. Di negara kita ada tiga kaum yang besar, keturunannya berbeza—India, Melayu, Cina.

Yang keempat, kita cuma ada bahasa yang tidak akan mengorbankan keturunan, yang tidak akan mengorbankan agama.

Inilah dia faktor yang boleh menyatupadukan seluruh rakyat di negara kita tetapi biarlah ada keikhlasan. Tetapi saya tidak tahu sejauh mana ianya diakui dan diterima oleh orang-orang bukan Melayu terhadap penggunaan Bahasa Malaysia.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kepong minta penjelasan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Adakah Yang Berhormat dari Kuata Terengganu sedar bahawa dalam Dewan yang mulia ini kita pun semua menerima, mengakui dan menggunakan Bahasa Malaysia dan cuba menggunakan dalam bahasa baku dengan lebih sempurna, adakah dia sedar? Adakah dia sedar dari segi perpaduan dan sebagainya, mengikut kitab-kitab suci, seseorang itu yang hendakkan perpaduan hendaklah bersikap peramah, toleransi dan tidak ada sifat-sifat yang begitu angkuh?

**Tuan Zubir bin Embong:** Jadi, bahasa itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah merupakan faktor yang terbesar untuk menyatupadukan seluruh rakyat di negara kita. Tidak bererti kalau kita mengatakan kita sokong, kita terima tetapi amalannya tidak ada. Saya pernah terdengar di kalangan rakan saya di kalangan DAP, kalau dia bercakap dengan sesama bangsa dia bercakap Cina, tidak apalah. Bila bercakap dengan India, dia tidak bercakap Melayu, tetapi bercakap Inggeris. Sepatutnya untuk promote, mewujudkan persefahaman yang baik di kalangan kita, cakaplah Bahasa Malaysia tetapi dia masih bangga dengan bahasa Inggeris.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kepong minta penjelasan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang boleh dikatakan sensitif. Ramai daripada DAP dan kalangan bukan Melayu hendak bertutur Bahasa Malaysia dengan orang-orang keturunan Melayu tetapi ada setengah-setengah orang Melayu pun tidak mahu berbahasa Malaysia dengan orang-orang bukan Melayu. Adakah dia faham hakikat ini? Adakah sedar dan insaf ini amalan biasa, tabiat biasa.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, daripada tabiat itulah akan menjadi kelakuan. Bila menjadi kelakuan, susah diubah. Kalau kita hendak bawa orang-orang ini ke sekolah, dia sudah dewasa. Kelakuan kanak-kanak sahaja yang boleh diubah, sebab itu mereka perlu pergi ke sekolah. Jadi, biarlah tabiat itu kita kikis daripada sekarang sebelum tabiat itu menjadi kelakuan. Saya kira Yang Berhormat dari Kepong faham apa yang saya maksudkan.

Saya suka merakamkan ucapan terima kasih dan syabas saya kepada Yang Amat Arif Pemangku Ketua Hakim Negara yang telah pun mengeluarkan circular, arahan bertulis. ....

**Tuan Hu Sepang (Rasah):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Rasah, point of order, is it?

**Tuan Hu Sepang:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, point of order 35 (7) ada menyebut: "Tuan Yang di-Pertua atau Pengerusi boleh menghadkan masa bagi Ahli-ahli berucap". dan saya sudah check *Hansard* Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu telah mulai ucapannya pada pukul 5.04 petang semalam dan beliau sambung pada hari ini pun selama 45 minit. Nampaknya dia punya yang terpanjang sekali dalatn Dewan yang mulia ini, lebih panjang dari Bukit Bintang.

**Seorang Ahli:** Ucapannya! (*Ketawa*)

**Tuan Hu Sepang:** Saya sebut ucapan (*Ketawa*), ucapan ini tidak ada isi, sebab itu saya minta Tuan Yang di-Pertua menggunakan Peraturan Mesyuarat 35 (7) ini sebab ada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat pun berhasrat untuk berucap termasuk saya sendiri. (*Ketawa*) Sila buat satu ruling. Walaupun saya bersikap

toleransi tetapi ini adalah keterlaluan, terlampau, (*Ketawa*) tidak boleh tahan lagilah, terlalu panjang! (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, saya telah ambil komen-komen itu dalam perhatian. Teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya suka merakamkan ucapan syabas dan terima kasih saya kepada Yang Amat Arif Pemangku Ketua Hakim Negara yang telah pun mengeluarkan arahan bertulis kepada mahkamah-mahkamah supaya melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia di dalam perbicaraan di mahkamah. Ini satu perkembangan yang baik dan harus diterima oleh semua pihak dengan dada yang terbuka dan sukacita. Saya juga diberitahu, mendapat maklumat bahawa sekarang ini baru nampak Persatuan-persatuan Peguam di peringkat negeri-negeri yang bersungguh-sungguh mengadakan kursus secara intensif bagi Bahasa Malaysia. Perkembangan yang baik ini juga haruslah dipupuk dengan tebih baik lagi dan saya suka mengesyorkan supaya hendaklah ditubuhkan suatu badan pengawas. Saya bimbang keghairahan ini hanya untuk sementara sahaja dan mungkin pada waktu yang berlanjutan apabila terdapat kesukaran untuk berhujah di mahkamah, mereka akan menukar pula kepada bahasa Inggeris.

Satu perkara yang perlu diubah, Tuan Yang di-Pertua, ialah Rules of the Subordinate Courts, 1980 dan Rules of the High Court, 1980. Di dalam kedua-dua Rules of the High Court dan Rules of the Subordinate Courts ini terkandung suatu sub-orders, clause kepada satu order yang menyebutkan bahawa: "Sesuatu dokumen tidak dapat difailkan ke mahkamah kecuali difailkan dalam bahasa Inggeris. Kandungan dokumen itu hendaklah dibuat dalam bahasa

Inggeris dan walaupun ianya difailkan dalam bahasa yang lain. maka hendaklah disertakan suatu terjemahan yang disahkan, barulah mahkamah boleh menerima dokumen itu untuk difailkan."

Saya kira peruntukan yang sedemikian akan membantu kelancaran perjalanan penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah. Maka dengan sebab itu saya suka mengesyorkan supaya Rules of the High Court dan Rules of the Subordinate Courts ini diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia dengan beberapa contoh, bentuk, standard forms, dengan izin, yang ada di dalam Rules of the High Court dan Rules of the Subordinate Courts dan kalaulah ianya dibuat dalam Bahasa Malaysia hendaklah diterima pada peringkat awal dan mungkin pada waktu yang tertentu pindaan hendaklah dibuat kepada peruntukan itu yang mewajibkan semua dokumen-dokumen yang hendak difailkan ke mahkamah hendaklah dalam Bahasa Malaysia. Saya kira dengan cara yang begitu sahajalah baharu ia dapat menjamin penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah dengan cara lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya juga bertimang rasa kepada Yang Berhormat dari Rasah (*Ketawa*) yang nampaknya begitu ghairah untuk turut serta dalam perbahasan ini, akhirnya saya mengharapkan apa yang telah disarankan, yang saya sebutkan di dalam Dewan ini pada kelmarin sehinggalah hari ini dapatlah kita renung bersama dan kita bincang dengan hati yang lembut, kepala yang dingin, tidak digerakkan oleh perasaan marah sama ada DAP ataupun di sebelah pihak Kerajaan. Semoga ianya akan memberi kebaikan untuk dinikmati oleh negara kita dan bukan sahaja untuk generasi sekarang bahkan juga generasi yang akan datang. Hanya dengan cara ini kita

akan dapat lihat bahawa masa depan masih ada untuk negara kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Bakri.

4.30 ptg.

**Tuan Chua Jui Meng (Bakri):**Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama dengan kawan saya dari Kuala Terengganu untuk membahar Rang Undang-undang Perbekalan 1989.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli Parlimen yang menang dalam Pilihanraya Umum 1986, saya telah cuba memastikan bahawa semua janji-janji pilihanraya yang dibuat oleh saya ditunaikan. Ini saya menganggap sebagai tanggungjawab moral asal saya. Ia adalah satu soal maruah, prinsip dan kejujuran. Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian adalah amat mengecewakan bila dibaca dalam isu "Far Eastern Economic Review" yang bertarikh 1-9-1988, bahawa Menteri Kewangan kita dalam menjawab soalan, apakah yang akan terjadi kepada Dasar Ekonomi Baru selepas tamat tempohnya dalam tahun 1990. Menteri kita telah menjawab berikut:

"Kami telah mengadakan perbincangan di kalangan kami sendiri. Sebenarnya, kami telah melaksanakan sejak 6 bulan lalu, terasnya tidak akan tetap sama. Serampang dua mata D.E.B., pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat akan tetap dilaksanakan."

Malang sekali, jawapan yang serupa juga dikemukakan di Parlimen baru-baru ini, dengan segala hormatnya saya ingin mengingatkan setengah-setengah Menteri-menteri kanan mengenai perjanjian-perjanjian

Barisan Nasional yang dibuat dalam manifesto Barisan Nasional 1986. Saya petik:

"Janji kami kepada rakyat Malaysia ialah bahawa apa yang diusahakan selepas 1990 akan diatur hanya selepas bermuafakat dengan segenap peringkat masyarakat. Program keadilan sosial selepas 1990 kelak adalah hasil musyawarah rasional sepenuh-penuhnya."

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, di manakah permuafakatan dengan segenap peringkat masyarakat sepenuhnya sebelum pengisytiharan prinsip-prinsip untuk polisi nasional selepas 1990. Setakat yang saya tahu tidak wujud sebarang seruan untuk perbincangan dalam Majlis Tertinggi Barisan Nasional ataupun untuk membincangkan dan menyampaikan pendapat dan cadangan.

Tuan Yang di-Pertua, kami di MCA berpegang kepada janji manifesto pilihanraya itu. Oleh itu, kami berasa gembira dengan jaminan yang dibuat oleh Perdana Menteri baru ini bahawa semua janji-janji yang terkandung dalam manifesto Barisan Nasional ini akan ditunaikan.

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P.Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Petaling Jaya minta penjelasan.

**Dr Eng Seng Chai:** Yang Berhormat dari Bakri, saya ingin tahu adakah ucapannya atau hujah-hujahnya diluluskan oleh whip Barisan Nasional? Jika tidak ada, saya dengar ucapannya bertujuan membuat aduan mengenai urusan Barisan Nasional. Kalau hendak buat aduan, hendak komplek maritah campur kepada Blok "F"; duduk sana apa guna, di sini mari komplek. Saya minta beliau jelas sedikit, lebih efektif, di sana tidak efektif.

**Tuan Chua Jui Meng:** Yang Berhormat dari Petaling Jaya found his tongue at last, tahniah kepada beliau. Beliau tidak faham akan tanggungjawab seorang Ahli Parlimen backbencher baikpun di DAP ataupun daripada Kerajaan, kita wakili rakyat, kita menyuarakan apa yang di dalam hati rakyat, tidak kira dia menyokong atau tidak menyokong pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan. Itulah tanggungjawab saya. Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua . . . .

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P.Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

**Tuan Chua Jui Meng:** Tidak payah, saya ada membuat satu penjelasan tadi di dalam perenggan ini, biarlah saya—dapat lidah.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Beri chance!

**Tuan Chua Jui Meng:** Sebab ini panjang lebar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P.Vijandran):** Yang Berhormat dari Bandar Kuching duduk!

**Tuan Chua Jui Meng:** Saya jalankan.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini MCA telah bersedia mengadakan perbincangan dengan semangat perjuangan ke arah perpaduan nasional dan keadilan sosial. Dalam semangat yang sama juga Presiden parti kami, iaitu Dato' Dr Ling Liong Sik telah mengamanatkan pakar-pakar komuniti kami untuk merangka satu rancangan dan impian bagi negara ini selepas 1990. Rancangan ini bertajuk "Rancangan Perpaduan Malaysia" yang akan dibentangkan untuk perbincangan oleh Presiden parti kami pada satu masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1989 akan tiba tidak lama lagi. Oleh yang demikian, adalah tetap masanya saya

bagi pihak berjuta-juta rakyat bukan bumiputera menyatakan dalam satu usaha membayangkan dan mencerminkan perasaan dan frustrasi mereka berkenaan dengan kesan dan impian D.E.B, dan dasar pendidikan negara.

Adalah dengan kerendahan hati, saya menyeru bahawa pandangan-pandangan ini diberi pertimbangan yang sewajarnya dalam perangkaan "Program Keadilan Sosial" yang akan dilaksanakan selepas 1990.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat serampang dua mata D.E.B, memang terkenal. Yang pertama ialah pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum.

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P.Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

**Tuan Chua Jui Meng:** Biarsaya habis, panjang lebar ini.

**Dr Eng Seng Chai:** Tidak apa! Dua jam boleh.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat hanya kata boleh atau tidak.

**Tuan Chua Jui Meng:** Boleh.

**Dr Eng Seng Chai:** Terima kasih Yang Berhormat dari Bakri. Tadi dia kata pihak MCA sudah ada "think-tank" dan membuat rancangan atau cadangan dan harap Barisan Nasional akan mengambil perhatian. Tetapi saya hendak tanya dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Bakri, jika semua cadangan dan rancangan pihak MCA ditimbang dan ditolak oleh UMNO, Barisan, adakah MCA dan pemimpin-pemimpin mereka berani undur daripada Barisan Nasional, berilah penjelasan!

**Tuan Chua Jui Meng:** Ini Ahli Parlimen dari Petaling Jaya tidak

sabar, sebab belum sampai ke tahap itu, kita akan berbincang dalam semangat Barisan Nasional, semangat bermuafakat (*Tepuk*) dan consensus, you hendak saya jawab—saya jawab.

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P.Vijandran):** Yang Berhormat!

**Tuan Chua Jui Meng:** Kita ada demokrasi dalam Barisan Nasional. Kita akan mengamalkan demokrasi, bukan seperti DAP yang penuh emosi itu, sabarlah!

Matlamat serampang dua mata D.E.B, memang terkenal. Yang pertama ialah pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum.

Kedua, penyusunan semula masyarakat Malaysia untuk memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang agar dapat mengurangkan dan akhirnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi. Akan tetapi, dua tujuan yang utama mesti diingati. Yang pertama dinyatakan dalam ayat pertama Rancangan Malaysia Kedua. Perpaduan nasional adalah matlamat yang terpenting sekali negara ini. Matlamat ini ke arah perpaduan nasional ialah teras kepada D.E.B.

Faktor yang kedua yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Kedua ialah, saya kutip: "Kejayaan kedua-dua matlamat DEB bergantung kepada perkembangan ekonomi yang pesat yang menyediakan peluang-peluang yang semakin bertambah kepada semua rakyat Malaysia dan juga sumber-sumber tambahan untuk pembangunan."

Oleh yang demikian, dalam implementasi polisi ini Kerajaan akan memastikan bahawa tiada sesuatu golongan akan mengalami sebarang kehilangan hak atau kepentingan.

Tuan Yang di-Pertua, persetujuan bahawa DEB akan ditujukan kearah penyelesaian masalah-masalah sosio-ekonomi semua kaum dalam cara yang saksama dan tanpa diskriminasi adalah jelas dari matlamat pertama, ialah untuk mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan menambahkan tahap pendapatan dan meningkatkan peluang-peluang pekerjaan untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.

Apa yang mustahak yang kita tekankan di sini ialah masalah kemiskinan di Malaysia bukan setakat satu masalah kaum Melayu sahaja. Ia juga dialami oleh komuniti-komuniti lain seperti Cina, India, Kadazan, Iban, Murut dan rakyat Malaysia lain yang bukan Melayu.

Angka dari Rancangan Malaysia Keempat menunjukkan jumlah besar rakyat bukan bumiputera yang miskin di Semenanjung dan Malaysia Timur pada tahun 1976 adalah 335,000 isi rumah dan sekurang-kurangnya 2/3 daripada jumlah keseluruhan kaum Melayu yang miskin.

Jika andaikan sesebuah keluarga mempunyai lima orang ahli lebih daripada 1.5 juta rakyat Malaysia bukan bumiputera hidup dalam keadaan sengsara dan kemiskinan pada tahun 1976. Pada masa yang sama wujud pula kebimbangan bahawa angka-angka rasmi ini telah menurunkan angka jumlah bukan Melayu miskin khususnya di kawasan bandar. Ketiadaan data untuk menerangkan bagaimana Kerajaan mendapatkan angka insiden kemiskinan di kawasan bandar dan luar bandar memperkuat kebimbangan ini.

Pengiktirafan-rasmi bahawa masalah kemiskinan di mana ia wujud di kalangan bukan Melayu adalah seteruk

seperti impactnya ke atas orang-orang Melayu wujud juga. Saya petik, "Kesengsaraan sosial dan fizikal yang dialami oleh kemiskinan bandar adalah lebih teruk daripada kemiskinan luar bandar." Kewujudan suatu suasana ekonomi bandaran di mana permintaan buruh mesti bertumbuh pada suatu kadar yang cukup untuk menyediakan pekerjaan kepada semua penduduk adalah langkah pertama dalam mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan bandar. Di samping itu projek-projek pembaharuan bandar program-program perumahan awam, projek-projek kesihatan dan kebersihan, projek-projek rekreasi dan belia akan membantu mereka dalam gotongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan berjanji akan membantu golongan bukan Melayu miskin, polisipolisi dan sumber-sumber yang konkrit untuk membantu mengatasi masalah-masalah golongan ini tidak dimajukan sejak 15 tahun kebelakangan ini. Bukti ketiadaan komitmen dan kebimbangan Kerajaan dalam mengurangkan kemiskinan bukan Melayu dapat dilihat dalam golongan-golongan miskin yang termaktub dalam dokumen-dokumen Rancangan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pernah dikatakan berulang kali oleh ahli-ahli politik bahawa kebanyakan kampung-kampung baru adalah lebih baik daripada kampung-kampung tradisional dalam erti kata kebanyakan kampung-kampung baru yang disediakan dengan kemudahan-kemudahan asas seperti air dan elektrik semestara sejumlah besar kampung-kampung tradisional masih belum ada kemudahan-kemudahan asas itu, akan tetapi ini adalah satu gambaran yang tidak tepat mengenai keadaan sebenar di kampung-kampung baru.

Sebenarnya asas untuk pertubuhan sosio-ekonomi yang sihat di kampung-kampung baru masih tidak ada. Keadaan ini disebabkan oleh:

- (a) Kekurangan tanah.
- (b) Kekurangan peluang-peluang pekerjaan yang baik.
- (c) Kekurangan peluang-peluang pekerjaan yang baik.
- (d) Ketiadaan peningkatan taraf pendidikan dan kemahiran guna tenaga.

Akibatnya kadar kemiskinan di kalangan kampung-kampung baru adalah antara yang tertinggi di negara. Misalnya Rancangan Malaysia Kelima menyatakan bahawa hanya 37% isi rumah kampung baru mempunyai pendapatan tunai purata melebihi \$400 sebulan. Ini bermakna 2/3 isi rumah atau sejuta penduduk kampung baru mempunyai jumlah pendapatan di bawah garis kemiskinan.

Kami telah memeriksa banyak dokumen-dokumen Kerajaan termasuk semua Rancangan Malaysia untuk mencari setakat manakah masalah sosio-ekonomi kampung baru telah diselesaikan dengan kecekapan dan jumlah sumber yang telah diberi kepada golongan bukan Melayu dari kumpulan miskin luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, malang sekali kami telah gagal menjumpai sebarang bukti bahawa Kerajaan telah melaksanakan matlamat membasmi kemiskinan DEB dengan saksama di kalangan golongan Melayu dan bukan Melayu khasnya golongan miskin luar bandar Cina. Dalam sejarah pembangunan kampung baru di bawah semua 5 Rancangan Malaysia kurang daripada \$75 juta, ini termasuk \$25 juta yang diperuntukkan bagi tahun 1985 hingga 1990 yang tidak akan diberi, memandangkan langkah jimat cermat Kerajaan. Ini menunjukkan maksimumnya dalam 5 Rancangan Malaysia ialah \$75 juta telah

diperuntukkan semasa jumlah populasi mereka telah menjadi tiga kali ganda.

Sebaliknya Rancangan Malaysia Keempat telah memperuntukkan lebih dari \$5 billion peruntukan pembangunan kepada projek pengairan dan pembangunan tanah Melayu sementara Rancangan Malaysia Kelima memperlihatkan perbelanjaan lebih daripada \$6 bilion bagi projek-projek yang serupa.

Pada masa yang sama tidak seperti rangkaian organisasi Kerajaan yang telah ditubuhkan untuk membantu golongan Melayu seperti FELDA, FELCRA, DARA, KETENGAH, KESEDAR, KEJORA, JENGA, KEDA, MADA, KADA dan lain-lain. Tidak wujud sebarang organisasi yang bertanggungjawab ke atas pembangunan kampung-kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, masa hadapan kampung baru lebih gelap lagi. Kejatuhan industri perlombongan baru-baru ini dan pembinaan serta suasana ekonomi yang lembap telah menyebabkan penghijrahan balik sebilangan besar penduduk ke kampung baru di mana masalah tanah yang dihadapi oleh peneroka asat masih belum, diselesaikan dalam kebanyakan kes. Keadaan sedemikian telah membawa kepada kekurangan dorongan bagi peneroka-peneroka memperbaiki keadaan perumahan dan ~~peraturan~~ **peraturan untuk keperluan tanah pertanian untuk pekerjaan.**

Di samping itu kebanyakan kampung baru yang sedia wujud dinahkan lebih tanah untuk mentransformasikan kampung-kampung baru kepada unit-unit yang lebih berkesan.

Timbalan Perdana- Menteri kita pernah berkata bahawa jika kampung-kampung baru hendak memperluaskan kawasan mereka terpaksa membeli tanah dari pemilik persendirian pada

harga pasaran. Ini jelas merupakan satu kes diskriminasi terhadap kampung baru kerana kampung-kampung tradisional diberi tanah Kerajaan negeri dengan percuma atau membeli tanah dengan premium yang rendah untuk meluaskan kawasan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ramai golongan luar bandar bukan Melayu tidak mempunyai tanah atau memiliki sedikit tanah adalah sangat miskin dan dalam kebanyakan keadaan ditindas oleh majikan mereka. Tidak seperti golongan Melayu miskin yang banyak menikmati faedah daripada program pembangunan luar bandar Kerajaan. Golongan Cina dan India miskin kurang menikmati faedah dari program-program pembasmian kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, satu contoh yang baik ialah rancangan penempatan dan peneguhan tanah di mana matlamat DEB mengenai penyusunan semula di semua sektor termasuk tanah, golongan miskin luar bandar bukan bumiputera terus secara sistematik dinafikan peluang yang sama kepada tanah menyebabkan katidakseimbangan dalam pemilihan tanah luar bandar antara golongan Melayu dan bukan Melayu menjadi lebih teruk. Lebih daripada 96% peneroka FELDA terdiri daripada kaum Melayu, daripada populasi FELDA yang berjumlah lebih daripada 400,000. Ini bermakna di samping golongan miskin bukan bumiputera tidak berpeluang memiliki tanah negeri, sekadar besar golongan miskin bukan bumiputera terpaksa bersetingan di tanah-tanah tidak sah di kawasan luar bandar. Di samping itu, dalam implementasi rancangan FELCRA, terdapat juga kekurangan penyertaan dari golongan bukan Melayu. Di Rancangan FELCRA 19.63% keluarga peneroka adalah kaum Melayu dengan golongan Cina dan India membentuk 2% dan 1.7%

jumlah keluarga peneroka masing-masing. Aliran diskriminasi ras dalam peruntukan tempat di rancangan tanah pertanian oleh Kerajaan, jelas melanggar niat DEB yang menyatakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang menyeru pemilihan yang saksama patut diberi kepada jumlah tempat yang bertambah dalam rancangan-rancangan penempatan semula oleh isi rumah miskin di kalangan rakyat Malaysia yang lain.

Keabaihan rasmi mengenai keadaan golongan miskin . . . . .

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri minta penjelasan.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Bakri, berapakah permohonan daripada kaum Cina untuk masuk FELDA yang telah ditolak oleh pihak FELDA, satu. Yang kedua, program membasmi kemiskinan luar bandar terutamanya hospital, jalan raya, bandar-bandar baru, kawasan perindustrian, adakah tidak boleh dinikmati oleh kaum lain? Adakah ini untuk kaum Melayu sahaja? Yang ketiga, adakah kawasan kampung baru ini terlalu tertutup sehingga penduduk di situ tidak boleh mencari kerja di tempat lain sehingga menyebabkan wujudnya kemiskinan?

**Tuan Chua Jui Meng:** Untuk soalan pertama Yang Berhormat mengenai permohonan, sukalah saya jelaskan di sini, jika daripada jumlah peneroka isi rumah peneroka yang ada dalam FELDA, FELCRA bukan bumiputera ialah 2-3% sahaja. Dan kita tahu kawasan saya, kawasan ramai orang di sini yang ada Cina yang miskin, kita tahu masalah mendapatkan tanah daripada Kerajaan, masalah besar.

Saya tidak ada angka-angka yang terperinci, the exact, tetapi saya tahu banyak dalam kawasan saya sudah memohon mendapatkan tanah-tanah, tetapi gagal. Beberapa sebab-sebab berlanjutan diberi kepada mereka. Hasilnya akhirnya tidak dapat tanah, itu sahaja. Seperti kawan saya dari Kuala Terengganu sebutkan semalam, "the facts speak for itself".

**Datu' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** (*Bangun*)

**Tuan Chua Jui Meng:** Sayabelum habis.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Fasal FELDA. Adakah permohonan daripada kaum India dan kaum Cina untuk masuk FELDA, adakah telah ditolak oleh Kerajaan. Itu yang saya hendak tahu. Kalau dapat satu ataupun dua ataupun tiga, nyatakan. Atau pun adakah mereka tidak hendak masuk FELDA. Kalau ini, adakah adil bagi kita untuk menyalahkan FELDA tidak mengambil orang-orang Cina ataupun India itu soalnya.

**Tuan Chua Jui Meng:** Jawapan saya, kita cubalah dalam Budget ini satu angka wang yang banyak sejumlah \$521 juta telah disediakan bagi pembukaan kawasan-kawasan tanah baru. Seluas 33,000 hektar kawasan-kawasan tanah baru akan dibuka oleh FELDA, FELCRA dan RISDA membuka 69,000 hektar. Bukalah di sini kepada semua tidak kira kaum. Daripada itu kita dapat tepat berapa orang miskin Cina dan India ingin menyertai skim rancangan tanah, Bukalah semua tanpa mengira kaum. Tadi saya sebutkan saya tidak ada angka yang terperinci mengenai permohonan-permohonan yang dibuat yang ditolak tetapi saya faham banyak dalam kawasan saya dan kawasan-kawasan lain yang ada orang miskin Cina yang hendak tanah, terpaksa sewa setengah ekar, 2 ekar untuk tanaman. Orang yang begitu miskin

cari peluang tanah. Kalau hendak beri 7 ekar, adakah rasional dia tolak, dia akan tolak itu. Cubalah pada Budget ini 500,000 hektar yang diberikan kepada sektor ini kita buka kepada semua tidak kira kaum. Daripada itu kita jelas, adakah orang miskin yang bukan bumiputera berhasrat untuk menyertai skim-skim Rancangan FELDA dan FELCRA.

Keabaiian rasmi mengenai keadaan golongan miskin luar bandar bukan Melayu telah dilanjutkan kepada kanak-kanak keluarga miskin yang tidak diberi bantuan pendidikan ataupun peluang pendidikan yang baik dalam cara yang sama yang dinikmati oleh kanak-kanak golongan miskin Melayu. Diskriminasi jenis ini terhadap kanak-kanak berasaskan kaum adalah ketemahan DEB yang tidak dapat diterima dari segi moral ataupun sosial.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kajian semula Rancangan Malaysia Keempat .....

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang minta penjelasan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Minta Penjelasan. Saya memerhatikan dari tadi lagi ucapan Yang Berhormat dan saya lihat ucapan itu begitu bias, berat sebelah. Yang Berhormat dari Bakri lebih banyak membincangkan seolah-olah Kerajaan mendiskriminasi orang-orang Cina di FELDA dan sebagainya. Saya ingin bertanya, sedarkah Yang Berhormat dari Bakri bahawa kampung-kampung baru yang ada dalam Malaysia ini 90% lebih mempunyai infrastruktur api, air, jalan dan lain-lain. Sedangkan infrastuktur di kampung-kampung Melayu hanya sekadar 75% sahaja. Soalnya, apakah ini dikatakan satu keadilan kalau sekiranya Kerajaan

terus menerus memberikan bantuan bagi mengimbangkan keadaan. Kedua, saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat dari Bakri.

Kita seolah-olah pandang dengan mata buta sebelah, gajah di hadapan mata, kita tak nampak, kuman di seberang lautan, kita nampak, misalnya.

Soal kekayaan, soal ekonomi orang Cina di bandar-bandar besar jelas 90% kaya dan merupakan golongan yang begitu istimewa jika dibandingkan dengan orang-orang Melayu. Dan saya mahu tanya berapa peratuskah orang-orang Melayu menduduki serta menguasai kekayaan ekonomi di bandar-bandar. Kenapa ini tidak diperhitungkan. Kenapa soal FELDA, soal RISDA yang kecil-kecil diperhitungkan, bagi menampakkan seolah-olah Kerajaan tidak adil. Jadi, saya mahu penjelasan tentang perniagaan, tentang kedai, tentang urusniaga, tentang segala-galanya yang boleh dikatakan 85% seluruh bandar dalam Malaysia dikuasai oleh golongan Cina. Di mana letaknya rasional terhadap penghujahan yang diberikan itu? Terima kasih.

**Tuan Chua Jui Meng:** Jangan marah kawan dari Marang, jangan marah. Saya bersetuju ada orang-orang miskin, saya bersetuju, ramai daripada orang Melayu yang miskin. Tadi, saya sebutkan orang miskin daripada bukan Melayu 2/3 daripada orang miskin kaum Melayu, saya setuju.

Saya akan memperjuangkan untuk kepentingan pengundi-pengundi saya daripada kawasan kampung. Baru-baru ini saya ada tulis surat kepada Menteri Besar Johor meminta sebanyak \$1 juta untuk kampung-kampung di kawasan saya untuk jalan raya, untuk bekalan air, elektrik dan lain-lain. Saya tetap sayangkan kepada orang-orang Melayu, janganlah salah faham kawan saya dari Marang. Saya

sayang mereka, dalam Majlis Tindakan Daerah, saya sering membangkitkan masalah masjid, masalah surau, balairaya, peruntukan kepada sekolah-sekolah dan lain-lain. Itulah ertinya kita sebagai orang nasionalis, sebagai orang wakil rakyat dari Barisan Nasional, kita. . . .

**Tuan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, Ahli dari Pasir Mas bangun.

**Tuan Chua Jui Ming:** Biarkan saya habis, Tuan Yang di-Pertua, Kita harus melihat kepada seluruh masalah di negara ini bukan daripada racial line tetapi daripada segi seorang nasionalis yang sayang kepada semua orang di negara ini tanpa mengira kaum. Itulah maksud saya, itulah maksud MCA. MCA bukan berkata kita mewakili untuk orang Cina sahaja—bukan—tetapi tadi saya sudah sebutkan kita memperjuangkan untuk orang India pun, orang Kadazan, orang Murut dan jika sekiranya Kerajaan abaikan hak kepentingan orang Melayu, saya akan terus memperjuangkan untuk orang Melayu. Itulah janji saya kepada Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Marang bangun.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Mohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah Yang Berhormat dari Bakri menyedari bahawa peratus kemiskinan orang Melayu lebih daripada 73%, sedangkan peratus kemiskinan orang Cina saya kira kurang daripada 30% dari sudut susunan ras dalam Malaysia. Apakah tindakan-tindakan yang dibuat oleh Kerajaan bagi mengurangkan kemiskinan ini dengan penyusunan melalui Dasar Ekonomi Baru seperti mengurangkan kemiskinan, seperti menyusun semula masyarakat bagi mengurangkan peratusan yang 70%

itu di tahap yang sekurang-kurangnya sama dengan ras-ras yang lain, Cina dan India umpamanya, dianggap sebagai satu ketidakadilan ataupun satu bentuk diskriminasi? Saya hendak hujah dan bukti, maknanya tak usah cakap dalam Dewan ini sahaja, tak usah kata begitu dan begini, saya berkehendakan penjelasan apakah penurunan dan usaha yang dibuat daripada lebih 70% tadi ke angka yang agak-agak sama dengan kemiskinan orang Cina yang 30% tadi dianggap sebagai tidak adil dan discriminate kepada satu kaum? Sila jelaskan. Bukan marah, minta jelaskan.

**Tuan Chua Jui Meng:**Jangan marah lagi Yang Berhormat dari Marang. Tadi saya sudah sebutkan daripada angka kemiskinan yang kita dapat dalam Rancangan Malaysia Kelima, Fifth Malaysia Report, this is the latest report, dengan izin, report yang terakhir sekali. Laporan di sini membuktikan sebanyak satu juta penduduk dalam kampung-kampung baru berada di bawah garis kemiskinan, in the poverty group, dengan izin, satu juta. Saya sudah bersetuju dengan kawan saya tadi, orang miskin dari kaum Melayu ialah lebih banyak dan kita harus memperjuangkan untuk mereka. Tetapi kita pun harus memperjuangkan untuk orang-orang miskin Cina, India dan lain-lain di bandar dan di kampung-kampung baru dan di luar bandar. Satu dasar mengimplimentasikan Dasar Ekonomi Baru dengan saksama dan adil. Itulah rayuan saya kepada Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua, walaupun kajian semula Rancangan Malaysia Keempat. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, Ahli dari Pastr Mas bangan minta penjelasan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak minta penjelasan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat dari Bakri menerima Dasar Ekonomi Baru itu sebagai satu dasar yang baik ataupun Yang Berhormat itu membangkitkan soal kelemahan terhadap pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru? Itu sahaja.

**Tuan Chua Jui Meng:**Terima kasih, itu satu soalan tepat, Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili parti MCA mengatakan di sini kita sokong penuh Dasar Ekonomi Baru tetapi apa yang saya sebutkan tadi dalam ucapan saya ialah penyelewengan daripada dasar ini sebagaimana saya sebutkan tadi. Mengenai dasar pembasmian kemiskinan yang ternyata dalam Rancangan Malaysia Kedua, ketiga, Keempat dan Kelima, kita hendak membasmikan kemiskinan tanpa mengira kaum. Itulah point saya, Tuan Yang di-Pertua. . . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta jalan sedikit lagi?

**Tuan Chua Jui Meng:**Biarkan saya teruskan, nanti kelak saya bagi peluang.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kajian Semula Rancangan Malaysia Keempat mendakwa kadar kemiskinan di kawasan bandar telah berkurangan tetapi wujud pula sebab yang munasabah bahawa pengawasan Kerajaan terhadap kemiskinan di bandar adalah tidak memuaskan dan jangkaannya lebih rendah dari keadaan yang sebenarnya. Sebaliknya keadaan kemiskinan di bandar makin merosot. Jumlah isi rumah yang miskin di bandar telah meningkat dari 93,800 dalam tahun 1980 kepada 97,900 dalam tahun 1983. Ini mengikut Rancangan Malaysia Kelima. Semenjak dah tahun itu kadar kemiskinan di bandar telah meningkat. Di Perak dan Selangor, penutupan banyak lombong timah

telah menyebabkan beribu-ribu pekerja kehilangan kerja. Bertambah pula dengan ekonomi yang baru lalu yang makin meleset telah mengakibatkan kawasan-kawasan bandar di seluruh negara. Pengkadaran besar daripada jumlah penganggur dalam negara pada hari ini dianggarkan datang dari kawasan bandar dan komuniti bukan bumiputera. Majoriti besar populasi bandar Cina bekerja di dalam sektor perlombongan, industri bersekil kecil, pembinaan, perniagaan runcit, pengangkutan dan penjajaan, hanya sekadar kecil daripada bidang milik sendiri dan kerja sendiri boleh dianggap besar dan tidak memerlukan bantuan Kerajaan.

Bidang-bidang kecil ini yang berjumlah beribu-ribu walaupun memainkan peranan yang penting dalam ekonomi negara dengan membantu dalam pengeluaran tempatan yang menjimatkan negara berjuta-juta ringgit setiap tahun yang mungkin digunakan untuk membiayai barangan import mencari nafkah hidup yang tidak tentu, Mereka ini patut berada dalam lingkungan DEB yang memerlukan pertolongan untuk meningkatkan tahap pendapatan dan peluang pekerjaan yang lebih luas, akan tetapi DEB telah mengabaikan mereka dari program pembangunan Kerajaan.

Sementara itu golongan peniaga kecil Cina ini tidak menerima sebarang peruntukan kewangan. Sebahagian besar peruntukan kewangan telah menuju ke arah perusahaan-perusahaan ekonomi yang didominasikan oleh komuniti bumiputera. Apabila program-program pembangunan yang disediakan seperti perumahan kos rendah, kemudahan penjaja, gerai dan lain-lain lagi, wujud satu sikap berat sebelah yang lebih menyebelahi kaum Melayu dengan sedikit sahaja bantuan ke arah bukan Melayu. Kegagalan

membantu peniaga kecil bukan Melayu di bandar dan sikap yang menyebelahi penyertaan Melayu dalam program pembangunan bandar merupakan penyimpan matlamat pembasmian kemiskinan DEB. Yang lebih memburukkan ialah peniaga kecil bukan Melayu itu tertakluk kepada berbagai jenis kawalan birokratik dan politik seolah-olah tujuan DEB ialah menafikan mereka hak untuk hidup.

Tuan Yang di-Pertua, pihak MCA sering menerima aduan dari kaum Cina di seluruh negara mengenai layanan Kerajaan yang tidak adil apabila mereka memohon untuk lesen teksi, lori, kemudahan kredit, tapak kilang, lesen perdagangan, permit import, kemudahan dan lain-lain lagi. Mereka mengadu tentang tindakan birokratik yang jelas menunjukkan satu gambaran tentang pengabaian Kerajaan dan diskriminasi terhadap kumpulan miskin bukan Melayu di bandar.

Oleh yang demikian, tidaklah menghairankan keputusan pilihanraya umum baru-baru ini menunjukkan sikap menolak parti-parti komponen Barisan Nasional bukan Melayu di kawasan-kawasan bandar di negara ini.

Izinkan saya mengingatkan Kerajaan tentang janji-janji yang dibuat di dalam manifesto Pilihanraya Umum Barisan Nasional 1986. Kampung-kampung baru, bantuan kepada yang miskin di bandar-bandar, di estet-estet dan di rancangan-rancangan tanah di seluruh Malaysia adalah sebahagian dari medan perang menghapuskan kemiskinan itu. Malaysia tetap tegas dalam tekatnya untuk membanteras kemiskinan tanpa mengira keturunan kaum.

Malang sekali, dalam implimentasi polisi penyusunan D.E.B. wujud

berbagai kes penyalahgunaan, penyelewengan dan tindakan-tindakan diskriminasi yang dipraktikkan terhadap bukan Melayu dan yang mewujudkan gambaran bahawa D.E.B. dilaksanakan dalam acara yang membawa ke arah dominisasi Melayu dalam bidang ekonomi.

Sebelum setengah-setengah penyelewengan, penyimpangan dan tindakan diskriminasi akibat D.E.B. dikemukakan, adalah amat perlu saya menyentuh tentang kontravesi yang lebih berlarutan mengenai soal hakmilik bumiputera dalam sektor korporat.

Ahli-ahli birokrat dalam menyatakan jumlah hakmilik Melayu dalam sektor korporat telah merendahkan angkanya. wujud bukti yang semakin ketara bahawa hakmilik Melayu telah melebihi 30%. Oleh yang demikian, adalah lebih mustahak bagi Kabinet dan Majlis Tertinggi Barisan Nasional untuk menentukan tahap pencapaian sebenar bumiputera di bawah D.E.B.

Para birokrat yang merangka Rancangan Malaysia Kelima mendakwa bahawa bumiputera hanya mencapai 17.8% kekayaan korporat menjelang 1985. Ini telah dipersoalkan oleh pakar-pakar. Antara sebab-sebabnya ialah:

- (1) Kajian Semula Rancangan Malaysia Keempat dalam tahun 1983 menyatakan bahawa hakmilik Bumiputera dalam sektor korporat adalah 18.7% iaitu 1% lebih tinggi daripada tahun 1985. Rancangan Malaysia Kelima pula dalam tahun 1985 hanya merakamkan pertumbuhan pesat hakmilik usahawan-usahawan Bumiputera pada kadar 32% setahun. Dengan izin, fast rate of growth at 32% per year for the Bumiputera businessman. Keputusan yang lebih logikal

ialah patut wujud satu pertambahan yang lebih menjelang tahun 1985; bukannya penurunan 1% seperti yang didakwa dalam Rancangan Malaysia Kelima yang sama.

- (2) Peratusan hakmilik oleh syarikat-syarikat calon (nominee companies) dan syarikat-syarikat kawalan tempatan (local control companies) berjumlah 16.4% hakmilik modal syarikat-syarikat berhad dalam tahun 1985 telah diperuntukkan tanpa sebab kepada kaum bukan Bumiputera. Ini jelas memesong pengagihan kekayaan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam ertikata ia merendahkan jumlah hak-milik Bumiputera dan pada masa yang sama meninggikan jumlah hak milik bukan Bumiputera. Satu contoh yang diberi ialah dalam kes Syarikat Nominee Bumiputera Sendirian Berhad yang merupakan pendaftar Pemegang Hakmilik 150 buah syarikat termasuk banyak yang disenaraikan di Bursa Saham. Akan tetapi, pemilik sebenarnya adalah Kumpulan Fleet yang didominisasikan oleh Bumiputera. Apa yang hendak dijelaskan ialah pemastautin asing dan kaum Bumiputera juga merupakan pemegang hakmilik yang besar dalam syarikat-syarikat calon.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

- (3) Apa yang lebih penting daripada asas yang sebenar ialah persoalan kepentingan yang berlainan patut diberi kepada sektor ekonomi yang ~~Rancangan Malaysia Kelima~~ **Rancangan Malaysia Kelima**

menunjukkan bahawa kaum Bumiputera telah memiliki 7% dalam institusi-institusi kewangan dan bank berbanding dengan 20.7% bagi bukan Bumiputera. Sektor kewangan adalah satu sektor yang mustahak kerana dia adalah sumber pinjaman dan kewangan bagi sektor-sektor lain. Dalam perkataan yang lain, melalui kemudahan pinjaman mereka, bank mempunyai suatu pengaruh langsung dan tidak langsung dalam pelaksanaan sektor ekonomi yang lain. Keadaan yang sebaliknya wujud di kalangan bukan Bumiputera, mereka memiliki lebih daripada 7% dalam bidang sektor runcit. Tetapi sektor runcit mempunyai pengaruh ekonomi yang kecil berbanding dengan sektor kewangan dan bank.

Tuan Yang di-Pertua, Parti Gerakan pun telah mendakwa bahawa dalam tahun 1983 purata kepentingan hakmilik modal saham Bumiputera dalam sektor korporat telah mencapai sasaran 3% ekuiti, Wujudnya angka-angka yang . . . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas minta penjelasan.

**Tuan Chua Jui Meng:** Baik.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada makluman dan sumber yang mana yang disebutkan tadi bahawa penyertaan Bumiputera kononnya telah sampai pada sasarannya. Sebab mengikut angka yang saya ada pada tahun 1983 individu dan agensi amanah Bumiputera memiliki hanya 18.7% dari saham-saham syarikat moden. Kalau pukul rata keseluruhannya di

mana pemastautin Malaysia lain memiliki 47.7% dan pemastautin asing memiliki 33.6% manakala dalam strategi Dasar Ekonomi Baru yang saya tanya tadi apakah Yang Berhormat dari Bakri menerima Dasar Ekonomi Baru kerana Dasar Ekonomi Baru menetapkan pemilikan 30% menjelang tahun 1990 untuk Bumiputera, 40% bagi pemastautin Malaysia iaitu lain-lain bukan Bumiputera dan 30% bagi pemastautin asing. Sebab saya bimbang permainan angka ini boleh mengelirukan.

**Tuan Chua Jui Meng:** Terima kasih, kawan saya; bukan Barisan Nasional sekarang. Jika Yang Berhormat ada mendengar apa yang saya sebutkan dalam ucapan saya sebentar tadi mengenai tiga sebab-sebab mengapa banyak pihak pakar-pakar sudah menyatakan kaum Bumiputera telah mencapai 30% dalam sektor korporat. Saya tidak payah ulangkan lagi. Tetapi saya bersetuju pada masa sekarang kita ada angka-angka yang bertentangan. Dan sebab wujudnya angka-angka yang bertentangan ini dalam satu hal yang begitu mustahak, saya bersetuju ini satu hal yang begitu mustahak.

Adalah menjadi satu kewajipan Kerajaan membuka sumber-sumber data (data base) dengan segera untuk pemeriksaan oleh pihak berkuasa yang bebas supaya suatu gambaran mengenai hakmilik sektor korporat yang tepat dapat diperolehi. Ianya juga akan meredakan kecurigaan komuniti bukan Melayu bahawa kakitangan perkhidmatan awam telah memanipulasikan angka-angka, statistik dan analisa Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih untuk berucap mengenai implementasi 30% saham ekuiti Melayu yang tidak ada pada tahap individu syarikat. Seperti yang dikatakan sasaran 30% saham Melayu adalah pada asas keseturuhan atau sekurang-kurangnya

pada asas sektor. Akan tetapi, dalam kebanyakan kes, sasaran ini telah disalahtafsirkan oleh kakitangan Kerajaan yang berat sebelah menyebabkan dia diimplikasikan pada tahap individu syarikat. Memang ini menyeleweng dari semangat dan niat DEB.

Penyelewengan yang penting ini bukan sahaja menyebabkan satu perasaan kehilangan tetapi ia juga tidak menggalakkan pelaburan baru dan aliran modal keluar. Di samping itu dengan penyusunan semula aktiviti pada tahap syarikat, satu pra-syarat untuk mendapatkan kebenaran Kerajaan untuk perluasan dan lain-lain lagi pelaksanaan DEB menjadikan syarikat-syarikat tebusan, dan menghalang mereka dari berkembang. Ini jelas menentang semangat DEB. Walaupun ada syarikat-syarikat yang telah mematuhi kehendak 30% ekuiti Melayu, mereka mungkin tertakluk kepada tekanan DEB yang memerlukan mereka menambahkan lagi ekuiti Melayu.

Satu contoh yang ketara yang dialami oleh sebuah syarikat antarabangsa yang telah mempunyai 30% ekuiti bumiputera ialah apabila syarikat ini memohon untuk melayakkan diri sebagai tenderer Kerajaan, ia diberitahu bahawa ia terpaksa menambahkan lagi saham bumiputera kepada 51% dalam tempoh masa 6 bulan sebelum ia boleh layak. Kerajaan telah berulang kali menjamin bahawa ia hanya mahukan 30% ekuiti bagi kaum Melayu akan tetapi polisi ini telah diselewengkan oleh pegawai-pegawai yang terlalu gih.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada melanggar persefahaman asas bahawa sasaran DEB mengenai ekuiti Melayu hanya pada tahap keseluruhan, tindakan-tindakan pentadbiran yang diperkenalkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk

menyusun semula ekuiti syarikat-syarikat yang menuntut penyenaiaan baru (new listing) mengandungi penyelewengan dan norma keadilan dan kecekapan ekonomi yang termaktub dalam falsafah asal DEB.

Yang pertama, Kementerian mengamalkan double standard dalam menyusun semula syarikat-syarikat asing yang besar berbanding dengan syarikat-syarikat tempatan. Kerajaan menyusun ladang-ladang besar seperti Guthrie melalui pembelian saham-saham pada harga pasaran. Syarikat-syarikat tempatan terpaksa memperuntukkan saham-saham bumiputera khas pada harga di bawah harga pasaran. Ini telah mengakibatkan kehilangan kewangan yang besar kepada pemegang-pemegang saham tempatan. Pada masa yang sama ia menggalakkan bumiputera yang diperuntukkan saham-saham pada harga yang rendah menjual balik saham-saham mereka untuk keuntungan yang cepat, mengacau pasaran saham yang menyemai sikap menjadi kaya tanpa bekerja dan tidak akan menggalakkan pembentukan satu kelas usahawan bumiputera. Ia hanya wujud satu asas yang sah bagi penyusunan semula di sektor korporat iaitu pembelian saham-saham oleh bumiputera pada harga pasaran.

Sebarang penyelewengan dari ini akan mengakibatkan kehilangan di kalangan pemegang bukan bumiputera dan mewujudkan kekayaan spekulasi di kalangan bumiputera. Di samping itu peruntukan saham-saham baru di mana 30% saham baru diperuntukkan kepada pengundian bumiputera dan pemohon-pemohon bumiputera yang gagal diberi peluang lagi dalam pengundian bumiputera dan bukan bumiputera jelas menyimpang dari semangat DEB. Ia juga merupakan satu tindakan pentadbiran sekarang untuk syarikat-syarikat yang telah

mematuhi 30% ekuiti itu menambahkan lagi saham-saham bumiputera jika bumiputera telah menjual peruntukan asal mereka. Ini jelas salah dan disalahtatsir oleh DEB kerana sebuah syarikat awam tidak boleh bertanggungjawab ke atas tindakan pemegang sahamnya yang bebas menjual-beli sahamnya. Masalah ini bertambah rumit oleh kerana bumiputera digalakkan menjual saham-saham mereka kerana mereka diperuntukkan dengan murah pada asalnya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ya, Yang Berhormat dari Pasir Mas?

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ali:** Saya minta jalan sedikit. Saya agak terkilan apabila disebut banyak sangat bumiputera, bumiputera, sebab saya tahu bumiputera yang majoriti susah dan berada di dalam kesempitan ekonomi. Bumiputera ataupun orang-orang Melayu tertentu ataupun individu-individu tertentu? Saya hendak minta penjelasan dengan izin, bumiputera ataupun orang-orang Melayu tertentu?

**Tuan Chua Jui Meng:** Jika di Semenanjung Malaysia bumiputera ialah orang Melayu, sebab ada tiga bangsa yang besar di Semenanjung Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India. Tetapi kalau di Malaysia Timur kita ada Murut, Kadazan, Dayak dan lain-lain. Prinsipnya, apabila sudah mematuhi syarat DEB tentang saham bumiputera tetap mematuhi adalah satu-satunya. . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ali:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin btn Haji Daud):** Yang Berhormat dari Bakri, dia tidak puashati.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat dari Bakri tidak dapat menangkap soalan saya sebenarnya. Saya bertanya tadi, minta penjelasan, apabila Yang Berhormat dari Bakri menyebut seolah-olah segala-galanya direbut oleh bumiputera, bumiputera. Jadi saya rasa terkilan, saya kata sebab bumiputerakah ataupun golongan-golongan individu tertentu supaya tidak salah gambaran, kerana seolah-olah seluruh orang Melayu ini mendapat nikmat.

**Tuan Chua Jui Meng:** Itu memang betul, bukan semua orang Melayu dapat nikmat dalam pelaksanaan DEB, Saya faham dan kawan saya pun faham. Betul atau tidak?

The principle of once-complied-with NEP condition of bumiputera shares is forever complied with, dengan izin, mesti dipatuhi. Membeli pada harga pasaran hanyalah cara menghalang perasaan kehilangan dan tamak haloba. Bursa Saham Kuala Lumpur sentiasa ada untuk bumiputera menjual beli saham. Jika ia benar-benar penting untuk bumiputera mempunyai 30% hakmilik modal sektor korporat tidak ada sebabnya kenapa mereka tidak boleh menjual tanah mereka dan menukar kekayaan tanah mereka kepada kekayaan korporat melalui Bursa Saham.

Seawal tahun 1978 kaum bumiputera telah memiliki 65% daripada 7.5 juta ekar tanah yang dialinasikan kepada sektor bukan korporat dan jika mereka sanggup menjual sebahagian daripada tanah ini, mereka akan mempunyai lebih sumber untuk membeli saham dalam sektor korporat.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sasaran DEB mengenai penyusunan semula pekerjaan patut dilaksanakan pada tahap keseluruhan, tekanan telah dikenakan pada syarikat-syarikat untuk memaksa mereka mematuhi sasaran DEB mengenai pekerjaan.

Banyak syarikat-syarikat antara-bangsa telah ditekankan secara pentadbiran untuk menambahkan pekerja bumiputera sebagai pra-syarat untuk mendapatkan kebenaran bagi permit kerja, rancangan perluasan, tender dan lain-lain lagi. Keadaan ini wujud akibat banyak Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) termasuk PETRONAS, MAS, MISC dan lain-lain perbadanan milik Kerajaan menaksirkan secara arbitrary objektif-objektif DEB dan menformulasikan polisi-polisi dan peruntukan-peruntukan, peraturan-peraturan sendiri untuk mencapai objektif-objektif ini walaupun fungsi mereka hanya ekonomi. Misalnya, PETRONAS menggunakan hubungan kontrak dengan syarikat-syarikat minyak lain untuk memaksa mereka mematuhi kuota pekerjaan bumiputera pada semua peringkat jika mereka ingin berniaga dengan PETRONAS. Dalam banyak kes-kes ini, sasaran yang dikenakan jauh melebihi sasaran DEB dan yang mendiskriminasikan pekerja bukan bumiputera di syarikat-syarikat tersebut.

Dari kes-kes ini adalah jelas bahawa bukan sahaja objektif pekerjaan DEB telah menyimpang, bukan sahaja sasaran keseluruhan yang hendak dicapai tetapi juga sasaran kepada syarikat-syarikat tertentu untuk memastikan bahawa jawatan-jawatan kanan yang disimpan untuk bumiputera yang kurang kemahiran. Dalam cara yang sama ia merupakan satu lanjutan dalam perkhidmatan awam di mana pegawai kanan bukan bumiputera sering terlepas dari kenaikan pangkat atas nama ras dan DEB.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1984, Kerajaan telah memulakan latihan penswastaaan yang besar-besaran. Antara aktiviti Kerajaan yang telah diswastakan ialah projek

"turnkey" bagi meletakkan kabel bagi Telekom. Dalam kes ini projek yang bernilai \$2.5 billion dikongsi bersama antara empat syarikat bumiputera tanpa mengeluarkan tender, Subkontrak yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat ini memastikan bahawa bumiputera mempunyai majoriti. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Bakri minta duduk sebentar. Kita hendak membincangkan usul di bawah Peraturan 18 (3), Yang Berhormat boleh sambung kemudian.

Saya jemput Yang Berhormat dari Kampar untuk membawa usul di bawah Peraturan 18 dan saya akan membenarkan 30 minit bagi pihak pencadang dan pada pukul 6.00 pihak Kerajaan akan menjawab selama 30 minit juga. Yang Berhormat dari Kampar, jemput.

## USUL

### TRAGEDI KANAK-KANAK MATI AKIBAT RACUN

5.30ptg.

**Tuan Ngoi Thiam Woh (Kampar):** Tuan Yang di-Pertua, terutama saya hendak merakamkan ucapan takziah bagi pihak DAP kepada keluarga-keluarga mangsa tragedi kanak-kanak mati akibat keracunan di Lembah Kinta. Nyawa mangsa-mangsa yang terkorban ini adalah bukan kerana dosa yang mereka lakukan atau ditempah terlebih dahulu tetapi boleh dikatakan kelalaian dan kecaian yang datangnya dari pihak Kementerian Kesihatan sendiri. (*Tepuk*)

Mengapa saya berkata begini adalah atas hakikat bahawa pihak Kementerian Kesihatan iaitu Menteri, Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun; Timbalan Menteri, Yang

Berhormat Dato' K. Pathmanaban dan SetJausaha Parlimen, Yang Berhormat Dr. Ting Chew Peh, tidak menunjukkan minat langsung pada peringkat awal kejadian ini dan hanyalah selepas 7 nyawa kanak-kanak telah terkorban barulah mereka tergesa-gesa menubuhkan satu pasukan Petugas Khas. Pasukan Petugas Khas pula dipengerusikan oleh seorang Timbalan Pengarah Jabatan Kesihatan yang kepakarannya adalah bukan di bidang yang bersabit dengan kejadian ini tetapi seorang pentadbir Jabatan Kesihatan sahaja.

Sepatutnya pasukan ini haruslah diketuai oleh seorang pakar dalam bidang "epidemiology dan toxicology" yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas. Ini membuktikan penubuhan Pasukan Petugas ini adalah akibat daripada desakan situasi dan bukan daripada satu penelitian yang dibuat secara teliti. Kejadian ini juga secara tidak langsung membongkarkan kelemahan pihak Kementerian Kesihatan yang dibangga-banggakan oleh Menteri dan Timbalan Menteri bahawa Perkhidmatan Kesihatan di negara kita adalah satu-satunya yang terbaik di rantau ini. Tetapi hakikatnya, sampai hari ini punca kematian kanak-kanak yang malang ini belum dapat dikesan. Adakah ini menunjukkan bahawa doktor-doktor kita adalah kurang cekap, tidak mempunyai kepakaran dan pengalaman yang cukup atau tidak mempunyai alat-alat kelengkapan yang cukup untuk menghadapi situasi seperti ini.

Dalam tiap-tiap Belanjawan, negara kita selalunya memberi peruntukan yang besar kepada Kementerian ini. Yang menghairankan saya ialah kenapa pihak Kementerian ini tidak menghubungi WHO (World Health Organisation) atau badan-badan antarabangsa yang lain yang mempunyai kepakaran dalam perkara

ini diperingkat awal. Saya sedar bahawa pihak Kerajaan telah menghubungi pusat-pusat racun di Singapura dan London. Adakah Menteri atau Timbalan Menteri merasa dengan menghubungi pihak-pihak dari luar ini akan mendedahkan kelemahan prestasi Kementerian Kesihatan yang begitu dibanggakan oleh mereka selama ini.

**Dato K. Pathmanaban:** Minta penjelasan.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tidak beri jalan, tntina sendiri. Kalau hendak penjelasan, minta sendiri, jangan minta kepada saya.

**Dato' K. Pathmanaban:** Minta penjelasan. Takutkah?

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Nanti jawab.

Selepas kematian kanak-kanak telah meningkat ke angka 12, barulah pihak Kementerian ini merasa wajar untuk meminta bantuan luar dari negara kita, tetapi ini pula hanya dipanjangkan ke negara Singapura sahaja. Hanya 4 orang pakar dari Singapura sahaja yang tiba semalam untuk membantu menyiasat kejadian ini dan mereka telah mengadakan satu post-mortem ke atas satu mayat mangsa kejadian ini. Sama ada hasil post-mortem ini telah diperolehi atau tidak setakat ini, saya tidak pasti lagi. Dan sama ada kajian ini akan mendatangkan kesan itupun belum dapat dipastikan setakat ini.

Peristiwa ini telah menimbulkan satu kesan yang buruk. Orang ramai berasa amat bimbang kerana pada masa ini tiada seorang pun boleh memastikan bila tragedi ini boleh berakhir dan persoalan bahawa mungkinkah kanak-kanak mereka akan turut menjadi mangsa telah menghantui fikiran mereka.

Peristiwa ini juga telah merebak dengan begitu cepat sekali di kawasan

Lembah Kinta, sehingga orang ramai di kawasan ini telah merasa khuatir untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah, takut-takut anak mereka turut menjadi korban dari punca yang tiada siapa boleh membuat penentuan. Perasaan cemas ini bukanlah tertumpu kepada kawasan ini sahaja malahan jika masih tidak mendapat mengesan puncanya, perkara ini akan merebak ke seluruh negara.

Peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja juga menerima akibat yang serius daripada kejadian ini. Pencarian nafkah mereka telah terjejas dengan teruk sekali akibat dari pemuluan orang ramai ke atas barang-barang makanan pengeluaran mereka.

Selama ini Kerajaan tidak mengambil satu langkah untuk menteteramkan perasaan bimbang dan cemas orang ramai kecuali pihak Kerajaan telah meminta pengeluaran-pengeluar dan peniaga-peniaga "loh see fun" menutup perniagaan mereka selama satu minggu dan mereka pun telah bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan walaupun kerjasama ini bermakna mereka akan menderita. Kenapakah pihak Kementerian terpaksa mengambil masa yang begitu lama untuk menjalankan penyiasatan? Apakah hasil penyelidikan setakat ini dan kenapa pula penyelidikan setakat ini adalah begitu rahsia sekali sehingga tidak berani untuk mengumumkan? Adakah mereka telah mengesan punca keracunan akibat dari racun carbomite ataupun jenis racun yang lain?

Dengan kejadian ini, jika Menteri Kesihatan dan Timbalan Menteri Kesihatan mempunyai maruah, mereka haruslah dengan segera meletakkan jawatan kerana kejadian ini (*Tepuk*) . . . . .

**Dato' K. Pathmanaban:** Minta beri jalan. Jika mempunyai maruah dan muka. minta beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia tak beri jalan. Yang Berhormat dari Kampar, teruskan.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** . . . kerana kejadian ini menunjukkan bahawa mereka adalah cuai dan tidak menjalankan tugas-tugas mereka (*Tepuk*) dengan berkesan selama ini.

Pada hari Isnin lalu, Pemangku Ketua Pembangkang juga telah membuat satu kenyataan akhbar yang meminta Menteri Kesihatan memberi satu kenyataan rasmi di Dewan Rakyat ini untuk menenangkan keadaan rasa cemas orang ramai, tetapi Menteri Kesihatan telah memilih untuk bersikap acuh tak acuh dan seolah-olah perkara ini dipandang tidak penting langsung. Maka perletakan jawatannya adalah wajar. Sekian. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kepong.

5.40ptg.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sekarang baru merasa cemas (*Tepuk*)

**Dato' K. Pathmanaban:**(*Bangun*)

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, tragedi keracunan ini merupakan satu tragedi yang boleh dielakkan. Punca yang utamanya yang menyebabkan tragedi ini merebak ialah penguatkuasaan pihak Kementerian yang tidak cukup, tidak begitu berkesan dan kesedaran Yang Berhormat Menteri yang tidak cukup ke atas betapa cemasnya keadaan tragedi ini. Kerana saya pernah di

haclapan kedua-dua Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalannya pada 19hb ini membangkitkan perkara ini, tetapi mereka sanggup mengejek-ejekkan saya sahaja, (*Tepuk*) daripada mengambil berat tragedi ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang hendak menekankan bahawa kesedaran rakyat mengenai pembuatan makanan yang lebih bersih, lebih hygenic adalah satu kepentingan rakyat di seluruh negara dan hendaklah ditekankan sepanjang masa dan pemeriksaan-pemeriksaan ke atas kilang-kilang yang membuat makanan sepanjang masa adalah mustahil. Itu saya akui. Saya hendak menekankan juga selepas terjadinya tragedi ini, kakitangan hospital dan orang-orang yang terlibat yang lain di dalam tragedi ini telah bertungkus lumus dengan kerja lebihan masa dan sebagainya dengan tetih lesu untuk mencari punca keracunan ini, Akan tetapi tanggungjawab pihak Kementerian itulah yang menjadi satu perkara yang terpenting hari ini.

Pertamanya, saya tidak nampak ada Pusat Racun di negara ini. Ada hampir 16 juta penduduk di seluruh Malaysia, tetapi satu pusat racun pun tidak ada.

#### **Beberapa Ahli: Resign!**

**Dr Tan Seng Giaw:** Ada khabar Universiti Kebangsaan Malaysia akan menubuhkan satu pusat racun kalau selepas tragedi ini, maka tertubuhlah satu pusat racun seperti ini. Itu pun patut juga, tetapi sekarang kita belum ada satu lagi. Pihak Institut Penyelidikan Perubatan terpaksa berhubung dengan Pusat Racun di Singapura dan juga Pusat Racun di London untuk mengetahui apakah yang berlaku di Lembah Kinta. Jadi, pihak di London itu jauh, beribu-ribu batu, macam mana dia bendak dapat tahu? Jadi, itulah yang pertama yang menunjukkan kelalaian pihak Kementerian.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak iaitu sejak Akta Makanan 1985 dikuatkuasakan pihak Kementerian tidak begitu mengambil berat mengenai betapa pentingnya untuk memeriksa, mengawal dan mengawasi segala minuman, makanan, segala sayur-sayuran dan pelbagai makanan lagi, kerana pelbagai makanan ini mempunyai bahan-bahan kimia yang tertentu, termasuk preservatives, termasuk pewarna, Aji-no-moto dan sebagainya dan penguatkuasaan Akta Makanan ini tidak begitu sempurna dan saya dapat tahu bahawa setakat ini pihak Kementerian tidak pun pernah menubuhkan pusat kawalan keracunan makanan; di Lembah Kinta, di negeri Perak, tidak ada, di Lembah Kelang, negeri Selangor Darul-Ehsan, tidak ada Pusat Kawalan Keracunan Makanan. Saya pun dapat tahu di dalam Akta Makanan inipun tidak ada peruntukan untuk menubuhkan Pusat Kawalan Keracunan Makanan ini. Ini merupakan kelalaian yang kedua jadi, saya pun sedar kedua-dua pihak Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalannya sedang fikirkan untuk menubuhkan pusat kawalan keracunan makanan ini. Kalau lewat pun, lain kali saya harap dapat ditubuhkan, kalau perlu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi iaitu dengan penubuhan pasukan petugas ini, yang telahpun disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kampar, contoh-contoh makanan yang diambil daripada mangsa-mangsa sejak 14hb Oktober, contoh ini contoh lama dan kimianya pun mungkin tidak dapat dikenalpastikan kerana di dalam bidang kimia dan penyiasatan kimia ini kalau di dalam contoh makanan, contoh-contoh ini terlalu lama, hendak dapat tahu kimia yang terkandung di dalamnya pun susah. Yang pentignya contoh-contoh ini dianalisiskan dengan cepat. Nampaknya Yang Berhormat Menteri

telah mengumumkan bahawa keputusan penemuan ke atas contoh-contoh makanan yang telah dihantar kepada pelbagai pusat kimia di negara ini akan diumumkan hari ini. Saya pun belum dapat tahu, saya harap dapat diumumkan di dalam Dewan yang mulia ini sekarang. Sejak 14hb lagi.....

**Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun):** Saya tidak katakan saya akan mengumumkan, saya katakan contoh-contoh (samples) kimia itu telah dihantar kepada Jabatan Kimia dan laporannya akan berbalik pada hari Rabu ini kepada Pasukan Petugas.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kalau laporan itu telah diterima oleh Yang Berhormat Menteri mengapa beliau tidak mengumumkan sekarang?

**Beberapa Ahli:** Resign!

**Dr Tan Seng Giaw:** Itulah sikap acuh tidak acuh ini.

**Tuan Chua Jui Meng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Bakri bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dua minit sudah ambil.

**Tuan Chua Jui Meng** Pada semalam. . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Tetapi cuba gantikan. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kalau tidak beri, boleh teruskan. Terserahlah kepada Yang Berhormat.

**Tuan Chua Jui Meng** Boleh? (*Ketawa*). Tidak beri?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kami mempunyai hanya

10 minit, kalau mereka hendak gantikan masa itu, saya boleh beri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak ada ganti.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tidak ada ganti, maaflah Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali di dalam keracunan ini, bidang perubatan sekarang yang mempunyai antidote, antidote perubatan, antidote yang boleh digunakan hanya ke atas kira-kira 10 jenis racun sahaja, dan kalau begitu kita hendaklah tahu apakah jenis racun yang ditemui di dalam contoh-contoh makanan mangsa-mangsa tersebut. Setakat ini mangsa-mangsa itu dapat diberi rawatan secara symptomatic sahaja, secara kebetulan. Kalau hendak harapkan Kementerian Kesihatan untuk menyelamatkan nyawa-nyawa ini, saya boleh kata di sini, terlalu lewat. Ini bukan kesalahan kakitangan, mereka bekerja dengan bertungkus-lumus, cuma arahan dan kepimpinan daripada Kementerian Kesihatan yang kurang, yang tidak memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahu mengapa pihak Kementerian Kesihatan membenarkan laporan bahawa satu jenis mee "loh see fun" adalah punca keracunan. Jadi ini menyebabkan kesusahan ke atas penjual mee yang telahpun menjual mee ini selama bertahun-tahun tidak menyebabkan apa-apa kes keracunan. Mengapa jenis mee itu sahaja yang disyaki, bukan jenis-jenis mee yang lain, bukan jenis-jenis makanan yang lain? Jadi, sikap pihak Kementerian dari peringkat yang pertamanya mengesyaki "salicylate", kemudian mengubah sikap kepada racun yang lain dan sekarang nampaknya mereka mengesyaki mungkin virus "microbiology", sejenis kuman virus

yang terlibat. Jadi, dari peringkat awal lagi Kementerian Kesihatan hendaklah insaf dan sedar bahawa tragedi seperti ini akan melibatkan semua rakyat di Malaysia kerana di Selangor sekarang pun pihak penjual mee mengalami kesusahan kerana tempahan pun sudah kurang kerana orang ramai mengalih selernya, bertukar selera kepada makanan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan di sini iaitu dengan berlakunya tragedi keracunan ini telah terbongkarlah satu "Pandora's Box", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang membongkarkan pelbagai masalah dan kelemahan yang terdapat di Kementerian Kesihatan yang tidak dapat melaksanakan, menguatkuasakan undang-undang yang ada sekarang dalam ertikata yang sebenarnya. Saya nampak pihak sama ada pihak Kementerian ataupun pihak penguatkuasa di daerah-daerah tidak dapat menjalankan tugas yang telahpun diakui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam ucapan kepada partinya, MIC, yang berkata: "Ada pihak penguasa tempatan yang tidak menjalankan tugas dengan betul, dengan tidak jnenjaga kebersihan gerai-gerai dan sebagainya".

**Seorang Ahli:**Bohong!

**Dr Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat Timbalan Menteri mengakui sendiri ada kelemahan dan di sini saya berharap dan saya menggulung ucapan saya, yang pertamanya pihak Kementerian hendaklah membolehkan Pusat Racun diadakan di negara ini; yang kedua, boleh menubuhkan Pusat Kawalan Keracunan Makanan; dan yang ketiga, ahli-ahli Pasukan Petugas hendaklah termasuk pakar-pakar racun "toxicology" dan "forensic" kerana di dalam bidang "forensic" itulah dapat mengesan racun-racun yang disyaki itu, mereka sangat pakar di dalam bidang itu.

Dengan itu, sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Seremban.

5.56 *ptg.*

**Dr Chen Man Hin (Seremban):**Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tragedi ini ialah oleh sebab Kementerian pada mulanya apabila ada satu dua kes sudah berlaku di Teluk Intan, sikap Kerajaan tidak ada sangat baik, tidak ada ambil minat dan sikapnya pun serupa dengan lain-lain kes, tidak apa. Sebab itu Kerajaan sudah di "caught with its pants down", dengan izin. (*Tepuk*)

**Seorang Ahli:** Resign, resign, apabila penyakit ini merebak di lain-lain tempat kerana pada mulanya.....

**Dato' Zainal Abidin bin Zin (Bagan Serai) (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dah Bagan Serai bangun.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, tadi sudah banyak kali bila Yang Berhormat dari Kepong bercakap ada mempunyai suara, "resign, resign", itu apa benda?

Jadi saya minta penjelasan, siapa yang bercakap sudahlah. (*Ketawa*)

**Tuan Hu Sepang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu. Tujuan saya ialah untuk Timbalan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan juga termasuk Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan semua letak jawatan, sebab mereka tidak berguna, tidak bertanggungjawab (*Tepuk*). Lebih baik mereka pergi ke Ipoh makan "loh see fun" sendiri, tengok mereka hidup atau mati! (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Seremban, ada dua minit lagi.

**Dr Chen Man Hin:** Pada mulanya kalau Kementerian Kesihatan ada ambil perhatian dan apabila ada laporan bahawa satu kes telah berlaku, terus . . . . .

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Rahman bin Suliman):** Point of order 41 (e). Jadi jelas Wakil dari Rasah telah menyalahgunakan Peraturan Mesyuarat 41 (e) iaitu "masa seseorang ahli itu bercakap, semua ahli-ahli lain hendaklah diam dan tidak boleh mengganggu dengan cara kurang adab".

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Seremban, ada satu minit lagi.

**Tuan Hu Sepang:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak boleh bercakap lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun atas permintaan Ahli Yang Berhormat, bukan saya suka bangun, ini ada lain macam.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Seremban, ada satu minit lagi.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, kalau apabila satu kes di Teluk Intan berlaku, kalau ada cukup pakar-pakar "pathologists" dan lain-lain, semua ada kerjasama, saya ingat ini boleh dielakkan tetapi efficiency Kementerian tidak cukup, tidak ada satu team untuk mengelakkan kes itu. Saya harap akan datang apabila

Pasukan Petugas diambil bekerja, boleh beri recommendation yang baik untuk mengelakkan kes semacam ini pada masa akan datang. (Tepuk)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab, setengah jam Yang Berhormat.

6.00 ptg.

**Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini, kedudukan yang sebenar dalam kejadian kematian beberapa orang kanak-kanak di Hilir Perak dan Kinta. Kes kanak-kanak pertama yang dalam keadaan yang serius dimasukkan ke Hospital Daerah Teluk Intan mempunyai gejala-gejala muntah termasuk darah dalam muntah, sakit perut dan sawan (fits) telah berlaku pada jam 11.40 malam pada 14hb Oktober. Selepas itu pada 15hb, 4 lagi kanak-kanak yang mempunyai gejala yang sama telah dimasukkan ke Hospital Daerah Teluk Intan. Keesokan harinya pada 16hb, 2 orang kanak-kanak lagi termasuk, seorang kanak-kanak yang mati semasa dalam perjalanan ke hospital telah dibawa ke Hospital Daerah Teluk Intan dengan gejala yang sama.

Pada 16hb itu juga seorang kanak-kanak dari Mambang Diawan, Kampar telah dimasukkan ke Hospital Besar. Ipoh dengan gejala-gejala yang sama. Pada 18hb dan 19hb Oktober, 3 lagi kes kanak-kanak yang mempunyai gejala-gejala yang serupa daripada Malim Nawar, Changkat Siputeh, Siputeh di kawasan Kampar telah dimasukkan ke Hospital Besar Ipoh. Pada 20hb Oktober seorang kanak-kanak dari Teluk Intan dan tiga orang lagi dari Tanjong Tualang, Siputeh dan Mambang Diawan telah dimasukkan ke hospital.

Pada 21hb pula 2 orang lagi, iaitu seorang dewasa dari Siputeh dan seorang dari Tanjong Tualang telah dimasukkan ke Hospital Besar Ipoh. Selepas itu pada 23hb Oktober, seorang perempuan berusia 74 tahun dari Batu Gajah telah dimasukkan ke Hospital Besar Ipoh dengan gejala-gejala yang sama.

Semenjak 23hb itu tidak ada kes-kes dengan gejala-gejala yang sama yang telah dimasukkan ke Hospital Daerah Teluk Intan atau Hospital Besar Ipoh. Jadi pada jumlahnya dalam tempoh masa kejadian ini seramai 19 orang iaitu 17 kanak-kanak dan dua orang dewasa telah dimasukkan ke Hospital Daerah Teluk Intan dan Hospital Besar Ipoh dengan gejala-gejala muntah dan sawan yang serius. Sementara itu sebagai langkah berjaga-jaga beberapa orang kanak-kanak dan dewasa telah dimasukkan ke Hospital Daerah Teluk Intan dan Hospital Besar Ipoh untuk perhatian kerana mereka telah datang ke hospital dari kawasan-kawasan yang terlibat dengan kes kanak-kanak yang saya sebutkan tadi. Mereka telah menunjukkan gejala-gejala muntah atau sakit perut yang ringan dan tidak serius. Seramai lebih kurang 70 orang terlibat dalam kemasukan untuk pemerhatian ini, semuanya kecuali 16 orang sahaja telah dikeluarkan dari hospital.

Daripada 19 kes serius yang telah dimasukkan ke hospital sehingga tengahari ini seramai 13 orang iaitu semuanya kanak-kanak telah meninggal dunia. Kes yang ke-13 itu telah meninggal pada 1.20 pagi hari ini. Seorang daripadanya telah meninggal dalam perjalanan ke Hospital Daerah Teluk Intan. Dua orang kanak-kanak telah pulih dalam keadaan mereka dan dikeluarkan dari Hospital Daerah Teluk Intan. Seorang wanita yang berusia 74 tahun itu telah keluar dari Hospital Besar Ipoh di atas

kemahuan dan tanggungjawabnya sendiri pada petang 20hb. Beliau ini yang nampaknya telah pun sakit selama satu tahun dilaporkan telah meninggal dunia pada pagi semalam di rumahnya. Tiga orang lagi iaitu seorang dewasa dan dua orang kanak-kanak masih ada dalam perhatian dan rawatan di Hospital Besar Ipoh, tidak ada kes dalam Hospital Daerah Teluk Intan pada masa ini.

Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah segera sebaik sahaja tanda-tanda menunjukkan bahawa kejadian kemasukan 7 orang kanak-kanak ke Hospital Daerah Teluk Intan dan kematian 2 orang daripadanya pada 16hb Oktober adalah satu kejadian yang melibatkan sekelompok orang menunjukkan gejala-gejala yang sama.

Pihak hospital telah mengambil contoh darah dan air kencing dari pesakit yang dibawa mati ke Hospital Daerah itu dan juga dari mereka yang dimasukkan ke hospital dengan gejala-gejala muntah, sakit perut dan cirit-birit untuk menentukan sebab penyakit dan kematian. Pesakit yang berkenaan telah dimasukkan ke Unit Rawatan Intensif di Hospital Daerah Teluk Intan dan pada 15hb juga seorang yang dalam keadaan tenat telah dihantar ke Hospital Besar Ipoh untuk rawatan seterusnya.

Pada 16hb 2 orang pesakit lagi telah dirujuk ke Hospital Besar Ipoh, dengan dua lagi diberi rawatan rapi di Teluk Intan dan di mana pada 16hb terdapat satu kes kemasukan. Pakar kanak-kanak bersama pakar perubatan telahpun mengkaji "diagnoses" dan seterusnya memberi rawatan kepada pesakit pesakit. Mereka telah juga mengatur penyelidikan untuk mengetahui punca penyakit itu dengan soalsiasat kepada keluarga dan ujian makmal.

Kes kematian kanak-kanak yang pertama telah berlaku di Hospital Daerah Telok Intan pada petang hari Ahad 16hb Oktober dan pada hari ini juga pasukan penyiasat terdiri daripada doktor-doktor dan Inspektor-inspektor Kesihatan telah ditubuhkan dan mula kerja di peringkat daerah untuk menjalankan siasatan menyoal-siasat keluarga-keluarga pesakit, penjual-penjual barang makanan mengambil contoh-contoh makanan dan sebagainya untuk mengetahui punca kejadian ini.

Pada pagi Isnin, 17hb Oktober, pihak Pengarah Kesihatan Negeri Perak telah menubuhkan sebuah Bilik Gerakan untuk mengawas keadaan, menyelaraskan dan mengaturkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengelak merebaknya kejadian ini serta memberi maklumat yang tepat. Pada 17hb juga pihak Kementerian telah mengaturkan supaya dua orang pakar dari Hospital Besar Ipoh dan Ketua Unit Epidemiology dari Kuala Lumpur pergi ke Teluk Intan untuk mengkaji semula "diagnoses" kes-kes dan membantu dalam usaha mencari punca kejadian ini.

Apabila laporan diterima mengenai kejadian kemasukan hospital dan kematian di Teluk Intan dan beberapa ramai kanak-kanak dimasukkan ke Hospital Besar Ipoh, Kementerian juga telah meningkatkan tindakan pengawasan dan penyelarasan dengan menubuhkan sebuah Pasukan Petugas yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Bahagian Kesihatan Awam dari Kuala Lumpur dengan 11 orang ahli-ahlinya termasuk pakar-pakar dan pegawai-pegawai kesihatan yang kanan.

Pasukan petugas ini telah ditubuhkan pada petang 20hb Oktober dan mula beroperasi pada 21hb di Bilik Gerakan di Ipoh. Ahli-ahli dalam Pasukan Petugas ini bukan seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kampar tadi dan saya

suka menyatakan di sini dalam Pasukan petugas ini adalah Epiidomologist, Consultant atau Physician, Paediatrician dan sebagainya dan mereka juga pakar-pakar yang sangat berpengalaman dan saya berharap bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu bukan menjadi satu bahan untuk memperkecilkan kepakaran mereka itu.

**Dr Chen Man Hin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan nampaknya.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tidak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak beri.

**Tuan Hu Sepang:** Resign, resign! Takut!

**Dato' Chan Siang Sun:** Itu bukan virtue Chinese, you know.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Hu Sepang:** Buang masa!

**Dato' Chan Siang Sun:** Malaysian Chinese never behave like that.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, teruskan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Cuma orang yang bodoh bersifat macam itu. (*Tepuk*)

**Tuan Hu Sepang:** Resign.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Sungai Besi, kalau Yang Berhormat hendak bercakap, kena minta kebenaran daripada saya.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Bukan Sungai Besi, Seputeh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Seputeh.!

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya saya tidak buat apa bunyi pun, tidak ada, diam sahaja, tidak tahu siapa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak mengapalah, saya tidak mahu dengar apa-apa. Yang Berhormat duduk!

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, yang minta kata "resign" tadi Ahli dari Rasah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya harap semua diam semasa Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Dato' Chan Siang Sun:** Siasatan di luar dan kajian-kajian post-mortem dan makmal telah juga dipergiatkan lagi dengan lebih banyak pasukan penyiasat diwujudkan dan bantuan dari institusi lain pun diperolehi seperti dari Universiti-universiti, MARDI dan sebagainya. Saya sendiri telah mengikuti segala perkembangan dalam kejadian ini sejak permulaannya melalui taklimat dari pegawai-pegawai kanan saya dan saya sendiri telah melawat Ipoh dan Teluk Intan pada 21hb dan 22hb Oktober untuk mengkaji kedudukan secara langsung.

Saya perlu menafikan sekeras-kerasnya hujah-hujah dari Yang Berhormat dari Kampar bahawa saya ataupun Kementerian saya hanya mengambil tindakan dalam kejadian ini selepas 7 orang kanak-kanak telah meninggal dunia. Kenyataan saya ini jelas membuktikan perhatian kami sejak permulaan kejadian sampai ke hari ini.

**Tuan Ngoi Thiam Woh (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Ahli dari Kampar bangun minta penjelasan, boleh beri?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tidak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak beri.

**Dato' Chan Siang Sun:** Dia sudah cakap cukup.

Kita telah juga berhubung dengan Pusat Keracunan ataupun Poison Centre di London dan pihak pakar-pakar di Singapura untuk mendapat bantuan daripada pengalaman mereka dalam kejadian-kejadian seperti ini. Kita telah juga dapat mengatur lawatan sebuah pasukan pakar dari Singapura untuk membantu pasukan petugas dalam penyiasatannya. Mereka ini telah tiba pada 25hb dan masih berada di Ipoh. Peraturan sedang dibuat juga menghantar contoh-contoh darah dan bahan-bahan post-mortem ke makmal di London untuk kajian selanjutnya.

Kita belum lagi dapat mengesan punca sebenar kejadian ini. Pendapat awal bahawa kejadian ini disebabkan oleh salicylate telah diketepikan sekarang kerana tahap salicylate yang terdapat dalam darah pesakit-pesakit tidak begitu tinggi yang boleh menyebabkan gejala-gejala yang terbukti dan kematian yang berlaku. Tanda-tanda klinikal dan hasil penyiasatan selanjutnya lebih menunjukkan kejadian ini disebabkan oleh makanan yang telah dicemari oleh kimia toksid yang menyerang ~~liver, buah pinggang seperti hati~~ atau **liver, buah pinggang dan otak.**

Penyiasatan yang lebih intensif sedang dijalankan untuk mengenal pasti kimia toksid ini. Penyiasatan

yang dijalankan oleh pasukan petugas menunjukkan bahawa kebanyakan daripada mangsa kejadian telah memakan satu jenis makanan yang gejala-gejala muntah dan sebagainya telah terbukti beberapa jam selepas memakan bahan itu. Penyiasatan selanjutnya sedang dijalankan di kilang-kilang membuat makanan ini dan di tempat-tempat membeli bahan mentah dan gerai-gerai menjual jenis makanan ini. Kemungkinan pencemaran makanan ini berlaku di peringkat kilang bahan makanan yang diproses. Kerana kemungkinan ini orang ramai telah dinasihatkan berjaga-jaga apabila makan di luar dan seboleh-bolehnya makanlah barang yang dimasak di rumah.

Kantin-kantin sekolah di kawasan berlaku kejadian ini telah pun ditutup sementara. Kilang-kilang yang memproses makanan yang disyaki itu juga telah ditutup sementara waktu. Kita sedang menumpukan segala tenaga dan usaha untuk mengenal pasti punca kejadian ini dan mencegah kejadian itu dari berulang. Sehingga satu keputusan dapat diambil berkenaan punca kejadian ini memanglah orang ramai termasuk peniaga-peniaga akan mengalami sedikit kesusahan. Lebih baik kita berjaga-jaga daripada menjadi mangsa.

Kementerian tidak mempunyai hasrat untuk menyusahkan orang ramai dengan halangan-halangan yang berpanjangan. Kita di Kementerian telah berusaha seboleh-bolehnya dan mengambil segala tindakan yang perlu dalam perkara ini. Kita akan terus berusaha untuk memastikan dan menghapuskan punca kejadian ini. Kita tidak memandang ringan terhadap kejadian ini atau mengelakkan daripada apa-apa tindakan yang perlu.

Kita telah pada setiap hari memberi segala maklumat dan keterangan

mengenai kejadian ini, perkembangannya dan usaha-usaha yang sedang diambil. Kita tidak mahu dan tidak berhasrat menyembunyikan apa-apa dalam perkara ini demi kepentingan orang ramai.

Kerajaan dan kita semua dalam dan luar Dewan ini adalah memandangkan berat di atas kejadian ini. Kerajaan adalah tegas dalam usahanya untuk mengenalpasti puncanya. Saya harap tidak ada siapa yang berwaspada mengenai hasrat Kerajaan dalam perkara ini. Saya berharap Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kampar di mana telah berlaku beberapa kematian dalam kejadian ini akan juga membantu kita dan bertungkus-lumus dalam usaha mengenalpasti punca kejadian ini dan bukan menjadikannya sebagai bahan politik.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Minta penjelasan, Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat 36 (6).

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Dad):** Boleh, dia bagi.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Adakah Yang Berhormat tahu pada tiga, empat hari kebelakangan ini saya dengan sendirinya melawat kawasan saya dan telah mengadakan beberapa perbincangan dengan Pasukan Petugas Kesihatan di kawasan Kampar dan telah pun saya memberitahu Setiausaha Majlis Daerah Kampar bahawa saya akan memberi 100% kerjasama. Saya juga membantu beliau memberi ulasan dan meminta pengeluar dan penjaja-penjaja supaya bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah memberitahu Dewan ini bahawa beliau ada bekerja bertungkus-lumus di Ipoh dan perkara ini beliau pun belum tahu. Saya sekarang khuatir, adakah kenyataannya betul, iaitu beliau bekerja bertungkus-lumus di Ipoh?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya sudah habis, Jadi, saya tidak payah jawab.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Resign, resign!

**Dato' K. Pathmanaban:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat minta penjelasan?

**Dato' K. Pathmanaban:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, adakah beliau yang dikatakan telah bertungkus-lumus dalam perkara ini telah dapat membcritahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong apa sebab sebuah bahan "mee" disyaki, kerana Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi telah berhujah dan mengatakan bahawa kita sewenang-wenangnya memilih sejenis "mee" untuk disyaki dan menjalankan macam-macam siasatan yang membawa kerumitan dan bebanan kepada peniaga-peniaga dan sebagainya. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Kampar telah dengan sesungguhnya dan benar-benar membincang dengan Pasukan Kesihatan, beliau telah pun mula dapat tahu apakah sebab siasatan seperti itu dijalankan. Tetapi nampaknya dalam partinya sendiri tidak ada perbincangan. Ahli Yang Berhormat dari Kepong turun sahaja dari langit, mencampur dan mengambil bahagian dalam perbincangan ini dengan mengatakan apa jua yang beliau suka.

Keduanya, saya hendak dapat tahu dari Ahli Yang Berhormat dari Kampar, jika beliau dalam ucapannya katakan ada banyak beban kepada peniaga kecil dan sebagainya, adakah beliau bertujuan hendak melindungi sesiapa dalam perkara ini atau, sebaliknya, hendak membantu dalam usaha kita semua untuk mencari atau mengesan punca kejadian racun ini, kerana orang yang

tahu dalam perkara ini, khususnya doktor-doktor, harus sedar bahawa bukan senang untuk mengesan punca dalam keracunan makanan seperti ini. Lebih kurang 50% daripada kes keracunan di dunia adalah di dapati di negara-negara Barat, maju dan sebagainya di mana terdapat bukan sebuah makmal kaji makan atau racun makan, tetapi beratus-ratus makmal kaji racun makan dan beribu-ribu pakar lebih daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Seremban dan sebagainya. Terdapat di negara-negara itu banyak kes keracunan makanan di mana juga beratus-ratus orang telah meninggal dunia, dan puncanya tidak dapat dikesan kerana kerumitan dalam perkara ini. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Kampar sedar tentang perkara-perkara ini sebelum dia bercakap atau adakah beliau membincangkan dengan Ahli Yang Berhormat dari Kepong atau Ahli Yang Berhormat dari Seremban dalam perkara ini?

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** (*Bangun*)

**Dr Chen Man Hin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat, dari Kampar dahulu.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Saya rasa kesal selepas mendengar seorang Timbalan Menteri mengeluarkan cakapan yang begitu yang mana beliau meminta saya sama ada melindungi siapa-siapa yang menjual "mee" atau "loh see fun". Saya hendak menerangkan di sini saya tidak melindungi sesiapa dan saya juga tidak terlibat dalam jenis perniagaan begitu. Atas hal menutup perniagaan penjaja-penjaja ini, ini dilakukan bukanlah oleh sebab Kementerian Kesihatan telah memastikan punca racun itu adalah daripada bahan makanan itu, tetapi sebab kelemahan dan kecuaiian Kementerian penjaja-penjaja dan

peniaga-peniaga ini menderita dan bukanlah kerana ianya dikenalpasti bahawa racun itu adalah daripada makanan yang mereka jual itu.

**Dato' K. Pathmanaban:** Adakah Ahli Yang Berhormat, mencadangkan bahawa ada lain bahan yang beliau telah sedar atau ketahui yang menjadi punca untuk keracunan ini atau adakah beliau mengatakan bahawa kita tidak harus mengambil tindakan menasihatkan kepada orang ramai atau minta kerjasama daripada kilang-kilang . . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
(Bangun)

**Dato' K. Pathmanaban:** mengenai bahan-bahan yang disyaki? Haruskah kita tunggu sehingga kita telah pastikan punca-punca itu sebelum kita dapat menutup kilang atau menasihatkan kepada orang ramai? Jika berbuat demikian lebih panjang dibuat ucapan-ucapan dalam Dewan mengatakan Kementerian tidak tahu kerjanya.

**Dr Tan Seng Giaw:**(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, nama saya disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang megatakan saya turun dari langit (*Ketawa*). Saya pun hairan, Yang Berhormat Timbalan Menteri bersikap demikian. Saya pun ada dengar, ada baca mengenai kenyataan Pengerusi Pasukan Petugas yang berkata hasil penyiasatan awal menunjukkan bahawa kebanyakan daripada mangsa keracunan telah makan "mee" atau "loh see fun" yang setengah daripadanya dibekalkan dari Kampar. Itu saya ada baca. Tetapi apa yang saya tekankao itu bukan sewenang-wenangny. Saya pun tidak

sebut sewenang-wenangny. Sewenang-wenangny disebut oleh - Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dia merekakan sebutan saya.

**Dato' K.Pathmanaban:** Adakah beliau mencabar kenyataan Pasukan Petugas itu bahawa kebayakan mangsa telah makan sejenis bahan makanan itu? Kita tidak sebut bahan "loh see fun" atau apa-apa "fun", tetapi kita kata selepas sejenis makanan itu dimakan terbukti beberapa gejala. Adakah beliau hendak nafikan perkara itu tanpa pergi, minta, soal-siasat dan sebagainya; ataupun turun daripada langit begitu sahaja dan soal di Dewan?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Ahli Yang Berhormat dari Marang.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, ini cerita turun dari langit. Saya lihat gelagat DAP ini daripada dahulu lagi. Dalam kes yang seperti ini pun hendak dipolitikkan. Saya nampak cara dia bercakap (*Disampuk*) . . . berhenti! berhenti! duduk DAP! Ini peluang saya hendak minta penjelasan.

**Timbalan Yanjt di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, kita beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat dari Marang bercakap. Kita diam dan selepas itu kalau hendak komen, kemudian.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Saya lihat DAP ini cari satu publisiti murah, konon-kononnya ia hendak jadi juara sedangkan Kementerian Kesihatan telah berhempas pulas, letak doktor, letak jururawat dan tidak cukup dengan itu, pemimpin tertinggi Barisan Nasional Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri datang. Apakah ini tidak cukup kuat.

Yang you all ini DAP, apa buat, turun dari kayangan dewa mana pun tidak tahu. Kerana apa, kerana dia hendak menakut-nakutkan kononnya .....

**Beberapa Ahli:**Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' K o**  
**Kononnya DAP juara champion.**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sila duduk! Masa sudah cukup. Yang Berhormat Menteri, sila bawa Usul.

## PENANGGUHAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 hendaklah ditangguhkan sekarang.

**Dato' K. Pathmanaban:**Tuan Yang di-Perlua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskany MDA. DAP adalah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sepertimana yang dicadangkan sebentar tadi disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengikut Peraturan Mesyuarat 12 hendaklah ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Hajl Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*